

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT

untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322



Selepas anjing dan babi, kini monyet pula

→ ms2

Campurtangan asing atau takut penipuan BN terdedah



→ ms8



Undi protes hanya ulangi kekecewaan Brexit

→ ms9

MOMENTUM PH MELONJAK

MOMENTUM Pakatan Harapan melonjak apabila 14 duta negara Eropah menemui Tun Mahathir dan pimpinan PH yang lain manakala kajian Institut Darul Ehsan (IDE) di kalangan orang kampung dan Felda pula mendapati beliau mendapat sokongan mereka.

Pimpinan PH dalam sidang media mereka baru-baru ini. Kini mereka diiktiraf masyarakat antarabangsa, manakala sokongan di kalangan orang Melayu dan masyarakat Felda pula melonjak.



→ **Laporan penuh lihat muka 2 dan 3**

PROMOSI TERBARU!!

DAPATKAN SEGERA

☎ 01132334322
untuk urusan pembelian


HANYA RM 49




HANYA RM 39




HANYA RM 29



HANYA RM 22



HANYA RM 19



Momentum PH melonjak

SOKONGAN kepada Pakatan Harapan (PH) melonjak selepas Tun Dr Mahathir Mohamad dipilih sebagai calon perdana menteri, samada di peringkat antarabangsa maupun di kampung-kampung yang selama ini menjadi kubu BN.

Ketika 16 duta negara-negara Eropah mengunjungkan beliau dan pimpinan PH yang lain, kajian yang dibuat oleh Institut Darul Ehsan (IDE) sebaik sahaja nama beliau diumumkan sebagai calon PM 7 Januari lalu mendapati sokongan untuk beliau.

IDE menurunkan pengkajinya ke pelusok negara untuk mengkaji tindakbalas

terhadap pencalonan itu sebaik saja selesai Konvensyen PH yang mencalonkan Tun Mahathir sebagai calon PM.

Menurut timbalan pengerusi IDE, Profesor Datuk Dr Redzuan Othman, disebabkan Umno sudah memerintah Malaysia selama lebih 60 tahun dan mempunyai kekuatan akar umbi yang kukuh, PH memerlukan sosok yang kuat dan dikenali untuk melawannya.

"Sebab itulah, menamakan Dr Mahathir sebagai calon perdana menteri pada waktu ini sebagai satu-satunya orang yang paling layak.

"Sebab sekarang kita nampak Dr Mahathir

menjadi tarikan di mana sahaja beliau pergi, di kawasan Felda, kawasan luar bandar," katanya sebagaimana dilaporkan oleh The Malaysian Insight.

Menurut Redzuan, yang menjadi kebimbangan responden yang ditemui IDE dengan usia tua Dr Mahathir kerana ia dikaitkan dengan keuzuran.

"Tetapi walaupun tua, kalau kita berhujah balik umur 92 tahun, masa konvensyen PH, Dr Mahathir berucap selama 41 minit. Umur 92 tahun boleh bercakap lama macam tu. Biasanya orang umur 50 pun tak larat nak bercakap lama macam tu.

"Maknanya umur tu dikaitkan dengan

keuzuran. Tetapi ini tidak terpakai kepada Dr Mahathir. Kenapa orang tak nak umur tua? Kerana bila dah tua ni, uzur dan sebagainya, tetapi tidak bagi Dr Mahathir," kata Redzuan yang pernah menjadi dekan fakulti sastera dan sains sosial Universiti Malaya (UM) dan pengarah Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya UM (UMcedel).

Sebelum ini, 16 duta dari negara-negara Eropah (EU) menemui Tun Mahathir dan pimpinan PH yang lain.

la dianggap satu pengiktirafan kepada beliau dan PH sebagai kerajaan menanti yang menimbulkan keresahan di kalangan pemimpin BN.

BN hilang moral, etika untuk mentadbir, kata Rafidah



Rais Yatim

30 mins •

Teliti foto ini. Nilai dn marwah siasatan jenayah di negara ini sudah jatuh ke tahap merunsingkan. Apalah nas ucapan Tun Dr Siti Hasmah yg sedang beria-ia benar disiasat PDRM ni? Yg sedang joli belanja berbillion RM di 3 benua kenapa tak disiasat? Harap prinsip kwajaran menyiasat tidak mati. Kink imej neutral PDRM sedang diuja khalayak. Berhatiperutlah sdr yg berkuasa.



Komen Rais Yatim di facebook beliau, "Yang sedang joli belanja berbillion RM di 3 benua kenapa tak disiasat?"

DUA bekas menteri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Datuk Seri Rais Yatim mengecam tindakan pihak berkuasa menyiasat Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali ekoran perhimpunan Toksid tahun lalu.

"Kenapa orang tidak dapat menghormati orang-orang yang datang di hadapan kita, siapakah yang meletakkan dasar bangsa yang kita cintai ini?" kata Rafidah di Facebooknya.

Dia kemudian pertikaikan mereka yang "memegang jawatan kepercayaan".

Negara ini telah dipermalukan dengan begitu banyak pemecah belah orang-orang yang memegang jawatan kepercayaan.

"Dan kini, betapa rendahnya orang yang berkuasa akan membungkuk?"

"Jelas sekali, ada yang kehilangan kuasa moral dan etika untuk mentadbir," kata Rafidah.

Rafidah juga mempersoalkan bahawa jika kebebasan bersuara dilarang di Malaysia, negara menjadi diktator.

"Adakah kita menjadi negara yang diktator? Mengapa diambil tindakan? Ada sesetengah orang yang begitu terdesak untuk

melenyapkan apa-apa suara yang menentang?" katanya.

Rais pula berkata, nilai dn marwah siasatan jenayah di negara ini sudah jatuh ke tahap merunsingkan.

"Apalah nas ucapan Tun Dr Siti Hasmah yang sedang beria-ia benar disiasat PDRM ni? Yang sedang joli belanja berbillion RM di 3 benua kenapa tak disiasat?" soal beliau yang dipercayai ditujukan kepada kes 1MDB.

"Harap prinsip kewajaran menyiasat tidak mati. Kini imej neutral PDRM sedang diuja khalayak. Berhatiperutlah saudara yang berkuasa," tulis beliau.

Dr Siti Hasmah, 91, telah mem-

berikan ucapan pendek, sambil berdiri di belakang trak pikap, kepada kira-kira 1,000 wanita berpakaian ungu, yang berarak dari pusat belibelah Maju Junction ke Kompleks Pertama 10 September 2017.

Dia menggesa wanita untuk menentang "politik toksik", termasuk ketidakadilan terhadap wanita, keganasan politik, penggunaan ancaman, perkauman, seksisme, ucapan benci, penyalahgunaan undang-undang dan tidak mengendahkan perlembagaan persekutuan.

Dia disoal sebelum ini di pejabat Dr Mahathir di Yayasan al-Bukhary kerana didakwa melanggar Akta Perhimpunan Aman.

Selepas anjing dan babi, kini monyet pula

SELEPAS anjing dan babi, kini monyet pula digunakan oleh Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang untuk menggambarkan karektor musuh-musuh politik beliau.

Bagi beliau, Pas berdakwah dan berpolitik secara matang dan sejahtera untuk menyelamatkan manusia bersama Islam seramai mungkin, walaupun terpaksa mengorbankan diri, laksana lilin yang bersedia membakar diri, demi memberi cahaya kepada semua.

"Bukan laksana monyet yang melompat dan bergayut mencari-mencari di pokok yang kelihatan lebat buahnya," kata beliau dalam kenyataan yang disebarkan oleh Lajnah Penerangan Pas.

Beliau juga berkata, Pas mesti bertanding seberapa banyak kawasan kerana cita-cita memerintah negara, "bukannya

angan-angan Mat Jenin yang memanjat pokok yang berbuah sahaja walaupun bergayut di dahan yang rapuh sehingga membunuh diri sendiri."

Katanya, Pas sanggup bertanding banyak kerusi kerana "Budaya Pas bukan memanjat pokok yang berbuah, tetapi sanggup memanjat pokok yang tidak berbuah dan belum berbuah kerana keyakinannya akan berbuah apabila tiba masanya kalau dibajakan atau dicantas dahannya.

"Pas sabar berlalunya masa yang panjang, biar lambat asalkan selamat," katanya.

Sebelum ini, Pas mengemukakan akan bertanding lebih 130 kerusi dengan menyasarkan untuk menang sekurang-kurangnya 40 kerusi parlimen.

Walaupun menjadikan DAP sebagai sasaran serangannya, namun Pas tidak meletakkan calon di kerusi yang ditandingi DAP.



Tun M-Wan Azizah gandingan terbaik pembangkang

KUALA LUMPUR: Keputusan Pakatan Harapan (PH) memilih gandingan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Pembangkang Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri adalah satu keputusan tepat.

Malah, Setiausaha Agung Parti Amanah Negara (AMANAH) Mohd Anuar Tahir berkata, pemilihan kedua-dua tokoh itu adalah gandingan terbaik dalam sejarah parti pembangkang dalam

usaha menawarkan kerajaan baharu kepada rakyat.

"Kedua-dua doktor ini masing-masing mempunyai pengalaman luas dalam politik dan pentadbiran negara. Gandingan mereka ini akan dibantu oleh pimpinan PH lain dari kumpulan profesional dan ilmuwan dalam bidang masing-masing.

"Apa yang saya boleh katakan, PH kali ini mempunyai gandingan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta pasukan kepimpinan yang terbaik pernah ada dalam sejarah gabun-

gan pembangkang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika dimintamenjelaskan ucapan beliau pada Konvensyen PH Negeri Pahang pada 27 Jan lalu.

Konvensyen yang berlangsung di Kuantan itu turut dihadiri Dr Wan Azizah selaku Presiden PH yang juga Presiden Keadilan, Ketua Setiausaha PH Datuk Saifuddin Abdullah, Naib Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, Naib Pengerusi Kebangsaan DAP Teresa Kok serta pemimpin PH

negeri termasuk pengerusi keempat-empat parti di negeri itu.

Mengulas isu wujudnya kumpulan kempen #UndiRosak, Mohd Anuar berkata tindakan itu bukan sahaja tidak memberi manfaat kepada perubahan malah satu tindakan yang 'anti-demokrasi'.

Katanya, kempen kumpulan ini bukan sahaja akan hanya menjurus kepada kesudahan yang sia-sia, malah lebih malang ia membantu kerajaan kleptokrat BN untuk mengekalkan kuasa.

"Orang lain sibuk kempen daftar mengundi supaya masyarakat menyertai proses demokrasi, kumpulan ini pula duk hasut masyarakat supaya undi rosak. Ini adalah satu tindakan yang bertentangan dan antidemokrasi," katanya.



Mohd Anuar (kiri) bersama Dr Wan Azizah pada majlis perasmian Konvensyen PH Pahang.



Para pemimpin utama PH di pentas konvensyen.

Tindakan Pas berhibur di WTG satu provokasi

KOTA BHARU: Tindakan Pas mengadakan program hiburan di Wisma Tok Guru, Salor baru-baru ini jelas melanggar dan tidak mematuhi perintah injunksi dikeluarkan Mahkamah Tinggi Kota Bharu, 8 Jan lalu.

Salah seorang peguam yang mewakili Datuk Husam Musa dalam perbicaraan itu, Mohd Murtadza Mokhtar berkata tindakan itu boleh dikira satu provokasi.

Pas Salor dengan kerjasama Urusetia Penerangan Negeri menganjurkan Malam Hiburan Alternatif tanpa pengetahuan Husam.

"Sebaik saya menerima maklumat orang ramai ada sebaran poster program itu, satu surat peringatan telah dihantar kepada peguam mereka tentang pelanggaran ini.

"Sudah dinyatakan dengan jelas bahawa kesan dari pengumuman berkenaan di hartanah itu adalah melanggar atau tidak mematuhi perintah injunksi Erinford oleh Mahkamah," katanya.

Sementara itu ketua AMANAH kawasan Kubang Kerian Fauzi Muhammad yang membuat laporan polis mengenai pengumuman itu berkata, adalah

jelas tindakan itu satu provokasi.

"Saya dapat tahu program itu hanya melalui poster yang ditampal di serata tempat sedangkan pihak Datuk Husam sebagai pengendali sah premis itu tidak mendapat sebarang maklumat," katanya.

Mahkamah menerima permohonan injunksi Erinford Husam untuk kekal berada di kawasan hartanah yang dipertikaikan sehingga segala tuntutan berhubung hartanah tersebut diputuskan mahkamah.

Pihak defendan, iaitu tuan tanah yang baru dilarang



Fauzi (kiri) bersama ahli AMANAH Kubang Kerian selepas membuat laporan polis.

melakukan kacau ganggu, mencero boh atau melakukan

sebarang bentuk provokasi lain.

Bank Pusat Rusia senarai hitam 7 bank Malaysia

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Najib Razak diminta menjelaskan kedudukan penyenaian hitam tujuh bank utama negara ini oleh Bank Pusat Rusia (CBR).

Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa berkata, penyenaian hitam yang dilakukan CBR bermula akhir

tahun lalu turut menyusahkan rakyat Malaysia di Rusia dan Asia Tengah untuk berurusan, termasuk mengirim wang kepada keluarga.

"Dipercayai 1MDB menjadi punca sebahagian bank kita masuk dalam senarai hitam.

"Kebimbangan lebih besar adalah masyarakat dunia seluruhnya akan membekukan

transaksi bank-bank Malaysia yang terlibat.

"Kesan buruk kepada ekonomi negara ini tidak dapat dibayangkan," ujarnya dalam satu kenyataan media, 31 Jan lalu.

Bank Pusat Rusia bermula pertengahan tahun lalu telah mengetatkan pemantauan ke atas pembersihan wang haram

melalui institusi bank negara itu.

The Moscow Times melaporkan, terdapat kira-kira 200,000 perniagaan dan usahawan disenaraihitamkan CBR pada bulan Jun tahun lalu.

Menjelang bulan Okt, senarai itu telah mencecah kepada 460,000 syarikat dan ahli perniagaan.

Terkini dilaporkan pada 1 Jan 2018 terdapat 5,795 perniagaan telah disenaraihitamkan CBR.

Senarai pelanggan 'mencurigakan' CBR itu disebabkan kebimbangan mereka terlibat dalam pengubahan wang haram dan pembiayaan penganas.

Minda Pengarang

Fikirkan kemampuan jentera parti komponen

SEHINGGA

kini nampaknya beberapa negeri, termasuk Selangor, masih menghadapi kesukaran dalam rundingan mengenai agihan kerusi DUN, umpamanya DUN di

Selangor. Sementara di DUN Negeri Sembilan berlaku kekecohan dalam rundingan dan pengumuman agihan kerusi di negeri tersebut yang memalukan Pakatan Harapan. Mujurlah, nampaknya, kekecohan itu sudah dapat diselesaikan.

Bagaimanapun di negeri lain, seperti Perak dan Johor rundingan pengagihan kerusi tidak menimbulkan masalah dan sudah selesai dengan penuh harmoni.

Sepatutnya begitulah, di mana semua rundingan kerusi akan selesai segera, justeru kini sudah pada tahap menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing bagi komponen dalam Pakatan Harapan. Maknanya sekarang ini berada pada tahap mengatur gerak kerja di lapangan, di mana sudah tentu memerlukan tenaga kerja yang banyak di samping penggunaan dana.

Sebab itu dalam sebarang rundingan agihan kerusi, para perunding parti komponen dalam Pakatan Harapan mestilah memikirkan bersama kemampuan jentera parti masing-masing ketika menuntut kerusi yang hendak dipertandingkan. Ini supaya berpadanan antara kemampuan jentera parti masing-masing dengan kerusi yang dituntut.

Dalam masa yang sama, kekalkanlah sikap tolak ansur, keterbukaan, timbang rasa, kesabaran dan seumpamanya, bukan 'membela' ego parti masing-masing yang akhirnya akan merugikan Pakatan Harapan dan mengecewakan rakyat sendiri.

Di sinilah kita sewajarnya mengingat



kembali pesan Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad bahawa, tiada mana-mana parti di bawah gabungan PH untuk mendominasi Pakatan Harapan seperti yang berlaku

dalam komponen BN di mana Umno mendominasi.

Walaupun Bersatu memperoleh agihan kerusi Parlimen di Semenanjung paling banyak, ujarnya, parti dipengerusikan oleh Tun Mahathir itu masih tertakluk di bawah proses semak danimbang.

Di bawah Pakatan Harapan, kata Khalid, kedudukan Bersatu tidak seperti Umno dalam BN. Dalam BN dulu, hanya ada satu parti Melayu iaitu Umno sampai bertanding 120 kerusi.

Tetapi di dalam Pakatan Harapan, tiada parti yang mendominasi, baik Bersatu, mahupun PKR, DAP dan AMANAH. Pakatan Harapan ada semak danimbang seperti dalam soal rundingan kerusi ini, kita bincang, rancang dan setuju bersama, jelas Khalid.

Kini sewajarnya semua jentera parti komponen dalam Pakatan sudah bersiap dan berada di lapangan, menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing. Kerja-kerja peringkat awal sewajarnya dilakukan sekarang dengan menyenaraikan para petugas bila tiba masanya nanti.

Kerja-kerja pilihan raya, selain menyediakan dana memang sangat banyak dan rumit, memerlukan ketekunan, sabar, stamina dan perancangan berstrategi.

Bukan mudah dengan menawan hati pengundi yang pelagai cita rasa dan kerenah.

Oleh itu bersiaplah dari sekarang.

Quraisy dan Makkah

Asal usul keturunan bangsa Arab pasca Nabi Nuh dan kaumnya adalah daripada Nabi Ismail. Ketika Nabi Ismail memasuki Lembah Makkah bersama ibunya Hajar dan bapanya Nabi Ibrahim, beliau baru berusaha dua tahun. Ahli-ahli sejarah melakarkan senario seakan-akan ketika tiga beranak itu tiba ke Makkah mereka dapati Kota Makkah dalam keadaan kosong dan gersang.

Apakah benar Makkah ketika itu sebuah kota yang ditinggalkan, kosong, sepi dan tidak ada sesiapa mendiaminya?

Saya sering bertanya-tanya pada diri saya sendiri mengapa Nabi Ibrahim setelah sedemikian lama berjalan mengharungi padang pasir yang amat panas dan penuh dengan segala bahaya setelah sampai ke Makkah, selang beberapa hari selepas itu terus meninggalkan isterinya Siti Hajar dan anak kecilnya Ismail di bumi yang tandus di bawah terik matahari yang melampau. Oleh kerana difahami rata-rata bahawa manusia yang bernama nabi dan rasul itu adalah amat hebat ujian dan tarbiyah yang mereka lalunya untuk memikul sesuatu tugas yang bakal Allah letakkan ke atas bahu mereka maka, saya terima sahaja naratif yang popular seperti itu seadanya.

Tanpa terikat secara tepat dengan urutan kronologi, mari kita senaraikan perkara-perkara yang kita biasa tahu tentang Nabi Ibrahim, isterinya Hajar dan anaknya Nabi Ismail dalam konteks hubungan mereka dengan kota Makkah:

Pertama, Nabi Ibrahim meninggalkan Hajar dan anak kecilnya Ismail yang ketika itu berumur hampir atau baru melewati dua tahun.

Kedua, Ismail menangis kerana kehausan mungkin sudah berusia putus susu oleh itu sudah berhenti menyusu atau mungkin susu badan Hajar menjadi kurang dan terus kering dalam keadaan yang mereka hadapi.

Ketiga, Hajar berlari dari bukit Safa berulang-alik ke bukit Marwah untuk mendapatkan air minuman untuk anaknya Ismail.

Keempat, Hajar berhenti mencari air apabila beliau sedar di sisi anak Ismail telah membuak-buak keluar air daripada pasir yang asalnya kering-kontang. Hajar segera mengempung pasir bagi mengelakkan air mengalir dan jadilah seperti perigi. Perigi



Pencerahan Mingguan TANWEER USBU'II SAARI SUNGIB

Ketua Biro Dakwah AMANAH Nasional

itu hingga hari ini dinamakan sebagai perigi zam zam.

Kelima, kisah terkenal di mana Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail diperintahkan oleh Allah membina Kaabah (ayat Al-Quran, Surah Al-Baqarah: ayat 127 menyatakan bahawa Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail meninggikan batu asas Kaabah dan bukannya membina Kaabah).

Keenam, Nabi Ibrahim bertanya kepada anaknya Ismail tentang perintah Allah agar beliau menyembelih Ismail. Di mana perintah itu diterimanya berapa kali melalui mimpi. Adapun mimpi para nabi itu adalah benar.

Ketujuh, sejarah mengabdikan kepatuhan yang amat luhur dalam sepanjang sejarah pengabdian manusia kepada Rab-nya apabila Ismail dengan pasrah menyatakan kepada Nabi Ibrahim laksanakanlah apa yang diperintah oleh Allah kepadanya.

Kelapan, pada saat dikatakan pisau sudah diletakkan di atas leher Ismail Allah dengan kudrat dan iradat-Nya telah menyelamatkan Ismail dan menggantikannya dengan zibhin azim. (Al-Quran, Surah 37: ayat 107)

Kesembilan, kisah Nabi Ibrahim berpergian jauh untuk menziarahi anaknya Ismail di Makkah. Setibanya Nabi Ibrahim, beliau disambut oleh menantunya kerana ketika itu Nabi Ismail tiada di rumah. Isteri Nabi Ismail tidak kenal Nabi Ibrahim kerana belum pernah bertemu bapa mertuanya itu. Maka Nabi Ibrahim pun berpesan kepada manantunya agar sampaikan salamnya kepada Ismail dan meminta agar Nabi Ismail menukar tiang pintu rumahnya sebagai kiasan supaya menceraikan isterinya. (daripada hadith riwayat Al-Bazzar dan At-Tabrani)

Kesepuluh, tidak lama selepas itu, Nabi Ismail berkahwin lagi. Sekali lagi, Nabi Ibrahim telah berpergian jauh untuk menziarahi Nabi Ismail dan menantu barunya di Makkah. Sesampai

saja di rumah Nabi Ismail, Nabi Ibrahim disambut oleh menantu barunya yang tidak kenal Nabi Ibrahim adalah bapa mertuanya kerana belum pernah bertemu. Setelah diberitahu suaminya tiada dirumah, maka Nabi Ibrahim pun berpesan kepada manantunya agar sampaikan salamnya kepada Ismail dan meminta agar Nabi Ismail mengekalkan tiang pintu rumahnya sebagai kiasan supaya mengekalkan isterinya. (daripada hadith riwayat Al-Bazzar dan At-Tabrani)

Di sekitar sepuluh perkara di atas pun sudah cukup untuk menimbulkan pelbagai persoalan dan misteri. Bahkan meneliti teks dan naratif yang ada pasti membuat kita berhadapan dengan keadaan kesegaran minda yang kadangkala dilamun kegusaran fikrah setelah datangnya seperti timbul tenggelamnya pencerahan yang datang mengintai.

Saya hanya mengumpulkan perkara pertama dan perkara sepuluh dan akan berwacana tentangnya mengikut tajuk-tajuk; aqidah dan asas kekeluargaan mantap, tingkah laku yang menjadi ikutan orang ramai seolah-olah paksaan dalam beragama, manasik haji dan pencerahan individu dan antara mukjizat dan cerita-cerita biasa yang bersifat manusiawi.

Matlamat wacana di atas adalah agar kita mendapatkan pelbagai wacana dalam pelbagai bidang kehidupan yang luasnya seluas tujuh lautan. Akhirnya kita akan sama-sama bergerak menuju kesudahan tuan-puan ditegaskan dengan ayat di bawah:

"Dan (ingatlah) ketika Rab kamu mengisytiharkan sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Aku tambahkan nikmat-Ku kepadamu. Dan jika kamu mengingkari nikmat-Ku, maka sesungguhnya azab-Ku amat pedih." (Surah Ibrahim, ayat 7)



Undi rosak lagi

KEBEBASAN bersuara bukan bermakna hujah anda tidak boleh disanggah setelah diketengahkan. Tetapi hujah harus disanggah dengan hujah, dan bukannya dicabul hak anda untuk terus berhujah. Misalnya jikalau seseorang anarkis menerbitkan sebuah buku dengan menganjurkan satu pandangan yang tidak dipersetujui sesetengah pihak, maka apa yang harus dilakukan adalah menerbitkan sebuah buku lagi untuk menyanggah anarkis itu, dan bukannya memohon agar buku anarkis tersebut diharamkan.

Konsep ini harus jelas dalam kalangan kita, yang memperjuangkan kebebasan dan demokrasi. Jadi, apabila kita berpegang kepada prinsip bahawa "undi itu rahsia", maka mustahil kita tahu pengundi mana yang merosakkan undinya sebelum dimasukkan ke dalam peti undi. Dengan kata lain, undi rosak adalah pilihan, dan juga hak yang dimiliki seseorang pengundi.

Jadi, isunya apa? Kita mengiktiraf bahawa pengundi berhak merosakkan undinya sebagai cara untuk meluahkan protes. Malah mereka berhak untuk berkempen, sebagai usaha mengolah restu masyarakat massa. Cuma, pada masa yang sama, mereka yang tidak bersetuju dengan #Undi Rosak juga mempunyai hak untuk menawarkan pandangan alternatif. Sama



Siang-Malam
Lim Hong Siang

ada perdebatan idea-idea berbeza ini melibatkan serangan peribadi, atau berbaur diskriminasi, ugutan, ancaman dan sebagainya, ia petanda sejauh manakah kematangan budaya demokrasi kita.

Izinkan saya untuk merumuskan hasil perbincangan #Undi Rosak secara ringkas. Ya, sesungguhnya penyokong #Undi Rosak mempertahankan prinsip politik, tetapi gagal menjawab persoalan bagaimana hegemoni Umno-Barisan Nasional, pemusatan kuasa di tangan Najib Razak, kepincangan sistem politik kita diselesaikan. Risikonya, jikalau pengaruh ini menular sehingga BN berjaya merampas semula majoriti dua pertiga dalam parlimen, maka persempadanan semula kawasan pengundian dengan penambahan kerusi yang memihak kepada BN akan berlaku. Ia menyukarkan lagi pembangkang untuk menumbangkan kerajaan Umno-BN pada masa depan.

Sementara itu, untuk mereka

yang tetap mahu mengundi, sunguhpun terpendam rasa tidak puas hati terhadap Pakatan Harapan – juga terperangkap dalam dilema. Selain penyokong tegar Pakatan Harapan, golongan ini juga terdiri daripada pendukung demokrasi yang tinggi kesedaran politiknya. Undi mereka kini hanya boleh digunakan untuk "memberi pengajaran" kepada MO1, tetapi gagal berbuat demikian terhadap pembangkang. Di sesetengah tempat, PH seolah-olah mengambil kesempatan ke atasnya. Calon dengan latar belakang yang tercalar diletakkan, ataupun tidak memperlihatkan prestasi pentadbiran (kerajaan negeri) dan perkhidmatan (wakil rakyat) yang memuaskan.

Bukan tiada juga risikonya jikalau mengundi PH. Andainya PH menang dan Dr Mahathir Mohamad ditabalkan sebagai Perdana Menteri ke-7, kita berdepan dengan pelbagai kemungkinan. Senario terbaik menyaksikan beliau memerintah dalam kerangka PH, memberi lampu hijau untuk reformasi institusi, dan memperbaiki kepincangan yang ada dalam sistem negara. Tetapi andainya yang berlaku adalah senario terburuk, iaitu beliau mengkhianati perjuangan PH dengan mengulangi pemerintahan kuku besinya, maka titisan keringat yang dicurahkan menjadi sia-sia.

Kedua-dua pihak cuba mem-

buat unjuran dengan andaian masing-masing, untuk membayangkan senario yang mungkin berlaku pada masa depan. Misalnya, ada yang kluatir bahawa GST akan dinaikkan kepada 8% andainya Umno-BN menang; ada pula yang bimbang politik perkauman kembali menyubur setelah Dr Mahathir berkuasa dan PH akan menjadi BN 2.0. Apapun, ia masih tertakluk kepada perubahan senario dan semak-imbang antara parti ketika pada waktunya.

Akhir kata, perbincangan #Undi Rosak ini mungkin terpaksa berakhir dengan "bersetuju untuk tidak bersetuju", kerana nampaknya pihak yang bertentangan pandangan gagal meyakinkan satu sama



lain. Bagaimanapun, perbincangan ini masih bernilai kerana ia akan menjadi rujukan kepada pengundi atas pagar yang belum membuat

keputusan. Bukan sahaja kebernasan hujah yang dikemukakan, tetapi sikap dan budi bicara ketika membalas hujah juga diambil kira. Jadi, serangan peribadi dengan kata-kata kesat terhadap penyokong #Undi Rosak akan menampilkannya imej yang negatif, secara tidak langsung mengiyakan tuduhan bahawa PH dan BN pun dua kali lima sahaja.

Seperkara lagi, hakikatnya kita sedia maklum bahawa aksi lebih lantang daripada suara. Apapun yang diperdebatkan di kalangan aktivis, hanya bermakna sebagai "pertembungan pandangan". Pemimpin parti politik sebenarnya boleh melakukan sesuatu yang lebih, untuk meyakinkan golongan yang masih ragu-ragu untuk mengundi atau boikot PRU14.

Pertama, bezakan PH daripada BN. Manifesto PH seharusnya mengandungi idea progresif untuk jangka panjang berbanding taburan gula-gula untuk kemenangan di depan mata; Kedua, laksanakan janji-janji PH di peringkat negeri yang sedang diperintah. Misalnya, PH menjanjikan had tempoh PM kepada dua penggal, apakah ia akan dilaksanakan juga di Pulau Pinang dan Selangor, sekarang juga?

Hanya apabila janji diterjemahkan kepada aksi politik, barulah PH boleh melangkah lebih jauh, malah ke Putrajaya.

Jelajah siri ke-2 Pakatan Harapan semakin penting

LANGKAH besar kedua Pakatan Harapan sudahpun bermula, dengan mengadakan siri ceramah jelajah seluruh negara.

Ia dilihat sebagai langkah kedua dalam strategi memperkenalkan perjuangan Pakatan Harapan seluruh negara.

Dalam masa yang sama Konvensyen PH peringkat negeri sudah hampir selesai semuanya. Ini bermakna Pakatan Harapan sudahpun melaksanakan jadual ketatnya di seluruh negara, menggambarkan kesungguhannya membuat persiapan untuk menghadapi PRU14 yang bakal tiba tidak lama lagi.

Adapun fasa kedua jelajah PH seluruh negara ini tentu berlainan dengan strategi jelajah fasa pertama dulu di mana ia baru pada peringkat memperkenalkan kehadiran Pakatan Harapan di tengah rakyat.

Kini dalam siri jelajah kedua ini, PH sudahpun selesai mengendalikan pembahagian kerusi parlimen di antara kompo-



nennya, di mana Pengerusi PH, Tun Dr Mahathir Mohamad memuji sikap toleransi yang tinggi yang ditunjukkan oleh parti AMANAH. Tanpa toleransi AMANAH, katanya, pengagihan itu tidak akan berjaya. Parti AMANAH mendapat pembahagian 27 kerusi parlimen.

Ini satu pengiktirafan yang sangat tinggi nilainya dalam siri AMANAH membina integritinya.

Sementara itu dalam Jelajah siri kedua seluruh negara, Pakatan Harapan yang sudah semakin dikenali rakyatnya, maka rakyat mahu tahu lebih lanjut bagaimana

PH akan menyelesaikan masalah, terutamanya, masalah ekonomi yang sangat mencengkam rakyat.

Tentu sekali PH sudah boleh mendedahkan sebahagian besar isi manifestonya kepada rakyat, justeru janji manifesto itu sangat dinantikan oleh rakyat.

Di samping itu, rakyat, setakat ini, sudahpun mengetahui bakal beberapa calon PH untuk parlimen, malah pengagihan kerusi peringkat negeri sudah hampir selesai semuanya.

Dengan itu dalam jelajah siri kedua ini, tentu sekali bakal calon akan berada sama dalam program tersebut. Samada mereka akan diperkenalkan dalam program jelajah itu bergantung kepada kebijaksanaan penganjur dan kesesuaiannya. Namun kita percaya rakyat sangat ingin mengetahui bakal calon dari Pakatan Harapan, dengan keyakinan calon dari Pakatan Harapan baik calon parlimen mahupun DUN mempun-

yai kemampuan untuk menghadapi calon parti lawan dari pihak manapun.

Pendeknya jelajah siri kedua PH diyakini akan memberikan lebih banyak maklumat kepada rakyat untuk menilai kemampuan PH menghadapi Umno/BN dalam PRU14 ini.

Mengenai berapa penjurur pertandingan dalam PRU14 kali ini, kita yakin PH sudah bersedia berapa penjururpun. Justeru PH sangat sedar akan minat pelbagai pihak untuk bertanding.

Namun rakyatlah yang akan menentukan melalui peti undi. Inilah demokrasi. Di lapangan, para petugas komponen parti dalam Pakatan Harapan, diberitakan semuanya sudah 'turun padang', mengatur strategi, jadual kerja dan penerangan selanjutnya.

Kita yakin, Pakatan Harapan sudah sangat bersedia.

Iksim cuba jadikan Malaysia 'negara mullah'

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (Iksim) tidak boleh melihat organisasi lain yang wujud secara sah mengikut undang-undang sebagai musuh, tegas Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH, Ustaz Zolkharnain Abidin.

Sebaliknya kata beliau, Iksim perlu menggunakan peluang untuk melebarkan kebaikan Islam melalui usaha dialog dan wacana dalam pelbagai versi dan sudut pandang tentang agama dan tafsirannya.

Menurutnya, tindakan badan yang berkait dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) itu mengheret mufti dengan menuntut supaya DAP diharamkan tidak menyumbang faedah pada perkembangan Islam.

"Jika Iksim kerjanya mendesak mufti mengharamkan sokongan kepada organisasi itu dan ini, ternyata kewujudan Iksim tidak membawa manfaat besar kepada usaha untuk meletakkan Islam pada tempatnya yang strategik di negara ini.

"Iksim sebagai sebuah agensi yang dibiayai wang pembayar cukai termasuk cukai yang dibayar oleh ahli dan penyokong DAP sepatutnya berusaha meletakkan Islam pada tempatnya yang strategik dalam realiti kepelbagaian Malaysia, bukan berusaha menjadikan Malaysia negara mullah," ujarnya.

“Iksim wajar meraikan kepelbagaian organisasi politik sebagai suatu solusi dan pengimbang kepada keresahan yang ditanggung oleh rakyat Malaysia akibat kebejatan amalan politik parti berkuasa kini...”

Baru-baru ini, Felo Kanan Iksim Engku Ahmad Fadzil Engku Ali yang mendakwa DAP sebagai anti-Islam menggesa para mufti mengeluarkan fatwa berhubung hukum bagi umat Islam mengundi, menyokong dan membantu DAP.

Sebelum itu, Presiden Pertubuhan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Aswaja), Zamihan Md Zain menyifatkan haram bagi masyarakat Islam menyokong dan mengundi DAP.

"Iksim wajar meraikan kepelbagaian organisasi politik sebagai suatu solusi dan pengimbang kepada keresahan yang ditanggung oleh rakyat Malaysia akibat kebejatan amalan politik parti berkuasa kini," ujarnya.

Mengulas lanjut, Zolkharnain menyifatkan reaksi tersebut sebagai wajah sebahagian agamawan di negara ini yang menjadikan agama hak eksklusif

mereka.

"Agama ditafsir sekehendak hati seolah-olah hanya tafsiran mereka sahaja tentang agama adalah benar dan terpakai.

"Oleh kerana mereka mengetuai persatuan agama dan bekerja di institusi berlabel agama, maka kalimah haram dan halal menjadi hak mutlak mereka.

"Kalimah itu boleh dilabel kepada sesiapa saja yang mereka lihat tidak seiring dengan wajah agama yang mereka mahu," tegasnya.

Agamawan sebegini, ujar beliau tidak membina imej positif agama tetapi menconteng wajah agama dengan arang ekstremisme.

Islam yang asasnya adalah rahmat dan keadilan, tambah beliau menjadi rosak angkara agamawan yang berasa diri mereka suci berbanding orang lain.



Ustaz Zolkharnain Abidin

Zamihan dicabar berdebat isu haram undi DAP

Oleh MOHD ALI HASHIM

ARAU: Ketua Sekretariat Pakatan Harapan (PH) Negev ri Perlis, Syed Araniri Syed Ahmad Al Idrus mencabar Presiden Pertubuhan Ahli Sunnah Wal Jamaah Malaysia (Aswaja), Zamihan Mat Zin berdebat pada bila-bila masa dalam isu haram undi DAP seandainya Zamihan masih lagi mempertahankan dakwaan beliau.

Menurut Syed Araniri lagi, beliau ingin mempertahankan kesucian agama Islam kerana sengaja dipolitikkan presiden Aswaja itu.

"Persoalannya adakah apa yang dinyatakan oleh Zamihan adalah 'fatwa' Aswaja atau pendirian beliau sendiri.

"Selain itu perkataan 'haram jadah' yang dizahirkan adalah tidak sesuai diucapkan oleh seorang yang bergelar agamawan.

"Sepatutnya beliau tidak membuat perbandingan dengan mana-mana parti politik dan harus menyatakannya secara umum," jelas beliau lagi.

Beliau turut mempersoalkan mengapa Zamihan tidak mengulas tentang hukum mengundi MCA, Gerakan mahupun MIC yang turut mempertikaikan pelaksanaan syariah khususnya hudud.

Syed Araniri yang berkelulusan Universiti Islam Madinah dan memiliki latar belakang pengajian Sarjana Sosial Islam turut berkata, apa yang cuba dilakukan oleh Presiden Aswaja tersebut adalah bagi mendapat perhatian perdana menteri.

Sebelum ini Zamihan ketika wawancara bersama sebuah portal, telah mendakwa haram untuk umat Islam mengundi DAP kerana parti itu menolak hukum-hukum Islam termasuklah

membantah usaha Pas meminda Akta Mahkamah Syariah 1965.

Dalam dakwaan tersebut juga beliau menyatakan sekiranya jelas DAP bertentangan dengan Islam dan anti-Islam, adalah haram bagi umat Islam menyokong aspirasi perjuangan DAP.

Zamihan juga mendakwa haram mengundi, menyokong dan membantu DAP yang disimpulkan beliau sebagai 'haram jadah'.

"Saya mencabar beliau sebagai individu dan ilmuwan agama untuk mengadakan debat.

"Terserah kepadanya untuk menentukan tarikh, masa dan tempat yang ditentukan oleh beliau.

"Perdebatan ini harus dilakukan bagi menjelaskan kedudukan perkara sebenar agar masyarakat tidak keliru dengan dakwaan yang telah dibuat beliau sebelum ini," tegasnya.

Hala tuju Pas bercelaru bila pemimpin bersilat lidah

KUALA LUMPUR:

Hala tuju Pas dalam politik negara dilihat bercelaru apabila para pemimpin parti itu tidak bersependapat dalam mengulas kerjasama politik yang bakal direntas selepas pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Ketika Pengarah Pusat Penyelidikan Pas (PPP) Dr Mohd Zuhdi Marzuki memberi gambaran bahawa Pas berkemungkinan akan menyertai BN untuk membentuk kerajaan campuran atau kekal sebagai pembangkang, Setiausaha Agungnya, Datuk Takiyuddin Hassan berkata parti itu akan menghadapi PRU bersama Gagasan Sejahtera (GS) serta bersedia untuk menghadapi BN dan Pakatan Harapan (PH).

"Pas mengesahkan sekali lagi bahawa tidak ada sebarang perbincangan atau keputusan di mana-mana peringkat parti untuk menubuhkan kerajaan campuran (UG) dengan BN atau PH dalam konteks PRU14, sama ada sebelum mahupun selepas PRU.

Menurut Takiyuddin, sebarang pandangan atau ulasan yang dibuat oleh mana-mana individu, sama ada dari luar mahupun dalam Pas yang membawa maksud kononnya wujud atau akan wujud UG antara Pas dan BN adalah bersifat peribadi dan hipotetikal semata-mata dan tidak sama sekali mewakili pandangan atau pendirian Pas dan GS.

Dr Zuhdi sebelum itu dipercayai mengulas kenyataan Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad yang menampal kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengenai hasrat Pas untuk membentuk kerajaan atau menyertai pembentukan kerajaan selepas PRU14 nanti.

Tun Mahathir menyifatkan hasrat Pas itu sebagai 'angan-angan Mat Jenin' sekaligus menutup pintu kerjasama dengan Pas jika PH memperolehi kurang kerusi bagi membentuk majoriti mudah di Parlimen selepas PRU akan datang.

Menurut Takiyuddin, rakyat tidak harus dihadkan untuk memilih PH atau BN pada PRU akan datang sebaliknya perlu diberikan hak untuk membuat pilihan lain termasuk Pas dan GS.

Justeru katanya, Pas akan terus mengekalkan amalan dan budayanya untuk membuat sesuatu keputusan penting termasuk isu kerjasama atau tahaluf siyasi dengan mana-mana pihak secara demokratik dengan mendapat persetujuan ahli terlebih dahulu melalui Mukhtar Khas sebelum disahkan Majlis Syura Ulama.

Sebagai rekod GS yang didakwa sebagai 'kuasa politik ketiga' terbentuk selepas Pas memutuskan hubungan politik dengan Keadilan dan DAP.

GS menggabungkan beberapa parti kecil antaranya Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan) dan Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (Berjasa).

Pas juga mendakwa gabungan itu dianggotai 'ratusan' badan bukan kerajaan (NGO) Islam.



Dr Mohd Zuhdi Marzuki



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

20 PAX JEMAAH 1 FREE
*Tertakluk Terma & Syarat



UMRAH MUSIM BIASA

HARGA PROMOSI RM4,900 (11h/09m)

CUTI SEKOLAH

HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

www.alfajrtraveltours.com

4@5 orang sebilik

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

SIRI KE-22
(17-18 MAC 2018)
INSTITUT LATIHAN PEGAWAI AWAM, IPOH, PERAK



SILA HUBUNGI :
EN.FAIZUL (+6012-568 1150)

Nesma Airlines
نسمالطيران

PENERBANGAN UMRAH DARI KUALA LUMPUR TERUS KE MADINAH/MEKAH

HARGA TIKET NESMA DARI

LOW SEASON
RM2,750
(KUL/JED/JED/KUL)

PEAK SEASON
RM2,850
(KUL/JED/JED/KUL)



DISEMBER (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
04 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
07 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
09 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
13 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
14 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
18 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
19 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
23 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
25 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
28 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
29 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690

JANUARI (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
04 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
08 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
13 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090

15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
18 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
24 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
25 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
29 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990

FEBRUARI (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
05 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890
08 FEB	KUL/MED/JED/KUL	5,090
14 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
15 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
19 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
26 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890

MAC (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090
08 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990
12 MAC	KUL/MED/JED/KUL	4,990
19 MAC	KUL/JED/MED/KUL	5,690

22 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090
29 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990

APRIL (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 APR	KUL/MED/JED/KUL	4,990
09 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,890
12 APR	KUL/MED/JED/KUL	5,090
19 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,990
23 APR	KUL/MED/JED/KUL	4,990
30 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,890

MEI (12H/09M) (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 MEI	KUL/MED/JED/KUL	5,090
10 MEI	KUL/JED/MED/KUL	4,990
14 MEI	KUL/MED/JED/KUL	5,990
21 MEI	KUL/JED/MED/KUL	6,390
24 MEI	KUL/JED/JED/KUL	5,290



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

TEL : 03-6127 7790 016-332 4452 / 53

FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my

ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

KEDAH

UST FITRI /
HJ AZIZAN
04-4480709
011-4066 0800 /
013-741 0321



PEJABAT TERENGGANU : 09-631 9931 / 013-985 8257 (HJ IBRAHIM)



PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

MELAKA

HJ RAZAK OMAR
012-310 8464

SELANGOR

HJ NORSHAM
011-3231 4248

PERAK

EN FAIZUL
012-568 1150

KELANTAN

CIKGU NASIR
013-906 5903

PAHANG

HJ YUSOF
016-987 5115

PPINANG

UST LATIF
019-510 0255

NEGERI SEMBILAN

HJ RAZAK AMIT
017-327 2205

JOHOR

HJ KAMAR
019-776 3300

SABAH

HJ AWANG ADI
013-559 8889

SERAWAK

HJ IBRAHIM
013-823 5841

SELANGOR

- BATU CAVES HJ NOORDIN
- AMPANG MOHD ROZAIRAZAL
- AMPANG HJH CONNIE
- AMPANG HJH ROSNANI
- GOMBAK USTAZ ZULFEKAR
- KLANG HAJAH FADILAH
- GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE
- BATANG KALI USTAZ ANAS
- SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT
- KLANG HJ MUSTAFAR
- BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA
- BANGI HJ MOHD JAJOLI
- SHAH ALAM HJ HASSAN
- HULU KELANG HJ ROZALI
- SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL
- BANGI HJH NORIBAH
- HULU SELANGOR NORAISHAH
- SERENDAH RADZIAH MD ISA

Wakil Daerah

- 012-640 3144
- 013-364 8452
- 017-681 2727
- 019-256 0478
- 013-607 7722
- 011-3550 0615
- 019-277 7070
- 019-225 0189
- 019-332 6002
- 012-350 5437
- 012-235 8640
- 019-359 8423
- 010-221 2962
- 019-250 1210
- 019-214 0246
- 019-234 1922
- 012-222 8958
- 019-567 2254

Wakil Daerah

- 019-383 4586
- 013-704 5646
- 013-908 5969
- 019-958 4003
- 012-964 9730
- 016-987 5115
- 019-383 4586
- 012-243 7490
- 013-950 2565

SABAH

- SABAH HAJI RAMLI
- BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH
- KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE
- WIP LAJUAN EN ZULKIFLI
- KINABATANGAN MOHD JEFRI
- KUNAK ENCIC KASMAN
- TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN
- SANDAKAN ENCIC SAHAR
- KUNDAT ARRAHIM BIN LAJAKAYA
- SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH
- ZAN BELURAN AWANG DAMIT
- TUARAN & KB MIASIN BIN MION
- BALONG HJH ROSNAH

PERAK

- BOTA HJH AZIZAH
- TAIPING HJ ABDUL RAHIM
- IPOH MOHD ANI
- MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG
- BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD
- BAGAN DATO HAJI HAMZAH

K. LUMPUR

- SEMARAK KASHPUL ANUAR
- SEGAMBUH HJH ROHANI
- DAMANSARA HAJI ROSLEE
- KEPONG MEGAT NAJIB

MELAKA

- BANDAR MELAKA HJH MASTURA
- ALOR GAJAH M.NAZEER
- JASIN PN ROHANI HARUN

Wakil Daerah

- 019-589 3194
- 019-883 4852
- 013-556 9894
- 014-504 1963
- 011-5166 5530
- 014-865 5663
- 017-647 1594
- 019-803 0104
- 013-893 6806
- 019-823 1419
- 013-286 8839
- 010-510 7871
- 019-808 3885

Wakil Daerah

- 016-774 8965
- 016-562 8140
- 012-589 8965
- 017-523 9308
- 014-254 5221
- 019-347 1575

Wakil Daerah

- 016-656 5803
- 019-248 3420
- 012-327 6401
- 012-315 8613

Wakil Daerah

- 017-347 7612
- 017-698 1474
- 012-651 6003

KELANTAN

- KOTA BHARU USTAZ OSMAN
- PENGKALAN CHEPA AHMAD TARMIZI
- BACHOK CIKGU NURI
- NILAM PURI USTAZ MUHAMMAD ZULKIFLI
- TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID
- PASIR MAS HAJI ALIAS

N.SEMBILAN

- BAHAU UST ZUBIR
- NILAI YAHYA OTHMAN
- GEMAS RIZAL KEMIS
- TELOK KEMANG ABD RAHMAN
- RASAH AZMAL
- SEREMBAN UBAIDAH
- JELEBU HJ MAZIN

PERLIS

- KANGAR MOHD SOLEHIN

KEDAH

- BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ

JOHOR

- AIR HITAM/UTTM HJ. BAHARUDDIN
- PARIT RAJA HJ. YAHYA
- BATU PAHAT HJ. SULAIMAN
- SRI GADING HJ. ABD. JALIL
- PARIT SULONG HJ. REDZUAN
- YONG PENG HJ. A. RAZAK
- PT. ABD. RAHMAN HJ. A. RAHIM
- SRI MEDAN HJ. RAMLI

Wakil Daerah

- 019-980 8538
- 013-972 9304
- 019-989 9028
- 017-237 2387
- 012-951 8172
- 019-915 5656

Wakil Daerah

- 012-380 6140
- 011-1096 6342
- 019-604 6315
- 017-365 4399
- 016-685 4141
- 013-361 2875
- 011-1064 1046

Wakil Daerah

- 019-460 5016

Wakil Daerah

- 019-474 3732

Wakil Daerah

- 011-1053 0254
- 013-756 3090
- 017-229 2402
- 011-1875 7710
- 011-1519 2400
- 013-770 3346
- 017-716 8499
- 019-761 1117

- SIMPANG LIMA/SEMERAH EN. MASUD
- PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI
- TMN. BROLEH PN. HAMIMAH
- RENGIT HJH JUNINAH
- TKG. PECAH HJH. ARFAH
- JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN
- SRI GADING HJH. ZAHARAH
- SKUDAI EN. ABD. JALIL
- NUSAJAYA HJ. RUHAIZAT
- SENAI EN. ZAINUDIN
- INDAHPURA EN. AHMAD SAHRIL
- PASIR GUDANG EN. AMBOK SULO
- KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH
- KOTA TINGGI HJ. SAHRONI
- PT.SAUH/TKG. PECAH EN. KASRIM
- PARIT RAJA EN. MAIROP
- KULAI/TIRAM PN. ROPINAH
- SIMPANG RENGAM AZREEN
- KLUANG HJ. SHAMSUDIN
- BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF
- MUAR HJ. WAGIMAN
- KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM
- SIMPANG RENGAM ABD.WAHAB MAH
- ULU TIRAM HJ. MARJONI
- MAJIDEE HJH SUKARTINI
- PLENTONG MUHAMMAD ALI
- BANDAR BARI UDA PN. SITI MUTI'AH
- SETIA INDAH HASNIZAN
- PASIR RAJA EN. SULAIMAN
- TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN
- TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD
- PARIT RAJA MOHD ZAINOL
- PASIR GUDANG EN. MD. PAUZI
- TAMAN PUTERI USTZH NORAMAHAINI
- KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS

- 012-739 8477
- 012-722 8004
- 013-956 2524
- 017-752 2803
- 017-268 9029
- 019-700 0440
- 013-777 7044
- 019-779 9767
- 019-661 3068
- 012-798 4778
- 018-577 8898
- 019-776 3345
- 013-749 4432
- 019-797 2464
- 013-750 1889
- 017-712 3556
- 013-770 2810
- 019-777 0075
- 019-715 1764
- 019-792 6047
- 013-700 0454
- 019-720 0536
- 016-717 9098
- 013-754 6044
- 013-716 4114
- 019-709 1148
- 019-313 2274
- 016-707 2307
- 011-1273 7991
- 016-751 6565
- 013-722 4568
- 019-778 4487
- 019-728 2233
- 019-728 3783
- 019-374 4393

**HOTEL MEKAH : 1.AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWATD @ SETARAF (+ 600-800m)

HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m), VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING).
Tambahan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing
Tanpa Notis. Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.

BN gelabah bila 14 duta EU bertemu pemimpin PH

Pertemuan duta-duta Kesatuan Eropah (EU) dengan pimpinan Pakatan Harapan minggu lalu, mencetus gelabah dan resah dikalangan pemimpin kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Mana tidaknya, kesudian 14 duta EU bertemu pemimpin gabungan keempat-empat parti pembangkang yang diketuai Tun Dr Mahathir Mohamad itu memberi gambaran bahawa negara luar itu mengiktiraf Pakatan Harapan sebagai sebuah kerajaan menanti.

Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) Mohamad Sabu ketika diminta mengulas perkara itu, tidak menolak tanggapan itu malah boleh bersetuju dengannya.

"Berjumpa duta ini biasa. Cuma yang mereka (BN) terkejut ini sebab 16 duta sekali datang dalam pertemuan itu.

"Kita melihat seolah-olah ada pengiktirafan EU terhadap Pakatan Harapan mungkin sebagai kerajaan baru selepas ini," katanya ketika ditemui selepas Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan di Ibu Pejabat Parti Pribumi Bersatu (PPBM) di ibu negara, 30 Januari lalu.

Terdahulu, foto-foto pertemuan



Mohamad bercakap dalam sidang media Pakatan Harapan baru-baru ini.

pemimpin Pakatan Harapan dengan duta-duta EU itu tersebar luas di media sosial dan aplikasi whatsapp, sehingga

menimbulkan cakap-cakap bahawa ia memberi gambaran akan berlaku perubahan kerajaan di negara ini selepas

Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Ia juga mengundang reaksi segera pemimpin kerajaan termasuk Menteri

Luar Datuk Seri Anifah Aman yang menyifatkan pertemuan itu sebagai "tidak patriotik" dan boleh "menjejaskan maruah negara".

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein juga tampil mengecam pertemuan itu dengan menyifatkan tindakan Tun Mahathir sebagai tidak berpegang kepada prinsipnya yang tidak membenarkan pertemuan antara pembangkang dan duta asing di negara ini semasa pentadbirannya selama 22 tahun.

Sementara itu, Tun Mahathir ketika diminta mengulas komen Hishammuddin itu berkata, Pakatan Harapan menggunakan peluang pertemuan itu untuk menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku.

"Di negara ini mereka merasakan tidak dapat maklumat yang tepat dari kerajaan. Media-media juga dikawal. Mereka nak tahu dan ada hak untuk tahu apa yang berlaku di negara ini.

"Maka kami mengambil peluang itu untuk menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku pada negara ini," katanya pada sidang media sejeurus selesai Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan itu.

Campurtangan asing atau takut penipuan BN terdedah, soal Mahfuz

SERANGAN pemimpin BN terhadap pertemuan antara pemimpin Pakatan Harapan (PH) yang diketuai Tun Dr Mahathir Mohamad dengan 14 duta Negara-Negara Kesatuan Eropah (EU) adalah kerana takut penipuan terdedah.

Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar berkata, tindakan itu menunjukkan pemimpin BN berkenaan gabra dan resah.

"Saya berpendapat, apabila pemimpin Umno-BN cepat bertindak balas terhadap sesuatu isu, yang melibatkan antarabangsa, bererti semangannya mereka dalam masalah.

"Mereka kelihatan gabra dan resah seolah-olah mahu menyembunyikan sesuatu lantas terus berpercakap menyalahkan pihak PH mengadakan pertemuan tersebut," ujar beliau dalam satu kenyataannya.

Ini susulan Duta EU di Malaysia mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak melaksanakan pilihan raya umum ke 14 dengan adil dan saksama.

Mahfuz merujuk kepada kenyataan Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman menyifatkan pertemuan PH dengan duta besar EU sebagai politik terdesak



yang mengundang campur tangan dan tekanan kuasa asing terhadap prinsip demokrasi negara.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Hishammuddin Hussein pula membidas Tun Dr Mahathir Mohamad dengan menyifatkan beliau sebagai pemimpin tidak berpegang pada prinsipnya dan ia membuktikan pemimpin berkenaan hanya memperjuangkan agenda peribadi.

Demikian juga dengan Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Mahadzir Khalid menjelaskan standard sistem PRU di Malaysia yang sekian lama diguna pakai adalah hampir sama seperti di negara lain malah turut

mempunyai tatacara operasi standard (SOP) yang ketat, tiada keperluan untuk pemantau pilihanraya umum (PRU) antarabangsa dihantar ke negara ini.

Menurut Mahfuz, sepatutnya kerajaan Malaysia berterima kasih atas keprihatinan pihak antarabangsa terhadap demokrasi di Malaysia.

"Jika benar Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mengikut tatacara operasi standard (SOP) yang ketat dan standard antarabangsa, maka kerajaan tidak perlu gusar dengan pemantauan negara luar.

"Ia akan menguatkan lagi hujah bahawa kerajaan benar-benar telus dan adil dalam soal perjalanan pilihanraya, apatah lagi, SPR sendiri pernah diundang menjadi pemantau pilihan raya antarabangsa ketika negara-negara lain mengadakan pilihan raya di negara masing-masing.

Pada PRU13 SPR pernah menjemput lima negara Asean menjadi pemantau PRU13 di Malaysia.

"Apa masalahnya jika PRU14 wakil dari negara Kesatuan Eropah (EU) juga dijemput bersama wakil Seketeriat Negara-negara Asean untuk memantau dan memerhati perjalanan PRU negara ini?," soalnya.

Kerajaan salah urus isu boikot minyak sawit, kata Mahathir



Pertemuan duta EU dengan pemimpin PH baru-baru ini melambangkan pengiktirafan antarabangsa kepada PH. Turut dibincangkan isu boikot minyak sawit oleh EU.

Tun Dr Mahathir Mohamad yakin, salah faham terhadap isu boikot minyak sawit tidak akan berlaku jika kerajaan menjalankan tugas dengan baik untuk mendapatkan penjelasan awal dari pihak terlibat.

Katanya, sewaktu pertemuan dengan para duta negara Eropah baru-baru ini, beliau dan pemimpin Pakatan Harapan (PH) telah diberikan penjelasan tentang isu itu.

"Kerajaan telah tersalah uruskan isu ini. Mereka patut dapatkan maklumat sebenar apa yang berlaku dan mengambil tindakan yang sesuai.

"Tetapi sekarang berkata, kita

patut boikot barangan Eropah dan sebagainya, kita perlu fikir semula tentang itu.

"Kita perlu dapatkan maklumat terperinci tentang tindakan EU dan buat formula agar rakyat kita, pen-eroka Felda dan lain-lain tidak menderita kerananya," kata Mahathir.

14 duta negara-negara EU mengunjungi Tun Mahathir dan pemimpin PH baru-baru ini yang disifatkan sebagai satu pengiktirafan terhadap PH.

Sebelum ini, EU dikatakan akan mula menyekat kemasukan minyak sawit Asia ke sana mulai 2021.

Najib dimina selesaikan air Pahang dulu sebelum Kelantan



AMANAH Pahang meminta, Perdana Menteri (PM) Datuk Seri Najib Razak perlu menyelesaikan masalah bekalan air bersih di negeri beliau sendiri, iaitu Pahang terlebih dahulu.

Timbalan Ketua AMANAH Pahang, Syed Hamid Syed Mohamed berkata, Najib tidak usah menabur janji akan menyelesaikan masalah air di negeri Kelantan sekiranya Barisan Nasional (BN) terus diberi mandat menerajui Putrajaya.

"Bantu kerajaan BN Pahang ini dulu sebelum membuat janji mahu bantu Kelantan," kata beliau ketika mengulas janji Najib mahu menyelesaikan masalah air di Kelantan jika BN berkuasa.

Masalah bekalan air di Pahang sering diberi liputan oleh akhbar dan media dan ia melibatkan banyak daerah di negeri itu seperti di Lancang, Mentakab,

Bera dan Jerantut.

Penduduk tempatan terpaksa menggunakan bekalan alternatif seperti air sungai apabila bekalan air paip terputus.

"Sudah sekian lama BN menerajui Kerajaan Pusat dan diberi mandat oleh rakyat Pahang tapi sehingga kini masalah bekalan air masih menghantui rakyat negeri ini.

"Pahang bukan ketiadaan air, tetapi sistem penyaluran bekalan air ke daerah-daerah dan kemudian ke kawasan-kawasan kediaman bermasalah akibat penggunaan peralatan lama yang perlu diganti.

"Paip-paip yang menyalurkan air di negeri ini masih kebanyakannya paip lama, yang sering pecah mengakibatkan bekalan air terganggu," kata Adun Kuala Semantan itu.

Kata beliau, Pahang sebuah negeri yang besar, kerja-kerja penggantian peralatan lama ini melibatkan kos yang besar.

"Pahang memperuntukkan sejumlah dana yang besar daripada bajet tahunannya untuk berhadapan masalah air ini.

"Namun disebabkan dana tidak mencukupi, kerja-kerja pembaikan dan penggantian berjalan secara perlahan," tambah beliau.

Justeru kata Syed Hamid, sekiranya Najib melihat masalah air ini sesuatu yang serius, Kerajaan Pusat perlu memberikan geran khas kepada Pahang untuk membiayai kerja-kerja pembaikan sistem penyaluran air bersih ini dibuat secara menyeluruh.

Undi protes hanya ulangi kekecewaan Brexit

Oleh KANUN

Gerakan undi protes telah berkempen supaya pengundi yang tidak puas hati dengan Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH) untuk merosakkan undi mereka dalam PRU 14.

Gerakan ini tidak puas hati dengan BN di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak kerana kepimpinan BN ini tidak mampu mengatasi masalah ekonomi rakyat, ketirisan dalam perbelanjaan, masalah rasuah dan lain-lain.

Manakala, gerakan undi protes ini juga tidak puas hati dengan PH setelah PH menamakan Tun Mahathir Mohamed sebagai calon Perdana Menteri Ke 7 dalam kerajaan PH yang akan dibentuk setelah PRU 14.

Mereka tidak puas hati dengan Tun Mahathir kerana 'dosa-dosa' Tun Mahathir yang telah dilakukan olehnya semasa beliau berada di tampuk pemerintahan dahulu. Mereka juga beranggapan bahawa menjatuhkan BN dan menggantikannya dengan PH seolah-olah seperti tidak melakukan apa-apa perubahan dan tidak akan membawa Malaysia ke arah yang lebih baik.

Ramai pimpinan BN dan PH tidak merestui gerakan undi protes ini. Datuk Sri Najib sendiri menyatakan gerakan undi protes ini sebagai tindakan yang bertentangan dengan sistem demokrasi di Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed pula berkata bahawa setiap rakyat negara ini berhak mengundi walaupun undi yang dibuat itu sengaja dirosakkan. Tetapi tindakan itu tidak akan menguntungkan mereka. Malah, tindakan sedemikian merugikan pengundi itu sendiri kerana ini adalah hak mereka lima tahun sekali untuk menyuarakan pendapat memilih kerajaan.

Tun Mahathir pula menyifatkan orang yang ingin undi protes ini sebagai 'singkat akal' kerana undi protes itu akan memenangkan BN. Beliau juga berkata bahawa beliau sendiri jauh berbeza dengan Dato' Sri Najib yang mana beliau tidak pernah mencuri wang sebanyak RM2.6 billion

yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi.

Datuk Seri Abdul Hadi Awang, Presiden PAS

pula menyatakan bahawa undi rosak ini adalah bertentangan dengan agama kerana menjadi tanggungjawab orang Islam untuk memilih pemimpin. Beliau juga berkata mengundi adalah kewajipan yang mesti ditunaikan oleh rakyat dan orang Islam.

Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa tiap-tiap warganegara yang berumur 21 tahun yang bermastautin di dalam mana-mana bahagian pilihan raya dan berdaftar sebagai pengundi adalah berhak untuk mengundi dalam pilihan raya ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Perkara 21 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat 1948 menyatakan bahawa setiap orang mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam pemerintahan negaranya sama ada secara langsung atau melalui wakil yang dipilih olehnya [Everyone has the right to take part in the government of his/her country, directly or through freely chosen representatives.]

Perkara 25 Kovenan Antarabangsa Hak-Hak Sipil dan Politik 1966 pula menyatakan bahawa setiap warganegara mempunyai hak dan peluang yang sama untuk memilih dan dipilih dalam suatu pilihan raya umum berkala yang murni, dan dengan hak memilih yang sejagat dan sama, serta dilakukan melalui undi rahsia untuk menjamin kebebasan menyatakan keinginan daripada para pemilih [To vote and to be elected at genuine periodic elections which shall be by universal and equal suffrage and shall be held by secret ballot, guaranteeing the free expression of the will of the electors].

Undang-undang negara ini tidak menjadikan perbuatan merosakkan undi sebagai satu kesalahan jenayah. Namun, ini tentunya akan bertentangan dengan semangat demokrasi yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-



Bangsa Bersatu. Tujuan daripada gerakan undi rosak ini adalah kononnya untuk mengajar BN dan PH supaya mendengar suara mereka. Namun, mereka ini juga yang akan rugi kerana walau bagaimana kuat pun gerakan undi rosak ini dibuat pastinya sebuah kerajaan baharu akan terbentuk selepas PRU 14.

Melihat kepada pola penyokong undi rosak ini adalah berasal daripada pengundi muda - penyokong PH. Mereka mula mencetuskan gerakan undi rosak ini selepas Tun Mahathir diumumkan sebagai calon Perdana Menteri ke 7. Maka, jelas sekali gerakan ini hanya akan menumpukan kepada penyokong PH.

Jika gerakan ini berjaya maka penyokong dan pengundi PH akan berkurangan manakala pengundi dan penyokong BN masih tetap sama. Maka, kelak BN yang akan kembali memerintah selepas PRU 14. Adakah golongan ini mahu melihat BN kembali memerintah dengan dasar-dasar dan polisi yang sama?

Satu-satunya yang relevan dalam gerakan undi rosak ini mungkin kepada penyokong dan pengundi PAS. Ramai penyokong PAS yang tidak puas hati dengan kepimpinan Pas sekarang yang jauh berbeza haluannya pada zaman Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. Almarhum Tuan Guru adalah penyokong kuat Pakatan Rakyat pada masa itu manakala pimpinan Pas pada masa sekarang adalah lebih cenderung kepada BN daripada PH.

Maka, jika penyokong Pas itu tidak mahu mengundi PH atau BN maka usahlah mengundi Pas kerana jika Pas menang mana-mana kerusi mereka akan cuba menjadi 'king maker' yang cenderung kepada BN. Oleh itu, Pas perlu dikalahkan dalam PRU 14 supaya pimpinan Pas yang ada sekarang sedar kesilapan mereka dan akan membetulkan semula hala

tuju Pas selepas ini.

Kesimpulannya, gerakan undi rosak ini harus mengambil pengajaran yang berlaku dalam referendum Brexit di United Kingdom. Menurut laporan media sosial bahawa hanya 36% daripada pengundi muda yang berumur 18-24 yang keluar mengundi. Jika peratusan ini meningkat maka Brexit ini akan gagal dan United Kingdom akan tetap kekal dalam Kesatuan Eropah. Begitu juga, Presiden Donald Trump dilaporkan telah memenangi pemilihan presiden kerana undi golongan tua melebihi golongan muda. Maka, jelas sekali kempen undi rosak ini akan meracuni fikiran anak-anak muda untuk tidak mengundi berbanding pengaruhnya kepada golongan tua. Oleh itu, anak-anak muda yang inginkan perubahan sepatutnya jangan mensia-siakan undi mereka pada kali ini untuk perubahan pemerintahan pada PRU 14 kelak. Anak-anak muda harus turun mengundi PH bagi menjamin berlakunya perubahan dasar dan polisi dalam negara ini.

Lebuh Raya Rakyat jadi kawasan pembalakan tanpa lesen

KOTA BHARU: Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan Datuk Husam Musa mempersoalkan bayaran yang diterima anak syarikat kerajaan negeri, Baldah Toyyibah (Prasarana) Kelantan Sdn Bhd (Baldah) daripada sebuah syarikat kontraktor.

Malah Naib Presiden AMANAH itu turut mempersoalkan aktiviti pembalakan tanpa lesen di laluan projek lebuh raya tersebut.

Dalam tulisannya di media sosial, Husam

hairan mengapakah anak syarikat kerajaan negeri itu bertukar menjadi 'penerima bayaran' daripada syarikat kontraktor sedangkan tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan projek pembinaan lebuh raya pertama di Kelantan.

Beliau turut mendedahkan laporan syarikat perunding yang menunjukkan aktiviti pembalakan di laluan Lebuh Raya Rakyat menjejaskan pembinaan projek tersebut.

"Pembalakan bukan tugas Baldah.

Panjang cerita yang saya dengar dari taklimat pelbagai pihak tentang pembalakan, termasuk di kawasan yang dulunya dicadangkan sebagai RnR (kawasan rehat dan rawat) di dalam naungan kanopi hutan semulajadi.

"Semuanya musnah. Balak dalam jagaan Baldah sekangkang kera pun tidak selamat. Apa moral Membangun Bersama Islam?" soal beliau.

Husam yang juga ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor turut mendedahkan

bahawa aktiviti pembalakan tanpa lesen di laluan lebuh raya itu tidak menjana 'apa yang diharapkan' apabila sebahagian balak disita pihak berkuasa.

Apa yang mengejutkan, tambah beliau salah sebuah kontraktor pembinaan lebuh raya itu diminta membayar RM270,000 kepada Baldah.

"Baldah sebagai syarikat tujuan khas pembinaan lebuh raya bertukar menjadi 'penerima bayaran', bukan pembayar," katanya.

Tinggal parti jangan tinggal kawan, pesan Mahfuz

TUMPAT: Anggota parti dalam Pakatan Harapan (PH) terutama yang baru berhijrah dari parti lama ke parti baru dinasihati meneruskan persahabatan dengan kawan-kawan lama sebagaimana biasa.

"Tinggal parti, jangan tinggal kawan," kata Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar dalam sesi Dialog Kedai Kopi di hadapan masjid Kebakat, dekat sini, 28 Jan lalu.

Menurut beliau, dalam proses demokrasi seramai mungkin kawan diperlukan untuk membantu kemenangan dalam pilihan raya.

"Saya sendiri begitu lama bertahan dalam Pas walaupun sudah pasti saya tidak akan undi parti itu jika ia terus berada di luar PH.

"Saya satu-satunya ahli parlimen Pas yang hadir sama di majlis penubuhan PH dan pendirian saya sejak itu hanya untuk PH.



Mahfuz berucap dalam program santai di Tumpat.

"Saya terus-menerus menyatakan dalam ceramah saya bahawa ahli Pas boleh terus jadi ahli parti itu tetapi bila tiba pilihan raya mereka mesti undi PH jika benar mahu menjatuhkan BN," katanya.

Oleh itu, beliau menasihati ahli AMANAH agar tidak menjauhkan diri dari kawan-kawan 'parti lama' dengan niat dan tujuan yang sama untuk menukar kerajaan BN kepada kerajaan PH yang memihak rakyat dan bersikap adil.



Bergambar bersama Nordin (kiri), Khir (kanan) dan para pemimpin AMANAH Tumpat.

Mahfuz mengisytiharkan keluar Pas pada tengah malam 31 Disember tahun lalu selepas 34 tahun menyertai parti itu.

Sehingga kini beliau belum mengumumkan untuk menyertai mana-mana parti politik.

Turut hadir di majlis santai itu Setiausaha Jentera Pilihan Raya PH Kelantan, Khir Zahari Abdul Ghani, Ketua AMANAH Tumpat Wan Mohd Johari Wan Omar dan Ketua Bahagian PPBM Tumpat, Datuk Nordin Salleh.

'Kalau tidak mahu kuasa, tak usah bertanding'

JELI: Presiden AMANAH, Mohamad Sabu menyelar sikap pemimpin utama Pas yang berdolak-dalih untuk menentang Umno-BN pada pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) ini.

Menurut beliau, kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang sentiasa berubah tentang jumlah kerusi Parlimen yang bakal ditandingi parti itu mengundang tanda tanya umum.

"Presiden Pas kata kami bukan nak berkuasa, sekejap dia kata kami nak kuasa, sekejap lagi dia kata, kami mahu 40 kerusi saja.

"Sekejap kata mahu bertanding 130 kerusi. Kita pun hairan. Kalau tidak mahu kuasa, tidak usah bertanding.

"Kalau nak ambil 40 kerusi, bertandinglah 40 (kerusi)," bidas bekas

Timbalan Presiden Pas itu dalam ceramah umum sempena perasmian Pejabat AMANAH Jeli, dekat sini, 26 Jan lalu.

Sebaliknya, beliau menegaskan Pakatan Harapan (PH) melalui gandingan AMANAH, PPBM, Keadilan dan DAP akan meletakkan calon di kesemua 222 kerusi Parlimen di seluruh negara.

"Bagi PH, kita nak ambil alih kuasa. Orang kata kami gila kuasa. Betul kami gila kuasa sebab kami mahu ambil kuasa daripada orang gila. Sebab itu kita masuk pilihan raya sebab nak kuasa.

"Kami (PH) mahu bertanding di kesemua 222 kerusi di seluruh Malaysia iaitu rakan kami, Warisan bertanding di Sabah.

"Kita nak hadapi BN di 222 kerusi. Soal

menang atau kalah itu perkara lain tetapi hasrat untuk berkuasa tetap ada kepada kita (PH). Hasrat untuk berkuasa tetap ada," ujarnya.

Menyentuh tentang kewujudan AMANAH sejak dua tahun lalu, Mohamad berkata, pendukung dan ahli parti dengan gagasan Rahmatan Lil-Alamin (Islam rahmat bagi sekalian alam) itu istiqamah melawan kemungkaran.

"Kita daripada parti AMANAH kebanyakannya dulu dari Pas, inilah kumpulan yang istiqamah melawan kemungkaran.

"Kita terus berpegang pada perjuangan menentang kemungkaran dan menegakkan kebenaran walau di mana kita berada.

"Kita tidak boleh sekejap kata

perjuangan kita nak ambil alih Malaysia. Sekejap kata kita boleh terima Datuk Seri Najib sebagai perdana menteri," ujar Timbalan Presiden PH itu.

Beliau turut sempat menyatakan penghargaannya kepada rakyat di Kelantan yang sebelum ini memberi mandat kepadanya untuk menjadi Ahli Parlimen lebih 10 tahun.

"Kelantan tidak akan saya lupa kerana rakyat Kelantanlah yang mula-mula menjulang saya menjadi wakil rakyat di Nilam Puri ketika itu. Oleh itu, anda semua tetap di hatiku," ujarnya lagi.

Untuk rekod, Mohamad yang menyertai Pas pada 1981 menang dalam PRU 1990 di Parlimen Nilam Puri sebelum kemudiannya menang di kerusi Parlimen Kubang Kerian pada PRU 1995.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

Ke mana perginya 'rasa sedap' rakyat wahai PM?

PENULIS bersedia mengakui ada tanda-tanda dan fakta-fakta yang sepatutnya membolehkan rakyat rasa lebih sedap dan 'selesa' hari ini. Beberapa bulan sebelum pilihan raya, PM Najib amat memerlukan ini dan perlu diyakinkan untuk berani membubarkan Parlimen.

Ya, dia pastinya mahu menang bahkan tawan kembali Selangor. Beliau bercita-cita untuk dapat kembali majoriti 2/3 di Dewan Rakyat. Andainya 'feel-good factor' tidak berjaya dijana dan dikembalikan, Najib tahu dia akan gagal.

Dalam keadaan media kerajaan sibuk memperaga 'kejayaan' kerajaannya, mengapa Najib kluar atau lebih gusar lagi hari ini? Ini tajuk penulisan saya minggu ini. Untuk permulaan perhatikan angka-angka ini.

Mengikut Bank Dunia, pertumbuhan KDNK untuk tahun 2017 mencecah 5.8%, tertinggi sejak 2014. Tahun lalu juga, nilai ringgit mengukuh 10.7% berbanding Dollar Amerika, kedua terbaik di Asia Timur, di belakang Korea Selatan yang mencapai 13.2% (berbanding US\$).

Ekspot juga meningkat 20.4% dari Januari ke November tahun lalu (2017) berbanding 1.1% pada 2016 dan 1.6% untuk 2015.

Satu lagi, pada awal Januari lalu, ringgit mula memecahkan 'paras' RM3.99 dan kini berada pada tukaran RM3.89 dan RM2.95 berbanding dolar Singapura.

Kalau prestasi Bursa Malaysia yang menjadi ukuran, indeks FBMKLCI telah mencecah 1,860 ketika ini.

Namun di sebalik semua angka member-

angsangkan ini, ada 2 kajian sekaligus 2 petanda besar yang Najib gagal menyuntik rasa sedap atau 'feel-good factor'. Satu dari Malaysian Institute of Economic Research (MIER) dan satu lagi dari Retail Group Malaysia (RGS) atau Kumpulan Peruncit Malaysia.

MIER mendapati 'Indeks Sentimen Pengguna' kekal lemah dan menurun ke paras 77.1 dalam suku ketiga 2017 berbanding tahun sebelumnya. Faktor utama yang mencetuskan ini mengikut Pengarah Eksekutifnya, Dr Zakaria Abd Rashid ialah kos sara hidup dan harga barang yang mahal.

RGM pula menunjukkan statistik peruncitan yang turut lemah. RGM melaporkan jualan (sales) menguncup untuk 3 suku yang mutakhir. Ini berbeza dengan dapatan Jabatan Statistik yang menunjukkan angka jualan meningkat.

Hujah yang cuba dirasionalkan oleh Menteri Kewangan Kedua, tentang jurang ketara (disconnect) antara angka-angka positif yang dibanggakan kerajaan dan realiti sentimen yang lemah di kalangan pengguna dan rakyat mempunyai satu implikasi besar.

Pundit politik meramalkan andainya Najib gagal menyuntik rasa sedap atau 'feel-good' ini dalam waktu terdekat, maka dia akan berdepan dengan amarah dan kebencian rakyat dalam pilihan raya umum akan datang.

Dihujung penggal parlimen ke-13 ini, Najib semacam baru sedar bahawa PRU-14 akan datang ini secara keseluruhan ditentu-

kan oleh isu dan tragedi 'kos sara hidup'. Harga barang dan harga perkhidmatan, khususnya pengangkutan dan kesihatan, terus meningkat tanpa dapat dikawal oleh Kementerian Kesihatan dan KPDNKK.

Najib semacam tidak sedar bahawa segala polisinya yang menarik balik subsidi ke atas barang keperluan harian rakyat, minyak masak, gula dan tepung serta subsidi atas bahan bakar telah mencetuskan lonjakan barang. Pengenalan GST yang memerah keringat dari semua lapisan rakyat sebanyak RM42 bilion, dalam bentuk Cukai Penggunaan itu pastinya tidak mudah dimaafkan rakyat.

Begitu juga mengikut kajian RHB Research, potongan perbelanjaan dan pelaburan awam (kerajaan) oleh Kerajaan Persekutuan dalam 2016 dan 2017 akibat potongan perbelanjaan bajet turut menaikkan harga barang oleh industri kecil-sederhana (SMEs).

Najib bakal berdepan dengan cabaran anprotest vote' yang akan menyaksikan segala impiannya untuk mendapat mandat baru dimusnahkan. Malang buat Najib dia tidak punya masa lagi untuk meyakinkan rakyat bahawa dia berniat baik untuk membela rakyat!

Yang jelasnya, semakin lama Najib mengambil masa untuk membubarkan Parlimen semakin banyak lagi yang terdedah. Disamping berbilion dana rakyat di 1MDB dirompak dan kini menjadi hutang mesti dibayar pembayar-cukai, pelbagai mega-skandal yang dilakukan oleh kerajaan kleptokratnya didedahkan termasuk Felda-KLVC, TRX-Ex-



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

change 106, Bailout Battersea oleh dana PNB dan KWSP, terkini skandal dana MARA UniLodge di Melbourne.

Pakatan Harapan bersedia bertanding menentang Umno-BN habis-habisan bagi menyelamatkan rakyat dan negara ini. Najib dan kunci baru politiknya, diingatkan supaya jangan sekali-sekali menggunakan sentimen ras serta perkauman dan agama Islam secara sempit, untuk mengelabui mata dan meracuni fikiran rakyat dalam pendekatan 'politik pecah perintah'.

Rakyat semakin jelas akan apa sebenarnya hakikat, punca dan sebab kemusnahan negara ini. Negara ini mahu memulakan satu Permulaan Baru - "A New Beginning"! Satu Harapan Baru dalam Satu Impian Baru buat Malaysia Tercinta.

Pakatan Harapan menyeru seluruh rakyat merentasi semua lapisan kaum, agama dan budaya, supaya sama-sama bangkit menolak kerajaan kleptokrat Najib Umno-BN ini dalam rangka agenda 'Bina Semula Negara'.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

Pro dan kontra keputusan kes Indira Gandhi

SAYA telah membaca "in toto" (keseluruhan) keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes M Indira Gandhi v Muhammad Ridhuan.

Bagi saya, keputusan Mahkamah Persekutuan mengenai status sijil kemasukan Islam yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Perak ke atas kanak-kanak itu melibatkan isu pentadbiran (administrative) yang diputuskan tidak sah.

Justeru itu, saya setuju dengan Mahkamah kerana bagi saya, sebarang tindakan yang dibuat secara unilateral mengislahkan anak-anak pasangan itu, atas apa jua niat, adalah tidak adil dan Islam tidak boleh melindungi ketidakadilan sebegitu, tanpa kira siapa juga yang melakukannya.

Saya juga setuju interpretasi Mahkamah tentang bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam ruang lingkup dan batasan Perlembagaan Persekutuan yang ada sekar-

ang. Isu adakah itu bidang kuasa sebenar Mahkamah Syariah mengikut perundangan Islam, bagi saya, ia isu lain dan di luar skop kes itu. Jadi saya rasa kita kena bezakan antara dua itu.

Keputusan Mahkamah yang mengatakan bidang kuasa Mahkamah Syariah mesti diperuntukkan terlebih dahulu secara jelas dalam undang-undang yang digubal oleh Dun atau Parlimen; maaf dan dengan penuh hormat, saya tak setuju walaupun alasan Mahkamah itu agak rasional iaitu untuk mengelak kecelaruan seperti yang berlaku sekarang.

Bagi saya, bidangkuasa Mahkamah Syariah telah ditentukan secara jelas oleh Perlembagaan Persekutuan. Titik. Isu sama ada bidang kuasa itu dinyatakan atau diperuntukkan secara jelas atau tidak dalam Akta atau Enakmen, bagi saya tidak berbangkit.

Cuma saya setuju jika hendak mengelak masalah, kuasa Mahkamah Syariah itu

sewajarnya dinyatakan secara jelas dalam Akta atau Enakmen. Bagi saya, bidang kuasa Mahkamah Syariah atau Sivil sekalipun, takkan hilang hanya kerana Akta atau Enakmen tak sebut secara jelas bidangkuasa itu di dalamnya. Jadi, saya tidak setuju dengan tafsiran mahkamah dalam isu ini.

Saya setuju dengan tafsiran Mahkamah tentang makna "parent" dlm Artikel 12 (4) Perlembagaan Persekutuan. Bagi saya, tafsiran Mahkamah itu agak rasional dan munasabah.

Saya tidak bersetuju komen yang mengatakan keputusan kes itu adalah kemenangan bagi bukan Islam atau kemenangan kepada seluruh rakyat Malaysia. Bagi saya, kita seharusnya elak guna perkataan-perkataan sebegitu. Saya hanya lihat isu ini "purely" daripada sudut keadilan semata-mata.

Bagi Saudara Ridhuan, saya rasa meskipun mungkin niat dia baik sekalipun, namun



saya rasa beliau mungkin diberi nasihat yang tidak tepat. Mungkin beliau atau penasihat beliau terlepas pandang isu keadilan - the core business of Islamic law.

Saya harap beliau cubalah berunding secara baik dengan bekas isteri agar satu penyelesaian dalam bentuk 'menang-menang' dapat dicapai.

Apapun, ini pendapat peribadi saya. Ia bukan pendapat rasmi Parti Amanah Negara. Allah lebih mengetahui.

■ **Penulis ialah Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH dan ahli parlimen Sepang.**

Kanun saran laksana hukum jenayah qazaf

Azmin tak wajar diaibkan

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Menteri Besar Selangor Datuk Seri Azmin Ali tidak wajar diaibkan oleh sesiapa pun dan tuduhan yang dilemparkan terhadap pengerusi Keadilan Selangor itu memberi pengajaran mengapa Islam mewujudkan hukum qazaf.

Qazaf adalah kesalahan jenayah syariah yang merujuk kepada tindakan menuduh seseorang melakukan zina tanpa mengemukakan empat orang saksi.

Hukum qazaf dilaksanakan bertujuan menjaga maruah, harga diri dan air muka individu daripada tuduhan melakukan jenayah seks tanpa bukti.

Ketua Biro Undang-undang dan Hak Asasi Manusia (Kanun) AMANAH Nasional Mohamed Hanipa Maidin berkata, beliau pernah membangkitkan persoalan qazaf di parlimen namun kesal kerana ahli-ahli parlimen yang mewakili sebuah parti Islam tidak peka dengan isu itu.

Menurut Hanipa, beliau pernah mengkritik pedas tindakan seorang peguam kanan di Dewan Rakyat kerana melakukan 'road show' mengaibkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan tuduhan seksual.

Peguam kanan itu, katanya diberi fiat



Azmin Ali

(kebenaran) oleh peguam negara untuk mengendalikan kes dakwaan liwat Anwar.

Menjelaskan inti ucapannya di Dewan Rakyat di laman facebook, Hanipa memetik kandungan sebuah kitab tentang hukum qazaf yang menjelaskan khilaf (perbezaan pendapat) ulama sama ada qazaf termasuk dalam hak-hak Allah atau hak anak Adam (manusia).

Menurut beliau, ulama yang berpendapat qazaf adalah hak Allah menyatakan jika pesalah qazaf memohon maaf

sekali pun, hatta mangsa yang difitnah memaafkan sipenjenayah, hukuman 80 kali sebatan tetap perlu dilaksanakan.

"Sepatutnya yang cakap isu itu bukan saya tapi para agamawan dalam 'parti suci' (Pas). Tapi itulah... yang kuat berkokok (tentang) RUU 355, hairan juga masa kes Datuk Seri Anwar Ibrahim diaibkan, senyap sahaja dalam Parlimen.

"Saya kadangkala bingung isu agama sebegini tak cakap, isu dunia seperti 1MDB pun tak cakap. Habis buat apa ada dalam Dewan Rakyat ya?" soal beliau.

Menurut Hanipa, secara peribadi beliau merasakan Azmin yang juga timbalan presiden Keadilan tidak wajar diaibkan sebegini rupa dan insiden ini menunjukkan betapa pentingnya maruah, harga diri dan air muka individu amat perlu dihormati dan dilindungi dengan hukuman qazaf.

Adik Azmin, Azwan Ali pada 25 Jan lalu membuat laporan polis menggesa siasatan dilakukan terhadap dakwaan skandal seks membabitkan Azmin seperti di dedahkan seorang blogger baru-baru ini.

Laporan polis dibuat Azwan di Ibu Pejabat Polis Dang Wangi kira-kira jam 3 petang.

"Saya buat laporan polis ini kerana kes ini perlu dibersihkan apatah lagi melibatkan nama Azmin Ali dan isterinya.

"Ini maruah seorang pemimpin, ini bukan skandal seks artis tetapi skandal seks pemimpin nombor satu Selangor.

"Saya tak tuduh dia (Azmin) buat skandal seks tetapi laporan polis saya hari ini menjurus kepada dua spesifikasi iaitu menjerus kepada dua spesifikasi iaitu kepada tertuduh dan yang membuat tuduhan (blog terbabit)," kata Azwan, pengacara rancangan hiburan yang menggelarkan dirinya sebagai 'Diva AA'.

Azmin sebelum ini menafikan tuduhan di blog berkenaan yang mendakwa beliau mempunyai hubungan dengan seorang wanita yang sudah berkahwin.

Katanya, artikel itu berniat jahat dan fitnah terhadapnya menjelang pilihan raya umum tidak lama lagi.

Difahamkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah menyekat akses ke blog berkenaan selepas seorang wanita membuat laporan polis.

Sementara itu Azwan turut menggesa Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengantung kedudukan Azmin selaku ahli lembaga pengarah pihak berkuasa itu sehingga siasatan selesai.

Pantau rumah kebajikan, basmi jenayah seks kanak-kanak

KUALA LUMPUR: Angkatan Wanita Amanah (Awan) Nasional menggesa pementauan dan kaedah pengurusan rumah kebajikan menempatkan kanak-kanak di negara ini ditingkatkan sebagai sebahagian usaha membasmi jenayah seks kanak-kanak.

Mengulas kes tangkapan pelaku jenayah seks kanak-kanak yang juga penjaga sebuah rumah kebajikan anak yatim di Ampang Jaya, baru-baru ini, Ketua Awan Nasional Dr Siti Mariah Mahmud berkata kecekapan pihak polis menyiasat sehingga tertangkapnya penjenayah tersebut perlu diberikan pujian.

"Selepas membaca perkembangan laporan kes jenayah ini, sudah pasti banyak pihak yang berharap supaya pelaku jenayah ini dan isterinya yang turut bersubhat dikenakan hukuman yang setimpal.

"Jenayah cabul dan rogol di rumah kebajikan seperti ini bukanlah insiden kali yang pertama. Pada tahun lalu, media turut melaporkan kejadian sama yang berlaku seperti di Petaling Jaya dan Jitra," ujar ahli parlimen Kota Raja itu.

Menurut Dr Mariah, jenayah yang berlaku di rumah kebajikan itu tidak sepatutnya berlaku kerana premis itu didirikan di atas kepercayaan orang ramai sebagai tempat perlindungan golongan yang tidak bernasib baik.

Malangnya, tambah beliau kepercayaan yang diberi telah dikhianati sehingga berlaku kes-kes jenayah terukut yang memangsakan penghuninya.

"Saya khuatir jika jenayah seperti ini gagal dicegah lebih awal, masyarakat akan hilang kepercayaan kepada

kewibawaan premis ini nanti.

"Persoalannya, bagaimanakah pihak berkuasa memantau rumah-rumah kebajikan ini setelah diberi kebenaran untuk beroperasi?

"Adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mampu membuat pemeriksaan rawak untuk mengesan salah laku yang mungkin terjadi kepada penghuni rumah ini yang terdiri daripada kanak-kanak yang melibatkan penderaan seksual, mental dan fizikal?" soal beliau.

Sehubungan itu, Dr Mariah menyarankan supaya semua rumah kebajikan diwajibkan mempunyai jawatankuasa atau lembaga pemantau yang terdiri daripada individu, NGO tempatan, anggota jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK), pendidik dan sebagainya yang difikirkan

sesuai dan tidak terlibat dengan pengurusan harian rumah kebajikan.

"Pada hemat saya, penambahbaikan prosedur perlu ditingkat dan dikemaskini selepas pendedahan jenayah keji ini berlaku termasuklah mengadakan ujian pemeriksaan kesihatan mental pemilik dan kakitangan premis ini," tegas beliau.

Penghuni rumah kebajikan juga, tambah Dr Mariah perlu diberikan kursus penerangan dan pencegahan secara berterusan untuk mengelak daripada menjadi mangsa jenayah seksual.

"Akibat kekurangan maklumat, ada kalanya mangsa-mangsa ini kehilangan punca untuk mengadu jenayah keji yang dilakukan terhadap diri mereka.

"Rumah kebajikan perlu terus dipelihara imejnya dan saya mengharapkan kejadian jenayah yang sama tidak berulang lagi," ujar beliau.

Kit Siang kembali selepas lama berehat

GELANG PATAH: Tokoh veteran DAP, Lim Kit Siang kembali berjumpa rakyat dalam satu program ceramah umum dekat sini, 27 Jan lalu selepas berehat lama atas faktor kesihatan.

Ahli Parlimen Gelang Patah berusia 76 tahun itu diberi sambutan yang cukup hangat oleh lebih 1,500 orang yang menghadiri program berkenaan. Ia adalah penampilan pertama beliau

di khalayak umum untuk program parti selepas berehat setelah menjalani pembedahan buah pinggang Dis tahun lalu.

Pada malam tersebut, Kit Siang kembali berada di atas pentas berucap seperti selalu, dengan ucapan bersemangat mengulas isu-isu semasa ketika pilihan raya umum semakin hampir.



Kit Siang bersama para pemimpin DAP dan PH di majlis ceramah umum dekat Gelang Patah.

Lantik syarikat tidak berpengalaman bina KL Vertical City Felda pinggir syarikat sendiri

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad perlu menjelaskan mengapa Synergy Promenade Sdn Bhd (SPSB) dilantik sebagai pemaju KL Vertical City (KLVC) sedangkan anak syarikat Felda, Encorp Berhad lebih berpengalaman dan berkeupayaan membangunkan tanah-tanah miliknya.

Malah kemampuan SPSB untuk membayar RM500 juta secara tunai kepada Felda dipertikaikan kerana ia tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan terpaksa meminjam bagi melaksanakan projek tersebut.

Membangkitkan perkara tersebut, ahli parlimen Pandan Rafizi Ramli mempersoalkan jawapan diberikan Shahrir terhadap kemusyikilan beliau berhubung hak milik tanah Felda di Jalan Semarak yang didakwa telah dipulung kembali kepada Felda.

Rafizi sebelum ini menggesa Shahrir memberi penjelasan tentang kejayaan Felda mendapatkan kembali hak milik ke atas tanah yang telah diserahkan kepada SPSB sedangkan hak milik itu akan bertukar kepada hak milik strata dan dijual kepada pembeli apabila KLVC siap dibina.

Beliau juga inginkan penjelasan sama ada Felda akan hilang tanah yang dimilikinya jika projek pembinaan KLVC itu diteruskan

“ Dalam temuramah dengan media yang dilaporkan semalam (24 Jan), Tan Sri Shahrir Samad dengan terbuka mengakui bahawa hak milik tanah itu memang akan bertukar menjadi hak milik strata yang akan dimiliki oleh pembeli unit-unit hartanah yang dibangunkan SPSB di atas tanah itu...”

berdasarkan perjanjian yang ditandatangani Felda dan SPSB pada 2014.

“Dalam temuramah dengan media yang dilaporkan semalam (24 Jan), Tan Sri Shahrir Samad dengan terbuka mengakui bahawa hak milik tanah itu memang akan bertukar menjadi hak milik strata yang akan dimiliki oleh pembeli unit-unit hartanah yang dibangunkan SPSB di atas tanah itu,” ujar Rafizi dalam satu kenyataan.

Sehubungan itu, beliau mahu Shahrir menjelaskan keuntungan yang akan diperolehi Felda daripada projek yang dianugerahkan kepada SPSB dan mengapa anak syarikat Felda, Encorp Berhad yang berpuluh kali ganda lebih besar dan berpengalaman tidak dianugerahkan projek tersebut.

Naib Presiden Keadilan itu juga hairan mengapa Felda yang dianggar membelanjakan RM316 juta untuk membeli 70.82% pegangan saham dalam Encorp Berhad tidak menggunakan kepakaran syarikat terbabit bagi membangunkan

tanahnya di Jalan Semarak.

Malah tambah beliau, pembelian saham Encorp Bhd dilakukan Felda pada 2014, seminggu sebelum berita mengenai pembangunan semula tanah-tanah Felda di Jalan Semarak dibuat.

Oleh itu beliau yakin, pembelian saham Encorp dibuat bagi membolehkan syarikat itu membangunkan tanah-tanah milik Felda termasuk tanah-tanah bernilai di Jalan Semarak yang potensinya dianggarkan mencecah RM1 bilion.

“Sebab itu seminggu selepas membayar RM240 juta membeli Encorp dalam tahun 2014, berita-berita milik Umno sendiri melaporkan rancangan Felda menggunakan Encorp untuk membangunkan tanah-tanah tersebut,” ujarnya.

Beliau juga inginkan penjelasan mengapa Felda mengubah pendirian dari melantik Encorp Berhad untuk membangunkan tanah-tanah tersebut, sebaliknya menyerahkan tanah itu kepada SPSB.

“Perkara kedua yang paling penting

yang saya ingin debatkan ialah mengenai pulangan kewangan kepada Felda setelah menyerahkan tanah itu kepada SPSB?” katanya.

Rafizi mempertikaikan kemampuan syarikat terbabit untuk membayar RM500 juta tunai atau RM10% dari jumlah kasar pembangunan (gross development value, GDV) kepada Felda seperti dinyatakan Shahrir kerana SPSB tidak mempunyai sebarang sumber kewangan dan aktiviti perniagaan lain.

Malah syarikat terbabit juga, jelasnya terpaksa berhutang RM100 juta dari bank dengan memberi jaminan harta peribadi pengarah-pengarah bagi melaksanakan projek KLVC.

Rafizi turut menagih penjelasan sama ada SPSB telah mencagarkan tanah yang dipindah milik daripada Felda untuk mendapat pinjaman RM100 juta itu.

“Jika benar tanah-tanah Felda dicagarkan, bukankah lebih baik ia diberikan kepada Encorp kerana sekurang-kurangnya tanah-tanah itu kekal di dalam syarikat Felda dan bukannya diserahkan kepada pemaju swasta yang tidak ada rekod?” soal beliau.

Sehubungan itu, beliau menunggu jawapan daripada Shahrir dan akan terus berdebat melalui media sehinggalah tanah-tanah itu kembali sepenuhnya kepada Felda.

Kesal polis tidak siasat maklumat palsu pengundi

PETALING JAYA: Keadilan melahirkan kekesalan terhadap kegagalan polis menyiasat laporan dikemukakan Biro Politik parti itu berhubung ‘pengundi hantu’ yang didaftarkan di Setapak dan Wangsa Maju.

Sehubungan itu, Ahli Biro Politik Keadilan Datin Paduka Dr Tan Yee Kew menggesa polis segera menyiasat maklumat palsu berkaitan data peribadi pengundi yang diserahkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) oleh pihak tertentu.

Dalam sidang media di Ibu Pejabat Keadilan, dekat sini, 25 Jan lalu, Dr Tan berkata, terdapat 1,429 individu yang dikesan telah memberi maklumat palsu kepada SPR di kawasan Setapak dan Wangsa Maju.

Perbuatan ini, katanya menyalahi Seksyen 177 Kanun Keseksan kerana memberi maklumat palsu kepada penjawat awam.

Bagaimanapun beliau kesal kerana empat laporan polis yang

dibuat Biro Politik Keadilan dari Mei hingga Nov tahun lalu tidak diambil tindakan oleh pihak polis.

Dr Tan menambah, daripada bincangan dan siasatan dilakukan di kawasan Wangsa Maju, terdapat bukti mengaitkan individu yang disyaki menyalahgunakan data peribadi individu lain.

“Mereka bukan pemastautin di alamat tersebut bahkan pemilik alamat-alamat tersebut juga tidak mengetahui, jauh sekali mengenali individu tersebut,” ujarnya.

Beliau kesal kerana jenayah serius memalsukan maklumat kepada penjawat awam itu tidak disiasat walaupun laporan telah dibuat.

“Bukankah menjadi tugas pasukan polis untuk membendung dan melakukan tangkapan terhadap penjenayah dan memberikan (perkembangan) hasil siasatan polis kepada pelapor?” ujarnya.

Justeru Keadilan, tegasnya akan membawa perkara ini ke pengetahuan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan sekiranya



Nurul Izzah dan Dr Tan dalam sidang media di ibu pejabat Keadilan, Petaling Jaya.

dalam tempoh seminggu pihak polis tidak memberikan sebarang respon terhadap laporan yang pernah dibuat Keadilan.

Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar dalam sidang media yang sama berkata, manipulasi maklumat peribadi individu kepada SPR dan JPN tidak sepatutnya berlaku kerana

data peribadi rakyat negara ini sewajarnya dilindungi.

“Pengerusi SPR sendiri pernah mengakui dalam kenyataannya kepada media sebelum ini, menjadi tanggung jawab polis untuk mengambil tindakan selanjutnya.

“Sudah hampir enam bulan tiada sebarang tindakan polis

dilakukan sama ada menyiasat atau mendakwa individu yang menyalahgunakan data peribadi orang lain sebagai pengundi.

“Jika surirumah dan penganggur boleh diahan dan didakwa kerana mengkritik perdana menteri mengapa hal berkaitan manipulasi data peribadi ini tidak disiasat dan diambil tindakan segera?” soal beliau.

Nurul Izzah kesal kerana bukan sahaja persempadanan semula kawasan pilihan raya dan pertambahan undi pos yang mendadak dibuat bagi menjamin kemenangan BN dalam pilihan raya umum (PRU), malah kini aktiviti pemalsuan maklumat pengundi turut dilaksanakan.

Justeru Ahli Parlimen Lembah Pantai itu menyeru rakyat mengundi dalam PRU akan datang demi masa depan negara.

“Sebelum nasi menjadi bubur, Keadilan akan teruskan siri pendedahan ini bagi memastikan semua usaha ini menemui pengakhiran yang menguntungkan rakyat,” ujarnya.

Mahathir lebih bagus dari saya, akui Ku Li

KUALA LUMPUR: Tokoh veteran Umno Tengku Razaleigh Hamzah mengakui Tun Dr Mahathir Mohamad lebih bagus daripada beliau dalam berpolitik dan yakin bekas perdana menteri itu tidak memerlukan apa-apa nasihat daripadanya.

Ini kerana jelas beliau, Tun Mahathir berpengalaman 22 tahun sebagai perdana menteri dan merundingkan banyak perjanjian untuk negara dan parti yang dipimpinya.

"Dia lebih bagus daripada saya. Saya tidak rasa dia mahu dengar apa yang saya perlu katakan.

"Mestilah dia lebih bagus. Dia ada pengalaman 22 tahun sebagai perdana menteri. Dia telah melihat dunia, dia pernah runding perjanjian untuk negara, untuk parti. Siapalah saya berbanding dia?" ujar Tengku Razaleigh dalam temubual dengan laman portal berita tempatan, FMT, baru-baru ini.

Ditanya sama ada Tun Mahathir masih boleh memberi impak

kepada politik negara, Tengku Razaleigh yang lebih dikenali sebagai Ku Li meyakinkannya.

"Boleh kerana pengalaman, pengetahuan luas tentang mengurus dan mengendalikan sesuatu. Sama ada dia akan berjaya, saya tak tahu. Dia tidak ada pasukan macam pasukan saya dalam Semangat 46," ujar beliau.

Ketika diminta membandingkan "Team B", kumpulan yang dipimpin olehnya ketika kempen pemilihan Umno 1987 yang menentang "Team A" dipimpin Tun Mahathir berbanding barisan menteri Umno dalam kabinet Datuk Seri Najib Razak sekarang, Ku Li menjawab ringkas sambil ketawa, "Najib pembantu saya ketika itu".

Ku Li juga membayangkan tidak akan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang kerana faktor usia dan penglibatan lama dalam politik.

"Saya tidak tahu. Saya mahu bersara. Saya benar-benar ingin bersara. Saya telah berkhidmat selama 45 tahun (sebagai ahli



Tengku Razaleigh Hamzah

Parlimen), dan lebih 60 tahun dalam parti," katanya.

Menurut Ku Li, beliau sepatutnya bersara sebelum pilihan raya umum lalu (PRU ke-13) namun diminta bertanding kerana dikhuatiri berlaku 'penggantian parlimen' (kerajaan baru tidak dapat dibentuk kerana kumpulan parti bertanding, BN dan Pakatan Rakyat gagal mendapat majoriti).

Sebagai rekod, Pas menamakan Ku Li sebagai 'calon perdana

“Mestilah dia lebih bagus. Dia ada pengalaman 22 tahun sebagai perdana menteri. Dia telah melihat dunia, dia pernah runding perjanjian untuk negara, untuk parti. Siapalah saya berbanding dia?”

menteri' walaupun tidak mendapat konsensus dua lagi parti dalam Pakatan Rakyat iaitu Keadilan dan DAP.

"Entahlah. Itulah yang mereka lakukan pada pilihan raya lalu. Saya sepatutnya bersara sebelum pilihan raya umum ke-13. Saya mahu berundur. Saya kini berusia 81 tahun. Berapa lama lagi anda mahu hidup?" ujarnya.

Kerabat Diraja Kelantan itu juga menyifatkan Tun Mahathir sebagai seorang yang istimewa kerana dalam umur 93 tahun masih mampu mengembara seluruh negara untuk berkempen.

"Dia istimewa! Jika dia tidak istimewa, saya tidak akan melawannya (ketawa)," jelas beliau.

Ditanya tentang rancangannya selepas bersara, Ku Li mengakui boleh melakukan banyak perkara.

"Mungkin berehat atau terlibat dalam kerja amal. Saya tidak berminat dengan wang. Saya tidak menerima sebarang pelantikan sejak saya berhenti menjadi menteri kewangan. Saya juga tidak menganggotai lembaga pengarah syarikat.

"Saya tidak mahu ke sana sini bagi pihak taikun dari London atau Jepun, untuk bertemu menteri ini dan pegawai itu. Bukannya kerana saya orang besar. Saya boleh hidup dengan pendapatan saya, tidak ada masalah.

"Saya tidak mencuri, saya tidak menipu," katanya yakin.

PH pastikan PM tidak sandang menteri kewangan

Oleh **ARIF ATAN**

JELI: Pakatan Harapan akan memastikan perdana menteri tidak boleh memegang jawatan menteri kewangan bagi mengelak kepincangan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berulang, kata Timbalan Presidennya, Mohamad Sabu.

Mohamad yang juga Presiden AMANAH



Mohamad Sabu

berkata, langkah itu juga bagi memastikan perdana menteri tidak mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas perbendaharaan negara.

"Kita cadangkan dalam manifesto, janji dan tawaran kita perdana menteri tidak boleh jadi menteri

kewangan. Menteri kewangan orang lain, perdana

menteri orang lain.

"Sekarang perdana menteri Najib Tun Razak. Menteri kewangan Najib Tun Razak, Pengerusi 1MDB Najib Tun Razak.

"Bila Pengerusi 1MDB minta duit, minta pada menteri kewangan, nanti menteri kewangan tanya perdana menteri. Najib minta pada Najib, Najib tanya dan Najib lulus.

"Menteri kewangan, perdana menteri, Pengerusi 1MDB orang yang sama. Sebab itu kecurian berlaku secara berleluasa," tegasnya.

Sebaliknya, keadaan berbeza berlaku,

jelas Mohamad dalam ceramah umum sempena perasmian Pejabat AMANAH Jeli, dekat sini, 26 Jan lalu.

"Kalau Pengerusi 1MDB orang lain, menteri kewangan orang lain, dia minta, nanti kita bawa dalam mesyuarat jemaah menteri baru kita hadap pada perdana menteri," ujarnya.

Beliau juga berkata, Pakatan Harapan turut akan mengehadkan tempoh jawatan perdana menteri kepada dua penggal sahaja jika diberi mandat di Putrajaya pada pilihan raya akan datang.

Keadilan yakin PH boleh selesai isu agihan kerusi

PETALING JAYA: Keadilan yakin parti-parti dalam Pakatan Harapan (PH) mampu menyelesaikan isu pengagihan kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) di seluruh negara.

Setiausaha Agungnya, Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata, reaksi akar umbi terhadap keputusan pembahagian kerusi itu bukanlah perkara serius.

"Saya tak anggap itu satu hal serius, seolah-olah perkara yang kita tak boleh bereskan," katanya pada sidang media bersama pimpinan parti di ibu pejabat Keadilan, dekat sini, 29 Jan lalu.

Kekecohan dilaporkan berlaku pada Konvensyen PH Negeri Sembilan, 28 Jan

lalu apabila sebahagian perwakilan PPBM tidak berpuas hati dengan pengagihan kerusi Dun negeri itu.

Lebih 50 ahli PPBM dilapor melaungkan "ini tidak adil" di belakang dewan, sejurus Presiden Keadilan yang juga Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail selesai berucap.

Saifuddin berkata, rundingan pembahagian kerusi di peringkat Negeri Sembilan dimuktamadkan sehari sebelum konvensyen itu berlangsung.

Menerusi rundingan itu, Keadilan diperuntukkan 12 kerusi Dun, DAP (11), AMANAH (7) dan PPBM (6).

"Itu adalah formula yang

dimuktamadkan untuk agihan kerusi negeri di Negeri Sembilan oleh perunding peringkat pusat.

"Oleh kerana rundingan di peringkat negeri telah berjalan lama, ada beberapa pertindihan dan semua parti bersetuju proses memuktamadkan itu dilakukan pimpinan pusat.

"Negeri boleh muktamadkan dengan cantik, peranan peringkat pusat hanya mengesahkannya," katanya.

Beliau berkata, kepimpinan pusat akan membantu negeri yang menghadapi masalah pembahagian kerusi.

Dalam perkembangan berkaitan beliau berkata, rundingan kerusi Dun di

Selangor diserahkan kepada kepimpinan PH negeri.

"Seperti yang berlaku di Selangor, Pahang, Terengganu atau di Kelantan, proses itu adalah proses biasa yang pimpinan pusat akan benarkan untuk proses rundingan itu berjalan dan sekarang adalah di peringkat negeri.

"Saya percaya Selangor juga melalui proses sama. Buat masa ini, ia masih lagi berlangsung perundingan di peringkat negeri, belum lagi memerlukan penglibatan pimpinan pusat.

"Jadi saya yakin, optimis Selangor juga boleh selesaikan (pembahagian kerusi)," katanya.

Calon TPM PH serasi de ikon Cik Siti Wan Kembang

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Keputusan Pakatan Harapan (PH) menamakan Datuk Seri Wan Azizah Ismail sebagai calon Timbalan Perdana Menteri (TPM) amat serasi dengan kehendak wanita yang menjadikan Cik Siti Wan Kembang sebagai ikon mereka.

"Wanita PH Kelantan pasti dapat modal besar bila kita calonkan wanita sebagai TPM.

"Di sini kepimpinan wanita diterima dan pemah dalam sejarah Cik Siti Wan Kembang begitu terkenal," kata Ketua Penerangan Wanita PH Nasional, Aiman Athirah al Jundi ketika berucap di majlis pelancaran Wanita PH peringkat negeri Kelantan di Wisma Tok Guru, Salor, dekat sini, 27 Jan lalu.

Perkembangan ini katanya, adalah pertama kali dalam sejarah negara dan ia pasti memberi impak baru kepada usaha menukar kerajaan pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Konvensyen PH kali ke-2, 7 Januari lalu telah membuka era baru dalam perjuangan membina sebuah kerajaan baru.

"Usaha menukar kerajaan di negara kita tidak pernah berjaya kerana sejak merdeka hingga kini kita tidak pernah menukar strategi," katanya.

Kali ini katanya, gabungan pembangkang berjaya mengemukakan kepada rakyat perkara-perkara baru yang tentunya akan memberi hasil yang berbeza.

"Selain menamakan wanita sebagai TPM kita kemukakan Tun Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri (PM).

"Ramai yang kritik mengapa tak calonkan orang muda, kita kena sedar kita berada di Malaysia bukannya Eropah atau Amerika.

"Kita perlukan pemimpin terhormat barulah kesepaduan dicapai dan penggabungan kemas kerana budaya kita menghormati yang tua," katanya.

Turut berucap di majlis itu Ketua Wanita PH Kelantan, Norashidah Jaafar dan

pemimpin wanita parti-parti ar Kelantan.

Norashidah dalam ucapannya akan berusaha menggembeng wanita bagi menjayakan cita-cita bentuk kerajaan baru selepas PH datang.

"Kita akan tinggalkan perkara titik bengkok di belakang dan akan pukan sepenuh perhatian men kerajaan bagi menyelamatkan

"Kedua-dua kerajaan Kelantan Malaysia kini tidak peduli kesu dan ia mesti diganti.

"Alhamdulillah gabungan ki semakin mantap dan semua su sedia untuk turun bekerja sepe katanya.

Majlis gilang-gemilang itu di perwakilan wanita semua parti negeri Kelantan.

Setiausaha PH Kelantan, Maz Rahman dan Setiausaha AMAN tan, Rushdan Mustafa turut ha

Setiausaha PH Kelantan, Mazlan Abdul Rahman menyampaikan ucapan alu-aluan.



Antara pemimpin-pemimpin Wanita PH Kelantan yang hadir.



Sesi dialog dengan Ketua Penerangan Wanita PH.



Fatimah Suryati Othman dari Wanita Keadilan Kota Bharu mendeklamasi sajak berjudul Wanita Tidak Lagi Menangis.



Petugas meja pendaftaran di hari pelancaran Wanita PH Kelantan.



Kenderaan

enggan ang

nggota PH
ya berjanji
g tenaga
ta PH mem-
PRU akan
ra kecil dan
an menum-
mbentuk
rakyat.
an dan
sahan rakyat
ta sekarang
dah ber-
nuh hati,"
hadiri
dari seluruh
zlan Abdul
NAH Kelan-
dir.



Athirah melancarkan Wanita PH Kelantan.



Menyanyikan lagu Negaraku dan lagu empat parti komponen PH.



Norashidah menyampaikan cenderahati kepada Aiman Athirah.



Kempen PH menyediakan khidmat teknikal siaraya, tayangan skrin dan siaran langsung.



Meraikan hari lahir Norashidah yang kebetulan jatuh pada hari pelancaran Wanita PH negeri.

'Kita tunggu Najib jawab apa'

Kelolaan ARIF ATAN

Skandal mega kleptokrasi 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menyaksikan Datuk Seri Najib Razak menjadi satu-satunya perdana menteri yang berdepan dengan banyak kes mahkamah.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil berkata, Presiden Umno itu pula pada masa sama mengenakan tindakan saman ke atas orang lain tetapi tidak hadir ke mahkamah apabila berbuat demikian.

"Kita daripada Pemuda Pakatan Harapan telah failkan saman kepada Najib. Kes Najib di mahkamah cukup banyak. Sampai sekurang Najib takut datang mahkamah.

"Kalau kita saman dia (Najib), dia akan buat permohonan untuk batalkan saman kononnya tiada kes. Dia saman orang, dia takut datang mahkamah," katanya pada Ceramah Umum Pakatan Harapan di Desa Inn, Kuala Pilah, 29 Januari lalu.

Menurutnya, tidak pernah berlaku dalam sejarah negara mana-mana perdana menteri atau menteri disaman di mahkamah atas kecurangan atau salah urus duit negara.

"Ini kali pertama perdana menteri disaman oleh rakyat. Tapi dalam banyak-banyak kes, Najib cukup takut datang mahkamah selepas pada 2015 dia saman Dr Rosli Yakop iaitu bekas Pesuruhjaya Pas Negeri Sembilan.



"Sepatutnya kamu saman orang, kamu kena datang mahkamah. Dia takut disoal peguam-peguam tentang kecurangan urusan 1MDB," tegasnya.

Beliau menganggap Najib terlalu banyak 'kencing' rakyat berbilion ringgit sehingga Malaysia digelar negara kleptokrasi manakala dunia memanggil Najib sebagai kleptokrat iaitu pemimpin yang merompak duit rakyat.

"Datuk Khairuddin Abu Hassan, Datuk Seri Azmin Ali saman dia. Kes semua dibuang, dibatalkan tanpa dia perlu datang mahkamah.

"Tapi Alhamdulillah, kami orang muda tidak putus asa. Kita saman dia juga. Hari ini (29 Januari) keputusan mahkamah tolak permohonan dia untuk batalkan saman kita.

"Najib ada tempoh 14 hari untuk jawab saman kita. Dalam skandal

1MDB, dia banyak buat projek. 1MDB ini projek curi duit," bidas Ketua Gerakan Anak Muda Tolak Najib (GANT1) itu.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 29 Januari lalu menolak permohonan Najib, 1MDB dan kerajaan Malaysia untuk menagguhkan pemfailan pembelaan masing-masing ekoran kes saman yang difailkan GANT1 pada 11 Julai 2017.

Faiz serta sembilan lagi anggota GANT1 mengemukakan saman itu bagi mendapatkan penjelasan mengenai pembayaran pinjaman jaminan bon berjumlah RM3.5 bilion kepada International Petroleum Investment Company (IPIC) dan anak syarikatnya, Aabar Investment PJS (Aabar Asli).

Mengulas lanjut tentang kepincangan transaksi 1MDB, beliau menyifat-

kan syarikat pelaburan itu menjalakan urus niaga secara mudah dengan mewujudkan usaha sama dengan syarikat di luar negara.

"Usaha sama dengan Pak Arab, bayar duit tapi bayar kepada seorang 'Arab Cina' namanya Jho Low. Bayar RM3.5 bilion.

"Tapi selepas dua tahun pembayaran, syarikat Abu Dhabi saman kerajaan Malaysia tuntutan duit RM3.5 bilion ini kerana tidak dapat bayaran tersebut.

"Bila disiasat duit itu rupanya dibayar kepada Jho Low dan Jho Low gunakan duit itu beri Najib sikit RM2.6 bilion, itu yang Tun Mahathir cerita.

"Beli beg tangan, kasut Rosmah. Macam-macam dia beli. Beli rantai berlian RM120 juta," ujarinya merujuk kepada pendedahan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) tentang rantai leher berlian merah jambu 22-karat yang didakwa mencecah AS\$27.3 juta.

Tangkap Jho Low

Memandangkan banyak wang 1MDB lesap, kata Faiz, GANT1 mengenakan tindakan saman dengan menuntut Najib menjelaskan ke mana menghilangnya wang tersebut.

"Kenapa kerajaan Malaysia bila disaman oleh IPIC, Aabar pada mulanya menteri kewangan Johari kata, 'kami akan lawan kes ini habis-habisan,' kita

sudah bayar,' kita tidak akan bayar lagi'.

"Tetapi selepas enam bulan kes, mengaku kalah - 'kami bayar'. Bayar sekali lagi baru-baru ini. 1MDB tiada duit nak bayar. Yang bayar kita semua. AS\$1.2 bilion iaitu hampir RM5 bilion.

"Hari itu hilang RM3.5 bilion bayar kepada syarikat Jho Low. Hari ini disaman, bayar sekali lagi. Dua kali bayar," tegas peguam berkenaan.

Justeru, beliau berkata, rakyat Malaysia yang sudah sedia dibebani kenaikan melambung kos sara hidup menanti Najib yang juga Menteri Kewangan dan Pengerusi 1MDB untuk menerangkan isu sebenar termasuk kegagalan mengambil tindakan terhadap Jho Low.

"Kita tunggu Najib nak jawab apa. Bagaimana Najib nak jelaskan kepada rakyat Malaysia, kenapa dibayar kepada syarikat yang palsu?"

"Kenapa tidak tangkap atau saman Jho Low? Semua ini Najib kena jawab. Sebab itu kita katakan Najib cuba sedaya upaya untuk mengelak menjawab di mahkamah.

"Namun, percayalah sekuat-kuat Najib, Insya-Allah kita ada kuasa yang kuat. Kita ada Allah, kita ada Tuhan yang boleh menjatuhkan mana-mana kerajaan," ujarinya yang juga jurucakap NGO Anak Muda Cari Jho Low (AMCJL) itu lagi.

Berjiwa besar guna satu logo

KETUA Pemuda Pakatan Harapan Perak, Hasnul Zulkarnain menyarankan agar semua komponen gabungan parti itu bersedia untuk bertanding di atas satu logo pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Menurutnya, pemilihan logo daripada mana-mana anggota Pakatan Harapan itu sangat penting dan signifikan bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pengundi.

"Andai diputuskan guna logo Bersatu sebagai parti bongsu dalam Pakatan Harapan, saya berharap semua parti dapat menerimanya.

"Jika pemimpin memutuskan kita semua bertanding guna logo PKR sebagai parti paling lama, kita semua berjiwa besar untuk menerimanya memandangkan kempen kita turun ke kampung berdepan dengan kekangan media.

"Andaikan Parlimen itu ditandingi AMANAH manakala Dun ditandingi PKR dan Bersatu, ini menyukarkan rakyat untuk membuat pilihan.

"Kemungkinan ada yang kata kamu (Pakatan Harapan) boleh menawarkan sesuatu kepada rakyat tetapi kamu gagal



Pimpinan Pemuda Pakatan Harapan Perak bergambar selepas selesai majlis pelancarannya baru-baru ini

untuk bersatu dalam satu logo," ujarinya ketika berucap pada Pelancaran Pemuda Pakatan Harapan Perak di Ipoh, 25 Januari lalu.

Sehubungan itu, Hasnul yang juga Ketua Pemuda AMANAH Perak berharap cadangan tersebut dapat dibincangkan dengan pada sama sama mengukuhkan jentera pilihan raya Pemuda di peringkat negeri dan cawangan.

"Tugas Pemuda perlu menyambut kepercayaan yang diletakkan pemimpin kita di peringkat nasional dengan berada

di barisan hadapan sekali mengukuhkan benteng Pakatan Harapan.

"Kita perlu berjiwa besar. 1 peratus undi yang lari menyebabkan kita gagal mendapat mandat di Putrajaya. Pemuda menjadi pemain utama untuk Pakatan Harapan mengambil tampuk pemerintahan di Putrajaya," ujarinya.

Menyentuh tentang kemajuan Pakatan Harapan, beliau berpendapat tiada dalam sejarah gabungan pembangkang sebelum ini yang telah mempunyai struktur organisasi lengkap menjelang pilihan raya.

"Saya pernah berada dalam Pakatan Rakyat tapi dalam Pakatan Harapan lain sedikit. Kita berjaya menyempurnakan pembahagian kerusi Parlimen. Kita juga berjaya bersepakat bersama untuk menamakan bakal Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

"Biarpun kita datang daripada berbeza ideologi dengan perlembagaan parti masing-masing tetapi apabila dalam Pakatan Harapan kita hanya ada satu hasrat iaitu menukar kerajaan kleptokrasi (Umno-BN) ini," tambahnya lagi.

Malaysia perlu ramai 'Dr Radzi Jidin'

Oleh **ARIF ATAN**

Ceramah umum Pakatan Harapan semakin rancak menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). Kehadiran barisan penceramah sudah tentu pimpinan AMANAH, Bersatu, PKR dan DAP.

Namun, penampilan penyarah perakaunan forensik dari Universiti Tasmania, Hobart di Australia ini dalam ceramah di Machang, Kelantan minggu lalu tular di media sosial.

Petikan ceramah Dr Radzi Jidin dalam loghat Kelantan hampir 30 minit yang dikongsi di Youtube itu juga meraih ribuan tontonan dalam tempoh singkat.

'Kuliah' beliau tentang skandal penyelewengan wang negara paling dahsyat, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dengan hutang mencecah lebih RM50 bilion dilihat menarik perhatian ramai.

Beliau terbukti dapat 'merakyatkan' pemahaman tentang modus operandi 'rompak' wang negara oleh 'Malaysian Official 1' dan sekutu-sekutunya yang sebenarnya bersifat amat teknikal dan sukar difahami masyarakat umum.

Menggunakan bahasa yang mudah difahami, rakyat tidak sukar untuk menghadami plot skandal yang membawa kepada pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail itu.

"1MDB ini, dia (kerajaan) pinjam duit, akaun tak audit, tahun terakhir audit pada 2014. Tak tahu berapa sebenarnya hilang.



Dia pinjam duit sehingga RM52 bilion.

"Duit bila bergerak dalam bank kita boleh ikut daripada awal sampai ke hujung. Boleh kesan daripada awal sampai ke sudah.

"Tak susah untuk menafikan. Beri bukti tiada kemasukan duit ini ke akaun ini," katanya mengimbas kembali reaksi awalnya yang menanti beberapa hari untuk pihak berkenaan tampil memberi penjelasan sebenar tentang kewajaran 'urus niaga masuk sini, pusing sana' itu.

Bekas Pengerusi Kelab Umno Australia New Zealand berkenaan menganggap urus niaga 1MDB sebagai sangat pelik dan gila ditambah dengan kegagalan pihak berkaitan menafikan dakwaan penyelewengan

itu dengan bukti meyakinkan.

"Keluar Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Awam

(PAC) dalam 126 muka surat menunjukkan Perdana Menteri tidak bersalah.

"Di satu majlis di Sydney, seorang pemimpin Umno memegang jawatan kerajaan. Saya tidak mahu sebut nama, boleh cakap pada pelajar bahawa laporan PAC menunjukkan perdana menteri tidak bersalah.

"Habis ceramah, sebagai penyarah saya bangun. 'Datuk, saya nak betulkan fakta Datuk bagi itu salah. Laporan PAC bukan untuk menyiasat sama ada perdana menteri bersalah atau tidak.'

"Laporan PAC menyiasat tentang tadbir urus 1MDB. Bagaimana Datuk buat kesimpulan perdana menteri tidak bersalah?" soalnya mengulang kembali pertanyaan beliau dalam program bersama pemimpin Umno itu.

Dr Radzi yang kini Ketua Bersatu Bahagian Kereh berkata, skandal 1MDB yang turut mengundang persaraan serta penukaran jawatan pegawai penyiasat Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu juga menjejaskan keyakinan pelabur asing.

"Pelabur asing tidak bodoh sebab itu pakar-pakar ekonomi mengatakan antara sebab-sebab kejatuhan nilai ringgit adalah kerana 1MDB.

"Pelabur tengok kalau sebuah negara tidak boleh menjaga tadbir urusnya dengan penyelewengan berlaku secara



berleluasa, bagaimana pelabur hendak percaya? Sebab itu, kedudukan ringgit jatuh kerana faktor keyakinan pelabur," tegasnya.

Sehubungan itu, beliau menjangkakan lebih banyak sebenarnya kes wang negara lesap jika kerajaan terus memejamkan mata terhadap skandal 1MDB yang menyaksikan kehilangan puluhan bilion ringgit.

"Kalau kes 1MDB senyap, saya yakin banyak kes lain. Jika kes besar seperti ini (1MDB) pun yang berani cakap hanya Muhyiddin Yassin, Shafie Afdal, Mukhriz, saya yakin lagi banyak kes akan muncul.

"Sebab yang lain itu (pemimpin Umno-BN) senyap belaka. Kita jadi pemimpin ini mesti amanah. Tak betul, tak betullah," tegas anak kelahiran Kereh ini.

Kesediaan Dr Radzi yang pakar dalam penyiasatan akaun ini untuk tampil mengkritik urus niaga 1MDB wajar dicontohi lebih ramai ahli akademik daripada pelbagai latar kepakaran ilmu.

"Saya berada di sini (di pentas ceramah Pakatan Harapan) sebab saya buat bahagian saya. Kes sebesar ini kalau orang buat buta, hancur negara kita.

"Saya tahu benda tidak betul. Takkan saya tengok saja. Saya balik dari Hobart ke Kota Bharu 24 jam, dua kali transit. Sebab mahu selesaikan tanggungjawab saya," tambahnya lagi.

Justeru, hasrat membina semula negara daripada terus dihancurlumatkan rejim pimpinan yang tidak amanah lagi kleptokrat hanya akan tercapai jika ribuan golongan ilmuwan bangkit bersuara.

Merakyatkan Falsafah

Oleh **DR ALINOR ABDUL KADIR**

Tajuk yang diminta saya membawakan perbincangannya ini mengandung pertentangan yang jelas. Malah pertentangan tersebut dirakamkan dalam banyak penulisan semenjak zaman Socrates, zaman Konfusius, zaman al-Kindi, zaman Dignaga, zaman Descartes, malah zaman sesiapa pun ahli falsafah yang dominan.

Tajuk ini umpama tajuk Pembangunan Lestari, sedangkan di mana-mana wujudnya pembangunan, kelestarian lingkungan tidak pernah boleh dipertahankan. Begitulah, falsafah tidak pernah mampu dirakyatkan, dan rakyat tidak pernah mahu mempelajari falsafah.

Inilah yang pernah diingatkan oleh Ibn Sina dan Ibn Arabi, contohnya. Alasannya mudah, kalau matematik pun dibenci (atau tidak sengaja dibenci) semenjak

tadika dan sekolah rendah, inikan pula falsafah, yang kualiti perbincangannya jauh lebih sukar dari matematik.

Begitu pun, UNESCO mahukan murid-murid sekolah mulai mengambil subjek falsafah semenjak 2006. Sekolah-sekolah di negara-negara maju sudah mulai melaksanakannya. Kita lihatlah nanti apa kata KPM dan KPT di Malaysia. Jangan nanti ada pula yang mencadangkan yang falsafah boleh diajarkan dengan menggunakan perisian komputer tertentu.

Maklumlah, cadangan pembuatan dasar selalunya pelik-pelik. Namun, kalaulah maksud "merakyatkan" itu menyasarkan lebih banyaknya manusia mahu mempelajari falsafah, itu agak munasabah.

Elok seseorang atau mana-mana kumpulan siswa/i melakukan soal-selidik bertanyakan kepada lebih ramai siswa/i universiti pelbagai bidang, apakah mereka

minat kepada falsafah? Pernahkah mereka mentelaah apa-apa buku falsafah? Pernahkah mereka mengambil kursus yang ada judul falsafah?

Adakah jabatan/fakulti/universiti mereka menawarkan subjek falsafah? Dan lain-lain pertanyaan yang munasabah, bertujuan mendapatkan maklumat berkenaan popular tidaknya falsafah di kalangan warga universiti.

Untuk menjawab pertanyaan "merakyatkan falsafah" ini, makanya saya perlu membincangkan perihal bagaimanakah sepatutnya falsafah dipelajari dan/atau dilunakkan pengenalannya kepada murid-murid sekolah ataupun kepada siswa/i universiti.

Memanglah, perkara yang teramat penting sekali sebagai pengenalan kepada falsafah adalah, seseorang itu pernah mengambil kursus falsafah dimana-mana peringkat pengajiannya. Dan yang lebih penting lagi, dia lulus kursus ini dengan baik, sehinggakan lu-

lusnya beliau mengambil subjek falsafah tersebut memungkinan beliau mahu terus "mempelajari" falsafah.

Saya tidak menolak kemungkinan bahawa seseorang manusia boleh menekuni falsafah dengan hanya menerima kandungannya menerusi pembacaan. Namun, saya fikir ini adalah hal yang hampir mustahil, sebabnya adalah faktor guru/pembimbing itu amatlah penting dalam bidang falsafah.

Satu lagi hal yang menjadikan perkara belajar sendiri itu hampir mustahil adalah, kandungan-kandungan perbincangan falsafah ini selalunya melekat kepada satu-satu bidang tertentu, seperti falsafah matematik, falsafah teknologi, falsafah sejarah, falsafah agama, dan lain-lain.

Maka, takkan mampu seseorang itu menekuni falsafah-x jika beliau juga hanyalah mentelaah bidang-x, dan bukannya menekuninya di universiti. Mudahnya, tanpa mendapat

pendidikan yang semacam formal tentang falsafah, atau falsafah-x, hampir mustahil seseorang mampu menguasai bidang falsafah.

Itulah sebabnya masyarakat kebanyakan sukar memahami bidang falsafah, walaupun kadangkala buku-buku falsafah berlambak di perpustakaan awam (bukan perpustakaan di Malaysia, tetapi sentiasa berlaku di UK, Kontinental, US dll negara maju).

Jadi, "merakyatkan falsafah" itu bermaksud menjadikan falsafah sebagai sesuatu yang diminati dan ditekuni dengan serius di institut-institut pertengahan dan tinggi yang formal, di kalangan warganya.

*** Penulis merupakan Penyelidik di Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI). Untuk mendapatkan kertas kerja penuh berkenaan tajuk ini boleh hubungi alinorkadir@gmail.com**

'Comfort zone' yang merosakkan kita?

ALHAMDULILAH sesi diskusi santai di Gapurafikir Petaling Jaya membiarkan buku 'Mencari Kewajaran Islam Di Malaysia' (MKIDM) yang diselenggarakan oleh penulis dan ahli akademik Ana Balqis dan dibicara oleh Dr Anis Amida Abdulhamid pada Rabu 31 Januari, berlangsung dengan baik dan dalam suasana mesra, walaupun yang hadir nampaknya punya pegangan politik yang berbeza.

Buku itu sebenarnya bukan buku politik. Dr Anis Amida beberapa kali menegaskan bahawa dia tertarik untuk berbicara adalah kerana tema dan persoalan Islam yang dibincangkan buku itu. "Membaca buku ini seperti kita bermuhasabah diri," katanya.

Dan berbeza dengan lima sesi diskusi MKIDM sebelumnya, (yang masing-masing memfokus persoalan yang berbeza), Dr Anis lebih tertarik kepada perbincangan mengenai kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz di Kelantan, yang kemudiannya disambut dan dilanjutkan perbincangan itu oleh kawan-kawan yang hadir, termasuk Ana Balqis sendiri yang memang orang Kelantan dan punya banyak pengalaman dan maklumat terkini mengenai suasana masyarakat di Kelantan.

Dalam sesi perbincangan terbuka selepas bicara Dr Anis, yang tempoh masanya agak panjang dan selesa itu, beberapa orang menimbulkan beberapa persoalan panas. Paling saya tertarik ialah idea mengenai "comfort zone" atau "zon selesa" yang ditimbulkan oleh Yassin Salleh. Barangkali dia menjawab persoalan saya mengenai golongan budayawan dan intelektual kita yang membisu dan menyerahkan peranan kepada orang politik.

"Mereka berada di dalam 'comfort

zone', dan kita telah membina sistem 'comfort zone' itu." kata Yassin.

"Sistem comfort zone"? – fikiran saya memberi reaksi spontan kepada pandangan Yassin itu. Apakah ada sistem begitu dalam masyarakat kita? Atau apakah status sosio-ekonomi masyarakat kita sendiri yang telah membina 'sistem comfort zone' itu?

Apa pun, pandangan Yassin itu spontan klik di fikiran saya. Ya, barangkali ini sebahagian daripada jawapan kepada persoalan lama saya yang masih belum terjawab itu – mengapakah susah sangat golongan budayawan dan intelektual kita hendak berubah?

PAKSI pernah menganjurkan seminar yang bertema "Penulis; mengepalai atau mengekori?" pada tahun 2008, tak lama selepas Barisan Alternatif (pakatan pembangkang waktu itu) berjaya menguasai Selangor. Seminar itu mempersoalkan mengapakah golongan penulis masih tidak berubah, padahal rakyat ramai telah berubah?

Kini, sepuluh tahun setelah soalan itu diseminarkan, kebanyakan penulis dan intelektual kita masih bersikap dan berfikir yang sama seperti 10 tahun atau 20 tahun yang lalu. Mengapa? Apakah faktornya terjadi demikian?

Seorang pensyarah universiti yang hadir mengatakan kalau mereka bersuara, dikhuatiri mereka akan diambil tindakan dan kemungkinan akan dibuang kerja. Saya lantas menjawab, kalau ramai yang bersuara tak mungkin mereka akan dibuang kerja.

Seorang hadirin cuba melihat kewajaran di situ. Dia mengaitkan suasana "keilmuan" kita itu dengan suasana ketika Allah melantik manusia menjadi khalifah di bumi, seperti yang terdapat dalam

buku MKIDM dan telah disebut oleh Dr Anis – bahawa malaikat bersuara bertanyakan Allah itu bukan bermakna mereka melawan Allah. Malaikat hanya ingin mengetahui.

Tetapi mengapa para intelektual kita hari ini takut hendak bersuara? Menyatakan pandangan berbeza bukan bermakna melawan. Apakah para "so-called intellectuals" kita itu begitu takut sekali? Dari mana datangnya ketakutan melampau itu? Apakah puncanya? (Ini bukan hadirin itu yang bertanya. Ini saya yang bertanya di sini).

Barangkali Yassin Salleh menjawab persoalan saya. 'Sistem Comfort Zone'. Kehidupan yang selesa yang dikecapi selama ini – mengapa hendak dirosakkan? Apa lagi yang hendak dikejar dan dicari dalam hidup ini kalau bukan kehidupan yang selesa?

Dan kalau sudah berada dalam kehidupan yang selesa, yakni dalam 'comfort zone', mengapa pula hendak berubah? Hendak berubah untuk apa?

Ya, suatu jawapan yang munasabah. Dan ia menyentuh soal aqidah, sebenarnya. Dan persoalan ini telah saya kupas dan analisa hampir 20 tahun dulu dalam buku "Mahathir (Ekonomi) Perang Aqidah", 1999. Saya telah melihat bahaya ideologi materialisme Dr Mahathir yang diusahanya menerapkannya ke dalam jiwa orang Melayu melalui kuasa pemerintahannya, sejak 20 tahun dulu lagi.

Faham materialisme yang ditanam ke dalam pemikiran, sikap dan jiwa orang Melayu, menjadi seumpama aqidah mereka, hasil pemerintahan Dr Mahathir itu – itulah dia. Ia menjadi suatu 'Sistem Comfort Zone' yang memerangkap jiwa dan minda para budayawan dan cerdik pandai kita – menyebabkan mereka ber-



asa selesa walaupun di saat-saat negara sedang nazaq.

Lalu apakah jalan penyelesaian kepada permasalahan itu kalau kita tidak percayakan orang-orang politik menyelesaikannya? Saya jawab – Tekad Budaya.

Seseorang menimbulkan kekhuatirannya, katanya dia bimbang suatu hari nanti apabila gerakan Tekad Budaya dilihat boleh mengancam keselamatan pihak-pihak tertentu, ia akan diharamkan.

Dr Fazilah menjelaskan bahawa Tekad Budaya bukannya sebuah pertubuhan, yang memungkinkan ia diharamkan.

Tekad Budaya hanya sebuah konsep dan fahaman mengenai kehidupan bersama dalam kalangan anggota masyarakat. Sesiapa sahaja boleh memahami konsep Tekad Budaya dan melihat kehidupan bermasyarakat yang lebih seimbang dan harmoni.

Yang diutamakan dalam Tekad Budaya, pertamanya, aktiviti seni-budaya yang lebih banyak dan aktif; dan kedua, para seniman, budayawan, intelektual dan profesional masing-masing menghidupkan dan mengaktifkan peranan masing-masing dalam masyarakat. Itu sahaja.

Dan saya pulang dari sesi "Bicara Buku di Gapurafikir" itu dengan rasa sangat terhutang budi kepada Ana Balqis dan Dr Anis Amida Abdulhamid. Dan saya terharu dengan minat yang ditunjukkan Haziqah Nasirah Z yang sanggup mengambil penerbangan dari Johor Bahru, untuk hadir mengikuti majlis ilmu di Gapurafikir.

Najib memalukan, ungkit tanggungjawab kerajaan

Oleh **USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN**

RAKYAT, Malaysia wajib berasa malu ada seorang Perdana Menteri bernama Najib Razak. Malah Najib juga wajib malu kepada dirinya sendiri dan rakyat Malaysia sebab dia buat sesuatu yang tidak sepatutnya dibuat oleh seorang Perdana Menteri (PM).

Apabila Najib ungkit bantuan kerajaan persekutuan kepada Kelantan, dan ungkitan itu bermaksud mengaibkan Kelantan, Najib bukan setakat wajib berasa malu, bahkan Najib sudah hilang kelay-

akan untuk jadi PM.

Begitulah jadinya apabila sesebuah negara berketuakan seseorang yang tidak berjiwa pemimpin. Jiwa Najib kecil sekecil mulutnya yang mengungkit di sana-sini.

Najib sudah hilang kriteria awal sebagai ketua, iaitu kuat, kerana Najib lemah.

Wang yang Najib salurkan kepada Kelantan jika untuk bayar gaji sekalipun bukan duit dalam tempayan Najib. Itu adalah duit negara dan duit orang Kelantan juga. Najib tak boleh lupa, rakyat Kelantan juga pembayar GST.

Jika ditakdirkan Pakatan Harapan kuasai

Putrajaya dan Perlis kekal di tangan BN misalnya, Putrajaya wajib membantu Perlis sebab rakyat Perlis adalah warga Malaysia, jika Perlis tak mampu bayar gaji kakitangannya.

Politik Najib adalah politik Firaun. Firaun pernah mengungkit bantuannya kepada Musa padahal Musa tinggal di istananya. Kiranya Firaun lebih beretika daripada Najib sebab dia ungkit bantuan peribadinya kepada Musa.

Duit yang Najib salurkan kepada Kelantan bukan duit Najib tapi duit negara. Malulah apabila duit negara dirasa seperti

duit peribadi dan diungkit. Pemimpin apa berjiwa kecil sebegitu.

Pemimpin Pas Kelantan mesti segera membela kerajaan Kelantan yang dibuli oleh Najib. Jika pemimpin Pas Kelantan tak mampu bela Kelantan yang dimalukan oleh Najib, apa gunanya Kelantan mengaku kerajaan itu kerajaan Islam?

Takkan pemimpin kerajaan Islam takutkan Najib? Bukankah mereka hanya takutkan Allah. Nampaknya Husam Musa yang digelar pengkhianat itulah yang bangun membela Kelantan apabila dibuli oleh Najib.

Ramai orang marah-marrah

“Sayangnya, ramai pula dalam kalangan kita ini pun tidaklah pandai untuk duduk bertenang. Bila melihat orang ramai yang marah-marrah ini, mereka pun ikut marah-marrah. Lalu yang dilakukan bukan lagi meredakan marah-marrah ini, sebaliknya berlawan pula siapa yang lebih kuat marah-marrahnya. Entah di mana belajarnya, memadam api dengan api yang lebih besar. Maka riuh-rendahlah dunia politik kita yang kecil ini dengan orang yang marah-marrah.”

MAKIN dekat PRU14 ini, makin banyak pula perkara yang makin berselirat. Soal telatah dan kerja jahat musuh mungkin kita sudah sedia maklum. Begitu juga dengan sekutunya yang malu-malu mengaku bercinta itu, juga kita sudah hadam muslihatnya. Yang lebih berselirat hari ini akhirnya adalah orang yang kita lihat selama ini sebagai teman, tiba-tiba lebih garang dari yang selama ini berlawan dengan kita.

Mana boleh tidak perasan, orang ramai yang dahulu ikut serta dalam jatuh dan bangun, maju dan mundur pembangkang, hari ini jadi begitu marah-marrah. Marah-marrahnya sehingga mengugut-ugut untuk memboikot, malah lebih dari sekadar itu, bersaksi pula untuk merosakkan sahaja kertas undi dalam pilihan raya nanti. Marah-marrahnya bukan lagi hanya untuk ajak bertengkar, bahkan ingin membinasakan pakatan pembangkang yang ada hari ini.

Tidaklah kita hairan kalau yang marah-marrah dan mengugut ini orang yang hanya berani berkicau dan bersiul dalam

laman sosial, tidak ada kerja lain selain menyakitkan hati orang-orang yang kuat bekerja di lapangan. Namun terasa juga apabila yang ikut marah-marrah ini tidak lain adalah teman selokap sepenjara dulu-dulu. Kalau kelibatnya dilihat di lapangan, tidak sedikit juga yang akan samada menghampiri atau menjauhi. Pengaruhnya itu sentiasa ada.

Entah apa yang merasuk, berminggu-minggu ini, tidak semena-mena sesiapa sahaja yang dilihat menyatakan kesediaan bersama pembangkang untuk berhadapan PRU14 nanti, teruk dihentam-hentam. Sudah dihentam, diaibkan pula dengan gelar dan sangka yang bukan-bukan. Marah-marrahnya mereka ini luar biasa garangnya. Jauh lebih garang, jauh lebih ber-bisa berbanding marah-marrah ke hadapan pemerintah.

Dengan demikian sahaja, mahu tidak mahu, kita terpaksa berhadapan dengan masalah yang satu ini. Peninglah lagi kepala pemimpin-pemimpin politik di atas dan di bawah ini. Rusinglah lagi

hati pekerja-pekerja politik di atas dan di bawah ini.

Sebenarnya, andai sahaja kita duduk bertenang, memerhatikan orang-orang yang marah-marrah ini tanpa kita ikut meloncat, kita akan fahami mereka satu demi satu. Apabila kita fahami pula satu demi satu, tentulah pula kita pun dapat menguruskan keadaan mereka yang marah-marrah ini. Tidaklah logik dan mampu diterima akal, kalau orang yang dahulu waras, tiba-tiba jadi marah-marrah tanpa bersebab. Tentu sekali ada punca, tentu sekali ada jalan untuk meredakan orang yang marah-marrah ini.

Sayangnya, ramai pula dalam kalangan kita ini pun tidaklah pandai untuk duduk bertenang. Bila melihat orang ramai yang marah-marrah ini, mereka pun ikut marah-marrah. Lalu yang dilakukan bukan lagi meredakan marah-marrah ini, sebaliknya berlawan pula siapa yang lebih kuat marah-marrahnya. Entah di mana belajarnya, memadam api dengan api yang lebih besar. Maka riuh-rendahlah dunia politik

kita yang kecil ini dengan orang yang marah-marrah.

Ada yang membaca, bahawa silapnya kita ini adalah bila dahulu waktu orang yang marah-marrah ini kecil bilangannya, malah kerdil suaranya, kita langsung abaikan.

Kononnya, lagi dilayan, lagi didengar, lagi bertambah mengadanya. Maka elok dibiarkan sahaja tanpa perlu dipujuk. Hari ini bila bilangannya makin bertambah, suaranya juga makin kuat, apa boleh lagi dibiarkan sahaja? Jika mahu dipujuk pula, apa ada lagikah dayanya kita untuk memujuk?

Ketahuilah bahawa kita wajar ambil pengajaran dari apa yang telah berlaku. Yang marah-marrah hari ini tilik saya sudah pun terlambat untuk dipujuk. Mereka pun sudah nekad untuk terus marah-marrah.

Marah-marrah itu sudah sebat, sudah jadi normaliti baharu buat mereka. Mereka tidak lagi mahu bertenang, tidak lagi mahu berkompromi, tidak lagi mahu dipujuk.

Pengajarannya, di masa hadapan, sebaiknya dilihat ada orang yang mulai marah-marrah, sebegitu kecil sekalipun, jadikan tanggungjawab kita untuk mendengar seterusnya menguruskan marah-marrah itu. Tentulah waktu itu lebih mudah marah-marrah itu diurus. Jangan sudah marak baru nak didekati. Api yang sudah marak tidaklah mudah lagi nak dipadam, silap-silap kita pula yang disambar.



Biarkan AMANAH terus berkembang secara organik

Oleh **JAMZURI ARDANI**

ADA kawan yang perli, macam mana AMANAH nak ganti Pas. Dulu Pas bertanding banyak kerusi, sedangkan AMANAH bertanding sedikit sahaja.

Sebenarnya AMANAH pun tidak mahu jadi macam Pas. Pas bertanding memang banyak, tapi kalah pun banyak.

AMANAH adalah sebuah parti yang mempunyai visi yang jauh dan besar. Di dalam AMANAH, kita percaya kekuatan mesej adalah lebih penting berbanding kekuatan organisasi atau jentera daripada sudut saiznya sahaja. Tidak dinafikan, saiz organisasi dan jentera adalah penting, tetapi ia tidak sepenting mesej politik yang diperjuangkan.

AMANAH akan terus berkembang secara organik. AMANAH tidak berhasrat menjadi parti yang artificial. AMANAH mempunyai cawangan-cawangan yang tersusun rapi dan berupaya menggerakkan program setempat di per-

ingkat akar umbi. Parti lain mungkin ada kekuatan dari sudut yang berbeza, tetapi AMANAH juga ada kekuatan yang tidak ada pada parti lain.

Kita menggantikan Pas dalam konteks menjadi sebuah parti komponen dalam blok pembangkang dengan membawa risalah Islam sebagai Rahmat Untuk Semua. Tetapi, strategi dan pendekatan AMANAH pastinya tidak sama dengan Pas.

AMANAH bukan Pas 2.0.

AMANAH adalah AMANAH yang lahir dengan DNA yang lebih baik, insya-Allah, untuk menjadi sebuah parti politik Islam yang progresif, inklusif, demokratik, dan peduli rakyat.

Dari awal, malah sebelum tertubuhnya PPBM lagi, AMANAH sememangnya menjangka bahawa jumlah kerusi yang optimum yang bakal ditandinginya adalah dalam sekitar 35 kerusi Parlimen sahaja. Jadi dengan mendapat 27 kerusi parlimen bertanding itu tidaklah begitu jauh lari daripada sasaran awal, dengan mengambil kira penyertaan PPBM ke dalam Pakatan Harapan.



Peranan AMANAH dalam memperkukuhkan Pakatan Harapan diakui oleh Dr Mahathir Mohamad dan Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Sekarang AMANAH perlu memberikan sepenuh perhatian bagi memastikan kemenangan sebanyak mungkin di kerusi yang diamanahkan untuk mewakili

Pakatan Harapan.

Fokus. Fokus. Fokus untuk mencapai kemenangan. Demi Islam. Demi Negara. Demi Rakyat.

Bila parti Islam berjinak dengan parti sekular

PAS bukan sekadar berhasrat untuk menjadi 'king maker' dalam pembentukan kerajaan selepas pilihan raya umum (PRU) ke-14 tetapi juga membayangkan untuk bersama berada di atas takhta kerajaan. Ada dua pilihan. Sama ada dengan BN atau PH. Menurut Pengarah Pusat Penyelidikan Pas, Dr Zuhdi Marzuki dalam berkata jika keadaan 'hung parliament' berlaku, Pas hanya ada satu pilihan saja, bersama BN.

Sebelum ini hasrat parti Islam itu untuk bekerjasama dengan Umno hanya dalam bentuk samar-samar dan momokan dari musuh politik Pas khususnya AMANAH. Dikhabarkan bahawa wujud dua aliran dalam Pas pada masa sekarang. Pertama, terus kekal melawan Umno secara sedi ada dan yang kedua lebih terbuka untuk mewujudkan 'persefahaman' dengan Umno.

Bahkan dakwaan itu sudah wujud sejak sebahagian besar pimpinan AMANAH masih menjadi pemimpin utama Pas. AMANAH sendiri belum wujud. Paling ketara pendedahan bekas Pesuruhjaya Pas Perak, Ustaz Ahmad Awang yang menyebut wujud usaha untuk bekerjasama dengan Umno semasa penubuhan kerajaan negeri Perak selepas PRU 2008.

BERKONGSI LAMBANG

Usaha tersebut terhenti apabila bekas Pesuruhjaya Pas itu berte-gas untuk meneruskan kerjasama dengan rakan pembangkang lain iaitu Keadilan dan DAP. Pada masa itu belum wujud Pakatan Rakyat. Kerjasama antara parti politik pembangkang pada masa itu lebih sebagai 'pax election' sahaja.

Idea untuk Pas bekerjasama membentuk kerajaan dengan Umno bukanlah suatu idea baru. Datuk Asri Muda dan pimpinan Pas pada masa itu sudah meneroka pendekatan tersebut pada 1971. Datuk Asri Muda berjaya meyakinkan muktamar tentang maqasid syariahnya untuk membentuk sebuah kerajaan campuran. Setelah itu ia menjadi gabungan dengan penubuhan BN pada 1973 dan berkongsi lambang kati (dacing).

Datuk Asri Muda disingkirkan dari kepimpinan parti oleh sekumpulan yang membawa idea 'kepimpinan ulama' semasa muktamar di DBP. Kumpulan ini terinspirasi dengan gerakan



PENDAPAT
DR MUHAIMIN SULAM

kebangkitan Islam, Revolusi Iran dan pengaruh Ikhwanul Muslimin. Antara slogan yang dilaungkan adalah 'tidak barat, tidak timur', 'tegakkan Islam di atas runtuh jahiliah', 'daulah Islamiah' dan sebagainya.

Pemikiran Hasan al Banna, Syed Qutb, Abdul Kadir Audah, Maududi antara tokoh gerakan Islam telah menjadi kerangka pemikiran Pas selepas era Datuk Asri Muda.

REGIM ZALIM SEKULAR

Pertembungan gerakan politik Islam khususnya Pas di Malaysia mengalami tekanan hebat dengan penguasa. Dr Mahathir yang pada masa itu sebagai Perdana Menteri telah mengambil langkah berani apabila menghulurkan tangan kepada tokoh gerakan Islam yang terkenal, Anwar Ibrahim.

Anwar Ibrahim pernah dibayangkan oleh Datuk Asri sendiri bahawa tokoh tersebut adalah pemimpin masa hadapan Pas. Tindakan Anwar Ibrahim bekerjasama dengan regim zalim sekular bukanlah tiada asas fekahnya. Anwar Ibrahim mendapat pengaruh daripada pemikiran dan pendekatan tokoh gerakan Islam Sudan, Dr Hasan Turabi menyertai kerajaan kudeta pimpinan General Omar Hasan Bashir yang autokratik.

Seperti juga dengan pengalaman Datuk Asri berada di dalam kerajaan, Anwar Ibrahim mempunyai peluang luas untuk melaksanakan dasar yang mereka perjuangkan sebelum ini. Menjadi sebahagian daripada parti yang menguasai kerajaan, para pimpinan mereka juga dipilih atau dilantik menjadi menteri, timbalan menteri dan jawatan politik yang diperuntukkan.

Setelah Anwar Ibrahim menjadi Timbalan Perdana Menteri, ramai bekas pimpinan Abim menduduki jawatan strategik yang membolehkan mereka melaksanakan agenda perjuangan mereka. Keadaan yang sama juga dilakukan oleh Datuk Asri. Ramai pimpinan Pas mem-



Kerjasama Umno-Pas bukan lagi satu rahsia.

gang portfolio penting dalam kerajaan.

KESILAPAN MORSI

Selepas Arab Spring, pendekatan politik gerakan Islam mengalami perubahan besar. Ia tidak datang secara mendadak. Kegagalan pemerintahan Najmuddin (Necmettin) Erbakan, seorang tokoh gerakan Islam di Turki adalah suatu eksperimen politik yang dikongsi oleh gerakan atau politik Islam seluruh dunia. Namun yang paling terkesan ialah kudeta oleh tentera Mesir terhadap kerajaan pilihan rakyat.

Antara 'kesilapan' yang dilakukan oleh kerajaan Morsi adalah dasar luarnya tentang Israel dan pelaksanaan syariah. Sedangkan masalah utama rakyat Mesir adalah ekonomi yang parah, kadar pengangguran yang tinggi dan sistem birokrasi lemah. Dalam masa yang sama Morsi belum cukup menguasai jentera kerajaan dan tentera. Akhirnya parti Morsi hilang kuasa, beribu-ribu penyokongnya dan pimpinan Ikhwan ditangkap dan dihukum.

Pengalaman ini lebih berharga apabila tekanan yang dihadapi oleh Rashid Ghannouchi di Tunisia membentuk kerajaan apabila parti pimpinan beliau sentiasa menerima tekanan dalam dan luar negara sehingga membantutkan usaha membangunkan negara. Rashid Ghannouchi melihat keutamaan Tunisia adalah memulihkan ekonomi yang terjejas kerana kelemahan pentadbiran regim lepas.

Rashid Ghannouchi ialah antara 100 orang yang paling berpengaruh di dunia mempunyai pandangan yang lebih terbuka. Merenguk

bertahun-tahun dan berkali-kali dalam penjara, menjadi pelarian dan tinggal dalam buangan selama lebih 20 tahun memberikan beliau lebih memahami isu Islam secara global dan praktikal.

Beliau menyarankan agar gerakan dan parti Islam mengambil pendekatan Muslim Democrat daripada pendekatan Political Islam. Beliau telah membuang label 'Islamism' daripada partinya An Nahda kerana Islam radikal telah menyalahgunakan terminologi itu hingga menjejaskan nama Islam.

KERJASAMA UMNO-PAS

Dalam konteks politik Malaysia, para pemikir Pas berpandangan bahawa BN adalah lebih baik dan selesa untuk Pas bekerjasama demi kepentingan bersama. Meskipun bebanan BN dengan isu seperti 1MDB, Felda dan sebagainya, Pas tidak tertekan dengan isu seperti rasuah, salah guna pengurusan dan sebagainya. Umno dilihat sebagai sebuah parti Melayu dan Islam. Doktrin politik ini sudah sebatu dalam pemikiran masyarakat Melayu. Situasi ini bersesuaian dengan sentimen perkauman yang menebal dalam masyarakat Melayu tentang 'kebangkitan kuasa Kristian dan Cina'.

BN melalui Umno telah mewujudkan percubaan memujuk para ahli dan penyokong mereka menerima situasi keperluan untuk mereka bersama. Ia dimulai dengan beberapa program yang melibatkan cerdik pandai Islam, program alim ulama, perundangan Islam, Palestin, Rohinya dan sebagainya. Program-program ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh

Umno dan Pas untuk kepentingan politik. Bagi para ahli dan penyokong Pas tiada masalah untuk mereka bersama atas kepentingan Islam dan Melayu.

Zaman pelaksanaan Islam secara 'syumuliah' (menyeluruh) dan berasas 'hukumiah' beransur-ansur hilang dalam gerakan Islam. Pas mengalami kekalahan teruk pada PRU 1986 dengan hanya menang satu kerusi Parlimen. Pendekatan yang lebih praktikal adalah bekerjasama dengan kelompok lain dalam perlumbaan mendapat kuasa.

Bermula dalam PRU 1990, Pas mengadakan kerjasama dengan parti serpihan Umno pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah, Semangat 46 melalui Angkatan Perpaduan Ummah. Pada PRU 1999 dengan Barisan Alternatif, PRU 2004 dan PRU 2008 bekerjasama dengan Keadilan dan PRU 2013 bekerjasama dengan Pakatan Rakyat.

Pada PRU kali ini, Pas mewujudkan kerjasama melalui Gagasan Sejahtera sebagai respon kepada penubuhan PH. Namun kerjasama itu tidak memberi sebarang impak besar pada Pas jika dibandingkan kerjasama 'demi kepentingan Islam' dengan Umno.

Kerjasama 'demi kepentingan Islam' dengan Umno adalah lebih besar impak politiknya. Pas membina 'demand' atas nama parti Islam terbesar di Malaysia. Biarpun terpaksa menjualnya pada sang raja rasuah. Itulah yang saya faham tentang 'politik matang dan sejahtera' yang dilaung-laungkan Pas.

Dr Muhaimin Sulam ialah Naib Pengerusi AMANAH Perak.

Agihan kerusi PH Johor seimbang

BATU PAHAT: AMANAH Johor berpuas hati dengan pengagihan kerusi pilihan raya di kalangan parti gabungan Pakatan Harapan (PH) di negeri itu dan menolak dakwaan telah dipinggirkan.

Pengagihan kerusi pilihan raya bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) telah dimuktamadkan pada 18 Jan lalu dalam Pemukiman PH Johor, kata Naib Pengerusi AMANAH negeri Suhaizan Kaiat.

Menurut Suhaizan, kedudukan kerusi Dun di Johor adalah 18 kerusi untuk PPBM, DAP (14), AMANAH (12) dan Keadilan (12).

"PPBM sememangnya lebih kerusi daripada parti-parti lain di Johor kerana itulah persetujuan ke empat-empat parti yang telah meletakkan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Pengerusi PH Johor.

"Tidak mungkin berlakunya PPBM lebih rendah kerusinya daripada parti-parti yang lain," katanya dalam satu

kenyataan.

Menurut Suhaizan, kerusi Dun yang pernah ditandingi Pas kebanyakannya diagihkan pada AMANAH dan PPBM.

Beliau menambah, PPBM yang mempunyai kekuatan menembusi kawasan-kawasan luar bandar seperti Felda dan kampung tradisi diberi tanggung jawab mendepani kawasan sukar seperti Dun Kahang dan Dun Pant.

"Untuk berlaku adil PPBM juga diberi kawasan campuran tetapi pada jumlah yang sangat minima seperti Dun Puteri Wangsa dan Dun Bukit Permai," katanya.

Suhaizan berkata, terdapat lebih 30% kerusi Dun dikategorikan sebagai 'sukar menang' di negeri Johor dan diharap dengan kekuatan jentera PPBM, PH yakin boleh menang sebahagian daripada kawasan sukar ini.

"Maka hasilnya PPBM mendapat kerusi yang lebih berbanding parti-parti lain," jelas beliau.

AMANAH katanya, diberi tanggungjawab memberi fokus di kerusi campuran dan tidak memfokus kerusi sukar menang dan berdasarkan kekuatan yang ada pada AMANAH, ker-

usi campuran adalah lebih mudah dimenangi berbanding kerusi luar bandar.

Bagaimanapun, tambah beliau kerusi campuran ini telah dikongsi bersama dengan Keadilan dan DAP.

Suhaizan berkata, AMANAH diberi lebih kerusi Dun mudah menang seperti Sungai Abong, Parit Yaani dan Nusajaya.

Walaupun jumlah kerusi yang diperolehi AMANAH sedikit berbanding PPBM, namun 80% daripada 12 kerusi itu dikategorikan sebagai 'mudah menang'.

"Jumlah ini sudah cukup membuatkan tugas AMANAH seluruh negeri Johor tidak cukup tidur malam sebelum PRU14.

"AMANAH fokus kepada kualiti, PPBM fokus kepada kuantiti. Itulah konsep yang kita gunakan untuk menuju Nusajaya," katanya.

Beliau menambah, Keadilan dan DAP juga sedia menerima jumlah kerusi Dun yang sama seperti dalam PRU13 walaupun memiliki kekuatan bertanding di kawasan campuran lain, namun sedia kekal dengan bilangan kerusi sebelum ini atas dasar menghormati

kerjasama dalam PH.

"Mereka akan sama-sama berusaha untuk memastikan kerusi masing-masing menang dalam PRU14. Saya sangat berbangga dengan muafakat semua pimpinan dalam Pakatan Harapan Johor.

"Saya telah diberi tanggungjawab oleh AMANAH untuk aktif di Dun Puteri Wangsa lebih setahun yang lalu. Telah banyak aktiviti yang dilaksanakan. Telah ramai pengundi disantuni. Organisasi telah dibina. Dana pula telah dikumpul.

"Tetapi atas rasa ingin menang bersama menuju Nusajaya dan rasa hormat saya kepada rakan-rakan dalam PH, saya tiada masalah Dun Puteri Wangsa ditandingi PPBM," ujar Suhaizan.

Setiasaha Organisasi AMANAH Nasional itu juga yakin masih banyak Dun 'boleh menang' untuk beliau tandingi pada PRU14.

"Yang lebih penting adalah PH Johor dapat diperkukuh untuk diterima rakyat bagi mengalahkan BN dalam PRU14," tegasnya.



Shamsul Bakri (dua dari kiri) ketika menyerahkan borang keahlian kepada Mazlan Aliman yang turut disaksikan Suhaizan Kaiat (empat dari kiri).

Pemimpin Pemuda Pas Johor sertai AMANAH

TEBRAU: AMANAH Kawasan Tebrau menerima masuk ahli baru dari Pas Shamsul Bakri dalam satu majlis sederhana, 24 Jan lalu.

Shamsul ialah Ketua Penerangan Dewan Pemuda Pas Negeri Johor merangkap bekas Ketua Dewan Pemuda Pas Kawasan Tebrau.

Beliau juga aktivis Persatuan Anak Pene-roka Felda Kebangsaan (Anak).

"Saya kagum dengan jiwa besar dan keterbukaan pemimpin AMANAH Tebrau serta rakan-rakan.

"Meskipun tidak dapat kerusi Dun Puteri Wangsa, mereka tak patah semangat sebaliknya terus berjuang memenangkan Pakatan Harapan (PH).

"Saya umum sertai Parti Amanah Negara



bersama tujuh ahli keluarga dan rakan-rakan saya malam ini," ujarnya ringkas.

Borang keahlian AMANAH diserahkan Shamsul kepada Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional Mazlan Aliman yang juga Presiden Anak.

Turut hadir Naib Pengerusi AMANAH Johor Suhaizan Kaiat.

AMANAH Parit Buntar yakin majoriti meningkat pada PRU14

PARIT BUNTAR: Senario politik tanah air dan perkembangan ekonomi negara yang membimbangkan meningkatkan sokongan umum kepada Pakatan Harapan (PH) dan AMANAH.

Gerak kerja turun padang secara berte-rusan yang dilakukan aktivis AMANAH dan PH juga membantu senario ini, kata Penolong Setiausaha AMANAH Parit Buntar, Hairul Nizam Ishak.

Sehubungan itu, undi majoriti diperolehi Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa dalam PRU lalu diyakini mampu ditingkatkan dalam PRU akan datang.

Menurut Nizam, banyak isu yang telah

diketengahkan Dr Mujahid bagi membela nasib rakyat khususnya golongan petani.

"Isu yang seringkali dibangkitkan oleh Dr Mujahid adalah mengenai subsidi benih dan baja padi yang sering menjadi masalah kepada golongan petani.

"Beliau telah mengadakan beberapa pertemuan dengan para petani berkaitan isu terbabit termasuklah menemui ketua sektor yang mewakili sejumlah petani.

"Perkara ini turut dibawa ke sidang Parlimen serta dimaklumkan kepada media massa," ujarnya.

Beliau juga berkata, isu banjir kilat kawasan bandar yang sering membabitkan ratusan kediaman dan premis perniagaan turut diberi

tumpuan.

"Selain melibatkan kawasan taman perumahan seperti Taman Kerian, Taman Kerian Tambahan, Taman Damai ia juga kerap melanda pusat bandar Parit Buntar.

"Dr Mujahid telah mengambil inisiatif segera dengan meninjau dan menemui pihak berkuasa tempatan khususnya Pejabat Daerah Kerian mengenai punca dan cara penyelesaian banjir kilat berkenaan.

"Beliau turut beberapa kali turun padang dan mendesak kerajaan negeri Perak agar mengambil tindakan drastik bagi menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering melanda kawasan bandar," jelasnya lagi.

Program berterusan mendampingi rakyat

membuatkan AMANAH Parit Buntar semakin mendapat sokongan.

Isu pencerobohan dan penebangan hutan bakau dan api-api di Kuala Bagan Tiang sehingga mencemarkan alam sekitar serta menjejaskan para nelayan turut diperjuangkan.

Nizam yang juga Setiausaha PH bagi Parli-men Parit Buntar juga berkata, isu pencerobohan ini telah memberi impak yang amat besar kerana ia terlibat sumber pendapatan para nelayan.

Beliau juga berkata, kerjasama erat antara AMANAH, Keadilan, PPBM dan DAP memberi keyakinan kepada PH untuk mempertahankan kerusi Parlimen Parit Buntar dan Dun Kuala Kurau.

PH Melaka bantah pengundi diragui

Oleh AKMAL HAZIQ

MELAKA: Pakatan Harapan (PH) Melaka mengemukakan bantahan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berhubung perpindahan pengundi membabitkan beberapa kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun).

Bantahan itu dibuat Naib Pengerusi PH Melaka Mohd Sofi Abdul Wahab, Adun Ayer Keroh Khoo Poay Tiong dan Naib Pengerusi AMANAH Melaka Zairi Suboh di Pejabat SPR Melaka, 26 Jan lalu.

Turut serta ahli jawatankuasa AMANAH Kawasan Bukit Katil Alimat Abu.

"Kami membuat bantahan terhadap pemindahan 134 pengundi Dun Bachang dan 22 pengundi Dun Bukit Baru yang dibawa dari luar yang dimasukkan dalam RDPT (Rang Daftar Pemilih Tambahan) Suku Keempat tahun 2017.

"Mereka ini menggunakan alamat yang meragukan di mana 134 pengundi Dun Bachang menggunakan alamat yang sama iaitu No. 4, Kg Solok Baroh.

"Manakala 20 pengundi Dun Bukit Baru menggunakan alamat Bt 6 1/2 Kg Bukit Katil tanpa nombor rumah," tulis Sofi di laman facebooknya.

Sehubungan itu kata beliau, PH Melaka meminta SPR menyasat perkara tersebut dan memastikan sama ada pengundi-pengundi yang dipindahkan ini benar-benar sah dan bermastautin di alamat yang tertera atau sebaliknya.

"Kami dapati pengundi-pengundi yang dipindahkan ini beralamat di Bt 6 1/2 Kg Bukit Katil. Ini sepatutnya tidak boleh diterima kerana alamat yang digunakan tidak lengkap, tanpa nombor rumah.

"Sedangkan sewaktu pendaftaran, pengundi perlu menyatakan alamat yang lengkap," kata Ketua AMANAH Bukit Katil itu.

Jelas beliau, perkara ini bukan kali pertama berlaku kerana dalam RDPT Suku Ketiga yang dikeluarkan pada bulan September lalu, pemindahan seperti ini lebih ketara apabila 30 pengundi dipindahkan menggunakan alamat setor pejabat Umno Bukit Katil.

Walaupun PH negeri telah membuat bantahan, namun beliau kesal bantahan itu tidak diterima atas alasan PH gagal membuktikan pengundi-pengundi berkenaan tinggal di luar kawasan Bukit Katil, sedangkan pengundi yang diragui itu sepatutnya membuktikan mereka ialah pengundi yang sah di Dun Bukit Baru.



Sofi menunjukkan senarai pengundi yang diragui selepas membuat bantahan di Pejabat SPR negeri.

"Kali ini kami berharap SPR akan menyasat pengundi-pengundi yang dibantah ini dan memanggil mereka untuk perbicaraan.

"Pengundi-pengundi yang dipanggil itu nanti perlu membuktikan bahawa mereka adalah pengundi yang sah dan tinggal di Bt 6 1/2 Kg Bukit Katil," kata beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Adun Ayer Keroh Khoo Poay Tiong menjelaskan, 22 nama pengundi Dun Bukit Baru yang diragui itu berbangsa Melayu, India, Cina dan juga Portugis.

"Nampaknya kesemua mereka tinggal di alamat yang sama," kata beliau.

Tambah Khoo, keganjilan ini mendorong PH membuat bantahan di pejabat SPR.

Mengapa BN bantah syor kedua persempadanan kawasan pilihan raya?

SHAH ALAM: Pakatan Harapan (PH) mengesahkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjelaskan kewajaran dan keperluan BN Selangor membuat bantahan ke atas syor kedua persempadanan semula kawasan pilihan raya di negeri itu.

Pengarah Pilihan Raya PH negeri, Dr Xavier Jayakumar berkata, apakah kewajaran BN Selangor berbuat demikian sedangkan sebelum ini BN tidak pernah menghantar sebarang bantahan bagi syor pertama persempadanan kawasan pilihan raya oleh SPR.

"Kita tidak faham mengapa Umno-BN mahu buat bantahan dalam syor kedua? Sedangkan mereka parti yang kuat dalam negeri Selangor walaupun sebelum ini tidak pernah buat bantahan kerana yakin mereka akan menang.

"Ini menunjukkan Umno-BN berada dalam keadaan panik sebab itu mereka akan buat bantahan terhadap persempadanan semula kawasan pilihan raya dalam syor kedua yang dipamerkan SPR sehingga 14 Februari depan.

"Sedangkan Umno (BN) tidak pernah membuat sebarang bantahan bagi kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri



Dr Xavier dalam sidang media bersama pengarah-pengarah pilihan raya negeri parti-parti komponen PH di Shah Alam.

(Dun) di Selangor ini dalam syor pertama yang dikemukakan SPR pada tahun lalu," ujarnya dalam sidang media yang diadakan di Ibu pejabat Pilihan Raya Keadilan negeri, dekat sini, 26 Jan lalu.

Dr Xavier mengulas kenyataan Pengerusi Perhubungan BN Selangor Tan Sri Noh Omar pada 13 Januari lalu, bahawa BN negeri membantah cadangan kedua per-

sempadanan semula kawasan pilihan raya Parlimen dan Dun di negeri itu.

Pada 27 Disember lalu, Adun Kota Damansara, Datuk Halimaton Saadiah Borhan, tampil membantah cadangan SPR untuk memindahkan pengundi di kem tentera Sungai Besi dari kawasannya ke kerusi Paya Jaras, yang kedua-duanya terletak di bawah kawasan Parlimen Subang.

Kata Dr Xavier lagi, parti-parti gabungan dalam PH sebelum ini telah membuat bantahan terhadap syor pertama oleh SPR membabitkan 22 Parlimen dan 55 Dun di Selangor.

PH telah mengemukakan sebanyak 115 bantahan kepada syor pertama dengan mengikut proses yang ditetapkan SPR dalam tempoh 8 hari setelah syor persempadanan pertama dipamerkan.

Beliau yang juga Naib Presiden Keadilan mempersoalkan sama ada SPR menerima bantahan dibuat BN dalam syor kedua itu.

"Bagaimanapun setahu saya, hanya satu bahagian Umno sahaja buat bantahan iaitu bagi kawasan Parlimen Kota Damansara. Selain daripada itu tiada mana-mana bahagian Umno-BN buat bantahan.

"Sekiranya mana-mana parti tidak membuat sebarang bantahan terhadap syor pertama oleh SPR, itu menandakan parti tersebut bersetuju dengan syor pertama dipamerkan SPR.

"Sekarang SPR sudahpun buat pameran baharu bagi syor kedua, adakah parti yang tidak membuat bantahan pada syor pertama dibolehkan mengemukakan bantahan bagi syor kedua yang dipamerkan SPR?" soal beliau.

Syor kedua persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh SPR dipamerkan sehingga 14 Februari depan.

SPRM perlu jelaskan kebocoran maklumat siasatan

GEORGETOWN: Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng membangkitkan persoalan mengenai kebocoran maklumat siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan membidas sesetengah media yang bertindak tidak profesional dan beretika dalam menerbitkan laporan.

Dalam tulisannya di laman facebook, Guan Eng terkejut apabila seorang wartawan

yang bertanya soalan mengenai projek lebuhraya dasar laut mengakui maklumat yang diperolehinya bersumberkan badan pencegah rasuah itu.

"Inilah masalahnya, dari manakah sumbernya? Adakah sumbernya SPRM? SPRM mesti jelaskan mengapa maklumat bocor.

"Memandangkan wartawan berkaitan berkata bahawa sumbernya adalah SPRM,

saya mahukan jawapan daripada SPRM.

"Apa yang anda (SPRM) buat, membocorkan maklumat? Tidakkah itu melanggar undang-undang?" ujarnya.

Menurut Guan Eng, SPRM sepatutnya mengambil tindakan terhadap mereka yang membocorkan maklumat siasatan namun kini berada di belakang pembocor maklumat.

Setiausaha Agung DAP itu juga hairan apabila SPRM membisu terhadap isu berkenaan sedangkan perkara berhubung siasatan sepatutnya sulit dan dilindungi undang-undang untuk mengelakkan prejudis.

Media arus perdana pula menurut Guan Eng, terus menerus menyiarkan laporan dengan memetik sumber daripada SPRM, walaupun mereka gagal mengemukakan bukti.

Kalau Tok Janggut boleh, zaman FB lagi boleh

Oleh ARIF ATAN

PENGERUSI: AMANAH Pahang, Dr Hamzah Jaafar berpendapat usaha untuk menumbangkan rejim Umno-BN yang mengenakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) wajar lebih mudah di zaman Facebook sekarang.

Katanya, tindakan penjajah British 100 tahun lalu menaikkan pelbagai jenis cukai kemudiannya berjaya mengundang kebangkitan rakyat untuk menentang British. "Kalau dilihat sejarah pada 1915, Tok Janggut telah pun bermesyuarat dan meminta masyarakat bangkit menentang kerajaan British yang telah pun menaikkan cukai.

"Antaranya, 3 sen untuk satu pohon buah-buahan, 5 sen untuk satu bakul sirih, 3 sen untuk setandan kelapa, 20 sen untuk seekor kerbau atau lembu dan 60 sen untuk satu ekar tanah.

"Tok Janggut yang berpusat di Pasir Puteh tidak puas hati dengan kenaikan cukai itu, lalu rakyat diajak melakukan penentangan pada April 1915," jelasnya pada Konvensyen Pakatan Harapan Pahang, 27 Jan lalu.

Beliau menyifatkan Umno mewarisi perangai British apabila satu abad selepas itu mengenakan pula cukai GST enam peratus mulai April 2015.

"Kalau Tok Janggut zamannya itu tidak ada Facebook, blog boleh mengajak rakyat bangkit menumbangkan British, zaman kita ada Facebook, blog takkan tidak boleh mengajak rakyat menumbangkan BN," tegasnya lagi.

Mengulas kedudukan Pahang yang tidak tersenarai antara negeri sasaran yang akan diperintah oleh Pakatan Harapan, beliau berkata, tidak mustahil negeri itu mengu-

langi rekod Perak pada Pilihan Raya Umum 2008.

"Biar kita tidak dinamakan sebagai negeri yang mungkin tidak ditadbir Pakatan Harapan, kita tenang bekerja dan bersatu. Perak tahun 2008 tidak pernah terfikir pun bahawa Pakatan Rakyat akan menang, tiba-tiba Pakatan Rakyat menang, "ujarnya.

Konvensyen PH Pahang juga menyaksikan pemimpin AMANAH, PPBM, Keadilan dan DAP menandatangani Ikrar Tawan Pahang.

AMANAH pastikan kemenangan Keadilan di Permatang Pauh

PERMATANG PAUH: AMANAH akan tetap mempertahankan kerusi Parlimen Permatang Pauh sekiranya Pas bercadang meletakkan calonnya di kerusi tersebut bagi menentang calon Keadilan pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Ketua Pemuda AMANAH Kawasan Permatang Pauh, Mohd Farid Ismail berkata, pihaknya mendukung aspirasi pimpinan AMANAH dan Pakatan Harapan (PH) bagi memastikan kerusi Parlimen Permatang Pauh dimenangi PH.

"Kita akan pastikan kerusi Parlimen Permatang Pauh tetap menjadi milik PH tanpa memberi sedikit pun ruang kepada Pas dan Umno.

"Setelah Presiden Pas mengumumkan akan meletakkan calon Pas di Permatang Pauh maka terang

lagi bersuluh hasrat mereka untuk membantu Umno dan BN menawan kerusi tersebut.

"Pemuda AMANAH Permatang Pauh dalam keadaan siap siaga menanti kehadiran Pas untuk bertanding di Permatang Pauh," ujarnya yang diminta mengulas mengenai hasrat Pas untuk meletakkan calon mereka di Parlimen Permatang Pauh pada PRU akan datang.

Jelas Farid lagi, pengumuman Presiden Pas tersebut menyerlahkan lagi hasrat parti itu ingin bersekongkol dan menjadi tongkat kepada BN.

"Apabila Pas menzahirkan hasrat mereka untuk bersama BN menentang PH di Permatang Pauh, maka kita sanggup mengorbankan keringat, bersinting lengan bagi memastikan kemenangan PH.

"Pas akan menerima nasib yang paling malang dalam sejarah politik mereka, apabila tersepit di tengah dan dipijak dalam pertembungan politik kali ini," ujarnya lagi.

Baru-baru ini Pengerusi Majlis Pimpinan Keadilan Pulau Pinang, Datuk Mansor Othman mengalu-alukan hasrat Pas untuk bertanding di Permatang Pauh.

Malah Mansor turut menerima hasrat Pas untuk bertanding dalam pertandingan tiga penjur dengan tangan terbuka.

Pada PRU 2013, calon Keadilan bagi kerusi Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim berjaya meraih 37,090 undi dalam pertandingan tiga penjur.

Calon BN, Dr Mazlan Ismail memperoleh 25,369 undi dan calon Bebas, Abdullah Zawawi hanya

mampu memperolehi 201 undi. Anwar berjaya memenangi pertandingan tiga penjur itu dengan majoriti 11,721 undi.

Pada pilihan raya kecil 2015, Datuk Seri Dr Wan Azizah yang mewakili Keadilan berhadapan pertandingan empat penjur menghadapi calon BN, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan juga calon Bebas.

Wan Azizah berjaya mengekalkan kemenangan di Permatang Pauh dengan mendapat 30,316 undi, manakala calon BN memperoleh 21,475 undi.

Calon PRM hanya mampu meraih 101 undi dan calon Bebas (367 undi).

Ubah kerajaan untuk dapat faedah rakyat Pulau Pinang

GEORGETOWN: Ada di antara penduduk di sempadan negeri mengubah daftar pemilih masing-masing ke Pulau Pinang bagi mendapatkan faedah dan skim kebajikan ditawarkan kerajaan negeri itu.

Sehubungan itu, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng menasihati mereka agar tidak berbuat demikian sebaliknya bertindak mengubah kerajaan jika mahukan faedah seperti dinikmati rakyat Pulau Pinang.

"Tak payah ubah daftar pemilih, ubah kerajaan cukuplah... anda akan dapat menikmati sumbangan 'Emas' ini tiap-tiap tahun," ujarnya sejurus mengumumkan tarikh pembayaran Program Pengharga-

an Warga Emas Fasa 1 pada sidang media di Menara Komtar, 25 Jan lalu.

Program pembayaran 'Emas' yang dipelopori kerajaan negeri Pulau Pinang cukup popular sehingga ada pihak yang mengubah daftar pemilih mereka ke negeri ini semata-mata untuk menikmati insentif berkaitan.

Menurut Guan Eng, program pembayaran 'Emas' itu adalah sebahagian daripada inisiatif Negeri Berkeadilan.

"Saya harap, negeri-negeri lain pun boleh mencontohi program kebajikan yang dibuat oleh Pulau Pinang dan Selangor... tidak perlu ubah daftar pemilih ke Pulau Pinang.

"Lagipun Kerajaan Negeri Pulau Pinang mahu menghargai sumbangan warga emas yang telah membolehkan kita mencapai prestasi hari ini dengan pembangunan ekonominya, sosio-politik, lebih ceria dan berdaya huni," katanya.

Dalam pada itu, Guan Eng turut mengumumkan bahawa penerima bayaran bagi Program Penghargaan Warga Emas tahun ini buat pertama kalinya dapat menikmati kenaikan 30 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Kenaikan sumbangan daripada RM100 kepada RM130 ini adalah pengiktirafan kejayaan tadbir urus CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus) kepada rakyat Pulau Pinang dalam meneruskan dividen anti rasuah.

"Pembayaran Fasa 1 ini melibatkan 174,247 individu dengan kos RM22,652,110 dan dibuat dalam dua sesi iaitu pada 20 hingga 26 Januari 2018 bagi pembayaran khas KADUN Penaga, Berapit dan Datuk Keramat.

"(Dan) pembayaran biasa pada 27 dan 29 Januari 2018 di 28 cawangan Maybank terpilih bermula pada jam 10 pagi hingga 3 petang, manakala Fasa 2 pula adalah pada 10 dan 11 Februari 2018 nanti," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Air Putih.

Pulau Pinang umum elaun untuk 1,157 pegawai masjid

GEORGETOWN: Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan pemberian elaun bulanan kepada 1,157 pegawai masjid bermula bulan ini sehingga Jun tahun ini.

Insentif yang dianggarkan berjumlah hampir RM4.11 juta itu menurut Ketua Menteri Lim Guan Eng bakal memberi manfaat kepada 406 imam, 365 bilal dan 386 siak.

"Sejumlah 70 peratus peruntukan bagi membayar elaun pegawai-pegawai masjid ditanggung oleh Kerajaan Negeri, manakala 30 peratus lagi ditanggung oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)," katanya kepada pemberita di Komtar.

Beliau yang juga Setiausaha Agung DAP berkata, masing-masing imam, bilal dan siak akan menerima elaun sebanyak RM850, RM324 dan RM360 sebulan.

Beliau tidak menolak kemungkinan pemberian itu akan dipolitikkan pihak pembangkang di negeri itu yang sering memainkan sentimen perkauman sempit.

"Apabila kerajaan negeri menaikkan peruntukan hal ehwal pembangunan Islam sebanyak 84 peratus, kita diselang sebagai 'anti-Cina', 'angkat undi Cina tapi bantu orang Melayu'.

"Permainan perkauman ini tidak harus diteruskan, kerajaan negeri perlu bantu semua orang tanpa mengira apa fahaman pun, latar belakang bangsa atau agama," tegasnya.

Pentadbiran Pakatan Harapan di Pulau Pinang sering ditohmah bersifat perkauman hanya kerana menaikkan peruntukan hal ehwal agama Islam di negeri itu.

Untuk rekod, peruntukan hal ehwal Islam dari tahun 2008 sehingga kini dianggarkan sebanyak RM457.05 juta, meningkat 84 peratus berbanding tempoh sama pemerintahan Umno-BN.

Ekoran itu, pentadbiran negeri yang diterajui DAP di negeri itu sering dilemparkan dengan pelbagai tuduhan seperti anti-Cina oleh parti-parti majoriti Cina dalam BN dan anti-Melayu oleh Umno dan Pas.

Pengerusi MCA Pulau Pinang, Datuk Tan Teik Cheng dilaporkan media pada 7 Feb tahun lalu mendakwa kerajaan negeri diterajui DAP mengambil undi Cina semasa pilihan raya tetapi hanya menjaga orang Melayu selepas menang.

Manakala Pengerusi Umno Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman pada 19 Dis lalu mendakwa pembelaan terhadap orang Melayu dan Bumiputera akan terhakis jika DAP terus memerintah negeri.

Presiden AMANAH diraikan di Masjid Bulan



Mohamad merasmikan BOP PDM Kubang Bemban dalam Dun Pengkalan Pasir.

Oleh ZIKRI ABDULLAH

PENKALAN PASIR: Presiden AMANAH, Mohamad Sabu yang tiba di Kelantan 26 Jan lalu disambut di Masjid Bulan yang selama ini menjadi markas Pas.

Beliau turut merasmikan bilik operasi pilihan raya (BOP) pusat daerah meng-

undi (PDM) Kubang Bemban dalam Dun Pengkalan Pasir.

Pengerusi AMANAH Pasir Mas Che Rahim Che Daud yang menyampaikan ucapan aluan di majlis itu berkata, kini bangunan itu bertukar menjadi bilik operasi AMANAH dan Pakatan Harapan (PH).

"Bangunan sebelah masjid bulan ini diberi kebenaran untuk dijadikan bilik



Bergambar dengan penduduk tempatan di Masjid Bulan.

operasi PDM oleh pemiliknya," katanya. Mohamad dalam ucapannya menyatakan keyakinan PH akan menang dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Pagi tadi ada perjumpaan pimpinan PH diketuai Tun Mahathir dengan duta-duta negara Kesatuan Eropah (EU).

"Jelas kepercayaan mereka akan berlaku perubahan kerajaan dalam pilihan raya ini.

"Kita hanya minta supaya mereka memberi tekanan kepada kerajaan Malaysia supaya menjalankan pilihan raya dengan adil," katanya.

Presiden AMANAH itu berada di Kelantan selama tiga hari.

Beliau turut merasmikan BOP PH Dun Pengkalan Pasir dan merasmikan BOP PH Dun Air Lanas.

PH bakal jadikan pelancongan, pertanian sumber ekonomi Kelantan

GAAL: Timbalan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan, Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah (foto) menegaskan komitmen PH untuk menjadikan bidang pelancongan dan pertanian sebagai sumber ekonomi Kelantan jika diberi peluang mentadbir negeri ini.

"Inisiatif pelancongan dan pertanian ini telah kita mulakan sekarang dan bukan menunggu kita diberi peluang mentadbir," katanya ketika menjawab soalan di majlis dialog kedai kopi di Simpang Jeram Linang anjuran PH Dun Gaal, baru-baru ini.

Abdul Rahim menjawab soalan pengarah pilihan raya Dun Gaal Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Abdul Rahman Abdullah berhubung pusat peranginan Jeram Linang yang kini terbiar dan kotor.

"Saya cukup sedih sebagai penduduk di sini, anugerah yang begini indah dibiarkan begitu saja malah mungkin jada pusat

kerosakan alam pula," katanya.

Menurut Wan Rahim Pemuda AMANAH Kelantan telah memulakan beberapa projek berkaitan dua sektor ini.

"Dalam hal Jeram Linang ini, kerana ia diurus oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) kita hanya dapat buat penambahbaikan selepas kita dipilih rakyat," katanya.

Jeram Linang adalah antara kawasan air terjun terawal dibangunkan sebagai kawasan rekreasi di Kelantan.

Air terjun Jeram Linang adalah dari jenis air terjun bertingkat setinggi 12 meter dan menjadi tumpuan orang ramai dari kawasan Pasir Puteh, Machang dan Kota Bharu.

Ketika pusat rekreasi ini menjadi tumpuan ramai, penduduk tempatan khususnya di sekitar Dun Gaal menjalankan perniagaan kecil sebagai sumber pendapatan.

Dalam keadaan yang tidak terurus dan



Pusat peranginan Jeram Linang kini terbiar sepi ekoran ketiadaan pengunjung.

ketiadaan pengunjung, sumber pendapatan penduduk turut terjejas.

Turut hadir di majlis dialog itu pengerusi

Jawatankuasa Dun (JDUN) Gaal Muhammad Said dan Timbalan Ketua AMANAH Bachok Ismail Ghani.

Minta 'nafkah politik' bukan ciri kerajaan Islam

PENKALAN PASIR: Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan Datuk Husam Musa menyangkal dakwaan yang menganggap usaha menukar kerajaan Pas di Kelantan bertentangan dengan hukum Islam.

"Ada yang kata jatuhkan kerajaan Pas tak syarie, saya cabar adakan forum," katanya ketika berucap di majlis pelancaran bilik operasi pilihan raya (BOP) PH Dun Pengkalan Pasir, 26 Jan lalu.

BOP PH itu dirasmikan presiden AMANAH Mohamad Sabu. Turut hadir Pengerusi AMANAH Kelantan Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah dan para pemimpin Keadilan dan PPBM negeri.

Menurutnya, menjadi kewajipan umat

Islam untuk menentukan kerajaan yang mengendalikan urusan mereka tidak melakukan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

"Islam tidak membenarkan rakyat membiarkan sebuah kerajaan yang rasuah dan meminta 'nafkah politik' terus berkuasa.

"Istilah ini bukan saya reka tetapi digunakan oleh pemimpin yang sedang memerintah sekarang," katanya.

Beliau terus menyenaraikan kes yang melibatkan projek lebuhraya rakyat dan skandal kewangan agensi kerajaan lain.

"Dalam kes lebuhraya (rakyat) saya telah mendedahkan bagaimana Baldah Toyiybah telah terpaksa membayar ganti rugi ratusan ribu akibat penyelewengan.

"Jambatan Kedua Sdn. Bhd (JKSB) pula telah dipaksa membuat bayaran luar kontrak kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

"Bila saya buat pendedahan dengan dokumen, apa yang dilakukan pihak Exco adalah memanggil kakitangan untuk siasat siapa yang bocorkan (maklumat)," kesal beliau.

Tambah Husam, situasi ini menunjukkan salah laku itu memang berlaku.

"Kalau tak ada apa-apa tak kan nak cari siapa yang bocorkan. Tentu ada kesalahan bila takut bocor," katanya.

Beliau turut mengulas kenyataan Exco Kerajaan Negeri Kelantan, Che Abdullah Mat Nawi yang berkata pembangkang di

negeri itu tidak diberi peruntukan kerana dianggap "cuba menjatuhkan kerajaan Islam".

"Ini jawapan untuk menutup malu mereka kerana menuntut peruntukan di Selangor walaupun mereka kini jadi lawan kerajaan di sana.

"Pas sekarang kalau pasal duit bila memihak mereka semua betul," katanya.

Menurut beliau, kerajaan yang menggunakan slogan 'Membangun Bersama Islam' tetapi dipenuhi penyelewengan dan salah laku perlu dijatuhkan.

"Tiada apa salahnya menjatuhkan kerajaan dipenuhi rasuah untuk digantikan dengan yang lebih baik," katanya.

Demokrasi yang 'memanusiakan' manusia

MENYEDARI kedatangan pilihan raya umum (PRU) ke-14 hanya membilang-hari sahaja, saya ingin kembali membicarakan tentang demokrasi yang kita pilih untuk menjadi wasilah-wahana bagi membebaskan rakyat warganegara Malaysia daripada sebuah siri rejim pemerintahan yang telah menguasai negara ini sejak enam dekad yang lalu kepada pentadbiran baru yang manusiawi.

Tokoh-tokoh Islam sejak abad lalu tidak menolak sistem demokrasi sebagai pilihan untuk mensejahterakan umat sejak Hassan Al-Banna, Abul 'Ala al-Maududi, Mohamad Natsir, Sheikh Yusof al-Qaradawi, Muhammad Imarah hingga ke Ahmad Raisuni.

Menyedari hakikat itulah Parti Amanah Negara dihadirkan ke tengah persada politik untuk menjadi salah satu daripada pelaku politik dalam kancah pertarungan di medan demokrasi.

Kami percaya dasar dan tujuan parti untuk mendirikan sebuah negara dan masyarakat madani dengan Islam sebagai rahmat untuk semua (rahmatan lil alamin), dan melaksanakan pemerintahan yang berteraskan tadbir urus baik (good governance) selari dengan tuntutan, amanah, keadilan, kesaksamaan, kecekapan dan ketelusan boleh direalisasikan menerusi amalan demokrasi.

Sesungguhnya demokrasi adalah proses memanusiakan manusia. Demokrasi dapat melaksanakan proses siasah yakni "iqamatud din wa siyasatu dunya bih" yang wujud dalam Islam. Apa yang saya maksudkan bahawa memanusiakan manusia menerusi demokrasi itu adalah sistem ini dapat meletakkan manusia ke taraf yang sewajarnya.

Menerusi demokrasi kita dapat melaksanakan tradisi politik Islam yang mengupayakan manusia dengan memandu mereka ke arah yang lebih selamat. Untuk menjadikan manusia hampir kepada kebaikan dan lebih jauh kepada kerosakan. Menjadikan kita memilih demokrasi sebagai wasilah dan wahana bagi mencapai tujuan murni.

Dr. Jasser Audah melalui tulisannya "Bayn Al-Shariah Wa Al-Siyasah" yang ditulis selepas revolusi musim Semi Arab amat baik diteliti;

Apabila kita memberikan keutamaan terhadap perkara yang berkaitan dengan pembinaan manusia pada peringkat yang mendalam ini, kita pasti berjaya pada akhirnya. Ia bererti kamu mendahulukan projek membina manusia mengatasi setiap projek kepartian dan kepuakan bahkan pembangunan kebendaan, kepolitikan, perundangan dan lain-lain.

Contohnya ialah Kebebasan juga lemah atau secara umumnya tiada dalam

budaya orang Arab dan pengalamannya sekarang, kemudian kita pada peringkat yang utama pasca-revolusi ini mendakwa bahawa kita mahu membebaskan manusia dan berdiri bersama-sama rakyat yang dijajah dan diperhamba di setiap tempat. Tetapi logik yang berlaku adalah semestinya didahulukan kebebasan sebelum pembebasan, kerana membina manusia yang bebas yang akan mendatangkan kebebasan, kerana orang yang tiada sesuatu tidak akan dapat memberi apa-apa.

Demikian juga mesti ada kebebasan sebelum dilaksanakan Islam. Kenapa? Jawapannya: Apabila saya mahu manusia melaksanakan Islam, saya mestilah membentangkan kepada mereka Islam ini, seterusnya sama ada dia terima atau tidak terima. Akan tetapi demi membuat pemilihan, orang yang dibentangkan haruslah mempunyai kebebasan memilih, supaya dia menerima atau tidak menerima. Jika tidak ada kepadanya kebebasan, adakah saya akan memaksa Islam ke atasnya secara paksa? Allah SWT berfirman;

"Maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?" (Yunus: 99)

(Prof Dr Jasser Audah, Memahami Hubungan Antara Syariah dan Politik, IDE, 2017)

Ciri-ciri demokrasi

Pemilihan bebas (free-election) membolehkan rakyat memilih ketua atau wakil bagi menyatakan pendapat mereka ke atas mana-mana isu. Pemilihan itu perlu berkala, supaya pemerintah benar-benar adil dan mewakili rakyat.

Kehendak undang-undang menuntut pengundi atau pemegang jawatan berdasarkan umur, permastautin dan kewarganegaraan. Proses demokrasi membolehkan rakyat mengundi secara 'secret ballots', bebas dari paksaan atau sogokan. Keputusan pengundian perlu dilindungi dari kekhianatan, bersih dari penipuan dan kecurangan.

Parti politik

Parti politik adalah bahagian yang perlu wujud dalam pemerintahan demokrasi. Kelainan parti membolehkan persaingan dan peluang pengundi memilih. Ada sistem dua parti atau pelbagai parti di mana satu atau beberapa parti politik boleh membentuk kerajaan.

Sementara parti-parti yang berada di luar pemerintahan adalah oposisi yang setia. Mereka bebas mengkritik, membantah dan memprotes sebarang tindak-tanduk parti pemerintah. Keadaan

ini menjadikan proses semak dan imbang (check and balance). Dalam pemerintahan totalitarian keadaan ini tidak akan dibolehkan, selalunya para diktator menganggap kritik dan protes sebagai pengkhianatan negara (treason), derhaka.

Demokrasi harus dihidupkan

Tugas semua adalah menjadikan demokrasi itu benar-benar berjalan (making democracy work). Untuk itu partisipasi rakyat perlu diluaskan. Rakyat perlu dibantu dalam bentuk pendapat umum dengan lain perkataan pendidikan politik adalah suatu kewajipan, justeru pendidikan dan demokrasi tidak boleh dipisahkan.

Malangnya di bawah sebuah regim yang terlalu lama berkuasa, pendidikan politik tidak berlaku seperti semestinya. Bahkan apa yang sering terjadi pembohongan politik, penumpukan akal sehat rakyat menerusi berbagai kaedah seperti upah, sogok, ugut, dera, tipu, memalukan dan meleakakan. Rakyat sentiasa ditakutkan dengan berbagai gertakan oleh undang-undang drakonian dan ugutan-ugutan yang mengerikan.

Rasuah, korupsi, salah guna kuasa, kronisme dan dasar kleptokrasi oleh pemerintah negara akan dibiarkan berleluasa sekiranya demokrasi tidak berjalan dengan baik.

Menerusi demokrasi, pemberdayaan, pengupayaan atau pemerdayaan rakyat dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Risalah para rasul yang menekankan isu transformatif dan liberatif yang diperikan oleh al-Quran dengan istilah taghyir (perubahan) dan tahrir (pembebasan) bakal terlaksana. Bagi kita, nikmat terbesar sesudah beriman adalah kebebasan (freedom).

Pasti kita masih ingat ketika perantaraan Saidina Umar Faruq Al Khatab. Beliau menyarankan agar umat menaati setiap perintahnya yang benar dan menegur apabila berlaku sebarang kesalahan. Salah seorang audien bangun mengatakan, "Kalau benar akan kami taati, kalau salah akan kami betulkan kesalahan itu dengan pedangku ini".

Semua ini terjadi kerana di sana ada kebebasan kepada rakyat. Manusia atau insan adalah makhluk yang punya kebebasan memilih, mengeluarkan pendapat seperti mana diinginkannya. Menerusi sistem pilihan raya, sebuah rejim atau pemerintahan boleh ditukar, diturunkan dan digantikan. Rakyat tidak takut kepada sebarang kuasa, keadilan pasti dijulang kepuraan dan penyelewengan sentiasa ditentang.

Pada hari ini, negara telah melalui su-



atu keadaan yang paling buruk dalam sejarah apabila rasuah berleluasa dan negara demokrasi bertukar menjadi negara kleptokrasi. Imej negara begitu buruk di mata dunia, rakyat terlalu sengsara dengan sistem percukaian yang mendera dengan harga barangan yang sentiasa naik mendadak.

Kesabaran rakyat rasanya sudah "ke paras hidung" yakni hampir lemas. Dengan semangat kebersamaan di kalangan para pembangkang yang bergabung dibawah Pakatan Harapan berazam untuk membentuk sebuah gelombang kebangkitan rakyat menggantikan kerajaan yang tidak manusiawi ini kepada sebuah kerajaan rakyat dari rakyat untuk rakyat.

Demokrasi yang dimanfaatkan oleh rakyat menerusi penyertaan aktif dalam memilih kerajaan pada kali ini amat penting sekali. Namun masih terdapat kira-kira 4.2 juta dari 13.5 juta rakyat negara ini yang tidak mendaftar sebagai pemilih justeru mereka tidak memahami betapa perlunya mengundi bagi menentukan arah betul masa depan negara ini.

Bahkan lebih malang lagi bila ada segelintir warganegara yang sedang berusaha agar rakyat memboikot atau merosakkan undi dalam pilihan raya akan datang tanpa sebarang protes. Bagaimana mungkin nantinya kita melakukan reformasi sistem dari seluruh institusi dan perundangan negara jika rakyat tidak mengubah pemerintah menerusi pilihan raya?

Penggemblengan seluruh tenaga yang ada di Malaysia tanpa mengira lapisan manapun amat berguna demi sebuah perubahan benar. Sekadar mengomel, bersedih, menyesali dan menangis nasib tak akan membawa kita ke mana-mana.

Bulatkan tekad demi kelangsungan sebuah harapan masa depan, jadikan demokrasi sebuah jalan memanusiakan manusia.

■ Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH.

Time to ditch Najibnomics

By DR DZULKEFLY AHMAD

ON January 23, Prime Minister Najib Razak spoke at the Invest Malaysia seminar 2018. As expected, he cherry picked figures to show positive economic growth, investment and employment.

And another round of promises to enhance transparency, accountability and competency. The big question is whether it is enough to boost investor confidence at such a late hour?

Najib took pot shots at the opposition and his critics. He is mistaken if he thinks that the investment community is oblivious of the nation's micro- and macro-economic situations and the scandals besetting it.

Investors are fully informed of the risk profiles of their investment portfolios.

It is a coincidence that Finance Asia, an e-financial journal, ranked Najib lowest among the finance ministers in 2016.

On the back of the damning exposure of the 1MDB scandal, the ringgit understandably turned chronically anaemic and with subsidies withdrawn, the rising cost of living of the rakyat remains unabated.

This year has unravelled further fiscal improprieties. The Felde-Jalan Semarak KLVC and the Mara fiascos are among the latest scandals.

Najib allows for the RM2 billion land acquisition by Bank Negara Malaysia's (BNM) RM2 company, MKD Signature SB also begs explanation. It acquired a 51% stake in Mulia Property Development, the owners of "The Exchange 106" at Tun Razak Exchange (TRX). Taxpayers are, at

best bewildered by this acquisition.

And what about the mega RM8.7 billion (£1.6 billion) bailout by PNB and EPF of the Battersea Power Station in London?

Did the pension funds get another raw deal? Wasn't it best to cut losses and exit before more money are burnt in a project that hasn't much upsides anyway and where cost overrun has become gargantuan.

Najib's promises of transparency and accountability sound hollow and stink from a far. The opposition's critique aside, I will only dwell on what local economic experts have to say about Najibnomics.

Dr Muhammed Abdul Khalid, commenting on Najib's oft-boasting of Malaysia's 5.8% GDP growth, reminded Putrajaya that the GDP is not the best indicator of the nation's economic health.

GDP numbers do not reflect the actual state of borrowings in driving the growth agenda. It doesn't account for the deranged environmental ecosystem consequent upon illegal logging and bauxite mining. It equally fails to reflect whether there is equitable distribution of wealth.

The nation's economic health is optimal when the Bottom 40 (B-40) enjoys the wealth equitably as the Middle 40 (M-40) and the Top 20 (T-20).

Najib needs reminding that when the economy was flourishing between 2014 and 2016, the EPU reported that the income of the B-40 actually plummeted.

The share of the total income of the B-40 dropped from 16.8% (2014) to 16.4% (2016). Najib has failed to achieve an economic growth which is both equitable

and inclusive.

Dr Yeah Kim Leng, an economics professor from Sunway University, advocated a growth which is "investment-based" rather than Najib's "consumption based" economic policies. While acknowledging BR-1M's (1Malaysia People's Aid) short-term benefits, he asserted that creation of fair opportunities for employment instead of reinforcing a subsistence mindset among Malaysians is critical.

Prof Kamal Salih, a renowned economist, concurred that the approach of enhancing wages is more economically sustainable than a programme of cash hand-outs (BR1M). He stressed that the nation will not progress towards a stellar economic status with BR1M economics.

Similarly, while not undermining the Uber-economy, the pertinent question to ask is where are the employment opportunities for these STEM (science, technology, mathematics and engineering) graduates as alluded by the education-based group, PAGE.

Former Bank Negara deputy governor Lin See-Yan alerted that any talk of TN50 must kick off with educational reforms, ceasing employment of low-waged foreign workers, enhancing industry and productivity.

He asserted that the fatigued and failing system must not be sugar-coated with misleading growth figures. There is obviously a disconnect between the favourable government statistics and the rising and burdensome cost of living of the rakyat.

The consumer sentiment index nosedived upon the introduction of the GST because of the increased cost of goods

and services.

Commenting on fiscal discipline, Prof Jomo Sundaram was highly critical of the excessive government spending and the federal debt, which escalated 10% annually from RM123 billion in 2007 to RM687.43 billion as at September 2017.

Going by an annual growth rate of 10.7%, The Edge extrapolated that the federal debt will breach RM1 trillion in 2021, RM2 trillion in 2028 and RM3 trillion in 2032.

Interest payments will total RM30.88 billion in 2018, meaning 71% of GST collections (RM43.8 billion) will be used to service interests alone.

Jomo reiterated that the nation's leaders ought to prioritise on development spending, instead of escalating the management budget. Najib has hidden the former from the federal budget by utilising and abusing "off-budget or off balance-sheet spending".

These include mega-development projects, such as ECRL, TRX and Bandar Malaysia.

Thus Jomo adds, Najib's report to the Parliament is irresponsible and opaque and has the effect of spiralling the federal debt quietly to astronomical heights.

It is plainly obvious to the discerning investors at Invest Malaysia 2018 that Najib is "cakap tidak serupa bikin", he does not walk the talk.

Will the nation and rakyat survive another term of irresponsible and incompetent Najibnomics?

■ **Dr Dzulkefly Ahmad is AMANAH Strategy Director.**

Mahathir help create a wave of change among the rural Malay voters

By LIM KIT SIANG

THE Umno/BN is clearly rattled and panicking from the Pakatan Harapan Presidential Council decision on January 7 to announce Tun Dr. Mahathir Mohamad as the Pakatan Harapan Prime Minister-designate, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail as the Deputy Prime Minister-designate, and Datuk Seri Anwar Ibrahim as the eighth Prime Minister of Malaysia.

The most important lesson of the 13th General Election of May 5, 2013 is that unless we can ensure a political tsunami in both the urban and rural areas, it will be impossible to bring about political change in Malaysia through the democratic process.

All Malaysians, whether Malays, Chinese, Indians, Kadazans, Ibans or Orang Asli; whether Muslims, Buddhists, Hindus, Christians or Sikhs; whether in Peninsular Malaysia, Sabah or

“ If Mahathir cannot help create a wave of change among the rural Malay voters for the 14GE in the remaining 100 days, then no other political leader could accomplish this 'Mission Impossible'... ”

Sarawak; whether in urban or rural areas; must stand united in the 14GE to be held in 100 days to vote for the first change of Federal government in sixty years through the ballot box.

We have two formidable challenges: firstly, to sustain or even increase the voter turn-out and electoral support for political change in the 14GE as compared to 13GE; and secondly, a more uphill task to ensure that there is a political tsunami in the rural areas to match the political tsunami in the urban areas.

If Mahathir cannot help create a wave of change among the rural Malay voters

for the 14GE in the remaining 100 days, then no other political leader could accomplish this "Mission Impossible".

An urban political tsunami without a rural political tsunami will end up like the 13GE, with Datuk Seri Najib Razak continue as minority Prime Minister because of constituency gerrymandering and unfair democratic practices.

A rural political tsunami without an urban political tsunami because the urban voters have given up hope that there is possibility of democratic change, surrendering to a sense of hopelessness about the future, will also

end up redounding to the benefit of Najib, UMNO and Barisan Nasional.

We need both an urban and a rural political tsunami in the 14GE – and that depends not only on Mahathir, Azizah, Anwar, Muhyiddin and Mat Sabu but on the efforts of the four Pakatan Harapan parties of DAP, PKR, AMANAH and PPBM and the "social mobilisation" efforts of all Malaysians, in both the urban and rural areas.

■ **Lim Kit Siang is DAP Parliamentary Leader and MP for Gelang Patah.**

Undi atau rosakkan undi? Itu persoalannya!

BAHARU sahaja saya membaca tulisan Saudara Hafidz Baharom yang mempromosikan gerakan #UndiRosak. Beliau menyatakan kekecewaan terhadap Pakatan Harapan (PH) yang dituduhnya membelakangkan mereka yang seperti dirinya yang telah berkorban demi Pakatan Rakyat semasa zaman menentang Tun Dr Mahathir Mohamad dahulu.

Dia menyebut betapa pandangan mereka seperti dirinya, termasuk Tenaganita dan Haris Ibrahim, langsung tidak diindahkan PH dan oleh itu beliau tidak lagi menghiraukan apa yang akan berlaku kepada PH dan dengan itu menganjurkan gerakan #UndiRosak.

Semua ini berpunca dari kesanggupan PH menamakan Tun Mahathir sebagai bakal Perdana Menteri.

TERIMA KASIH HAFIDZ

Sebelum saya mengemukakan penjelasan dan hujah mengapa tindakan #UndiRosak adalah satu kesilapan besar, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Saudara Hafidz kerana sudi mengundi saya pada tahun 2008 dan juga 2013. Saya harap saya telah memenuhi tanggung jawab saya terhadap Saudara Hafidz sambil ingin juga meminta maaf ke atas apa-apa kekurangan yang pasti ada, semasa saya menjawat jawatan sebagai Ahli Parlimen yang diundinya.

Saya telah berusaha sedaya mungkin untuk memperjuangkan konsep ketelusan dan pertanggungjawaban kerajaan serta menolak dengan keras perkauman dan salah guna agama demi kepentingan politik. Persoalan ketidakadilan politik dan ekonomi turut saya usaha ketengahkan khususnya dalam persoalan beban kos kehidupan ke atas rakyat hasil dari penyelewengan, rasuah, rompakan harta rakyat dan kedangkalan kerajaan.

Dan setakat mana yang saya lakukan itu semua, setakat itulah kemampuan saya. Atas apa-apa kekurangan saya pohon maaf.

MEMBELAKANGKAN PANDANGAN PENYOKONG

Dalam soal pemimpin PH membelakangkan dirinya dan mereka yang sepertinya sehingga tidak mendengar pandangan mereka, saya minta maaf tetapi dakwaan itu tidak tepat. Apabila kita mempunyai pandangan berbeza tidak bererti kita tidak mendengar pandangan saudara. Sememangnya pandangan saudara dan yang sependapat dengan saudara diambil kira, sehingga persoalan menerima Tun

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL

KHALID SAMAD



Mahathir sebagai calon bakal Perdana Menteri tertangguh beberapa bulan.

Ianya bukan satu keputusan yang dibuat secara mudah mahupun tergesa-gesa. Ianya telah dibincang dan dibincang

berkali-kali, sehingga akhirnya apabila keputusan dibuat dan pencalonannya diterima, ianya diterima atas syarat-syarat yang jelas dan nyata.

Hakikatnya ianya dibuat atas sebab ingin meneruskan usaha di sebalik penubuhan Pakatan Rakyat (PR) dan seterusnya PH dan bukan sebaliknya. Tidak benar didakwa PH meninggalkan saudara sekiranya apa yang dimaksudkan adalah meninggalkan perjuangan yang dibawa PR dari asal penubuhannya. Atas sebab ingin terus memperjuangkan agenda reformasi dan pemusnahan regim yang korup dan zalim maka keputusan tersebut terpaksa dibuat.

MENGAPA TUN MAHATHIR?

Setelah berbahas selama berbulan-bulan, ianya tidak dapat dinafikan bahawa sokongan yang dibawa Tun Mahathir diperlukan sekiranya benar kita ingin mencatat sejarah dan menukar kerajaan di Putrajaya dengan sebuah kerajaan yang lebih telus dan adil. Keperluan kita terhadap kebersamaan Tun Mahathir adalah lebih mendesak apabila mengambil kira betapa Najib telah berjaya mempengaruhi dan merosakkan Pas sehingga meninggalkan PR dan menjadi 'mesra Umno'.

Mungkin dikatakan, "Ya benar, tetapi mengapa Tun Mahathir perlu dinamakan sebagai calon bakal PM?"

Jawapannya adalah kerana Najib telah awal-awal lagi memenjarakan Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI). Walaupun Kak Wan (Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail) dan yang lain berkebolehan, namun kebolehan mereka belum lagi diyakini rakyat jelata kerana mereka tidak pernah menjawat jawatan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.

Mungkin ditambah pula dengan bantahan, "Tidaklah dahulunya kita menentang Tun Mahathir?"

Ya benar. Dahulunya kita menentang Tun Mahathir dan kita akan menentangnya sekali lagi sekiranya apabila dia diberi kuasa sebagai Perdana Menteri atas sokongan kita, dia kembali kepada cara lamanya!

Perlu difahami, penentangan kita terhadap Tun Mahathir dahulu bukan bersifat peribadi, tetapi atas sebab apa yang dilakukannya. Sekiranya ianya tidak lagi dilakukannya, mengapa perlu kita tumpukan penentangan kita terhadapnya, sedangkan yang sedang melakukan yang

“ Perlu difahami, penentangan kita terhadap Tun Mahathir dahulu bukan bersifat peribadi, tetapi atas sebab apa yang dilakukannya. Sekiranya ianya tidak lagi dilakukannya, mengapa perlu kita tumpukan penentangan kita terhadapnya, sedangkan yang sedang melakukan yang lebih dahsyat lagi adalah Najib?”

lebih dahsyat lagi adalah Najib?

Bukan Tun Mahathir seorang.

Mungkin Saudara Hafidz terlepas pandang, yang akan dinobatkan sebagai kerajaan bukan Tun Mahathir seorang tetapi peribadi Tun Mahathir dan gabungan parti politik iaitu PH.

Dahulu Tun Mahathir bersama Umno/BN iaitu satu gabungan parti politik yang masyhur dengan sikap membodek dan bisu, buta dan tuli apabila pemimpinnya melakukan kesalahan. Tidak dihalang atau dibantah kesalahan pemimpinnya tetapi sebaliknya ditanya, "Berapa untuk saya?"

Sedangkan PH terdiri dari mereka yang dikenali kekentalan mereka dalam menentang kezaliman dan penyelewengan. Sudah pasti Tun Mahathir tidak mampu mendiamkan kami apabila kami dalam kerajaan bersamanya sedangkan kami tidak dapat didiamkannya semasa kami lemah dan terpinggir. Itupun kalau benar Tun Mahathir ingin kembali kepada cara-cara lamanya.

Pada masa yang sama perlu juga difahami pendekatan PH yang menghalang gabungan PH didominasi mana-mana satu parti. Jumlah kerusi yang ditandingi setiap parti tidak memungkinan PH didominasi oleh parti tertentu. Ini membezakan kedudukan Tun Mahathir semasa beliau Pengerusi BN dan Tun Mahathir sebagai Pengerusi PH.

Sebagai Pengerusi BN merangkap Presiden Umno, beliau mendominasi BN melalui Umno kerana jumlah kerusi Parlimen Umno melebihi 50% dari kerusi Parlimen BN. Keadaan sebegini tidak mungkin berlaku di dalam PH kerana kerusi majoriti Melayu bukan semuanya ditandingi PPBM. Ini adalah kerana bukan PPBM sahaja parti politik Melayu dalam PH.

SERUAN UNTUK GAGALKAN PRU

Ada saya membaca seruan untuk 'menggagalkan pilihan raya' ini dengan cara merosakkan undi. Saya hairan. Apakah benar pilihan raya akan gagal? Adakah benar bahawa apabila kita rosakkan undi kita maka tiada keputusan yang dapat dihasilkan pilihan raya ini dan kerajaan tidak dapat ditubuhkan? Atau yang akan dapat digagalkan adalah sekadar usaha menjatuhkan Umno/BN sahaja?

ANTARA YANG SAH DAN ANDAIAN

Antara yang sah dan andaian, kita perlu membuat keputusan berdasarkan yang sah. Yang sah adalah bahawa sekiranya Umno/BN kekal maka Najib akan terus dengan cara pemerintahan kleptokrasinya dan merompak dan terus merompak. Rakyat akan dibebankan dengan GST yang mungkin dinaikkan kadarnya, harga barang terus naik dan rasuah berleluasa. Ini bukan andaian tetapi hakikat yang dapat kita rasai sekarang. Ini perlu kita tolak.

Andaianya pula adalah Tun Mahathir akan mungkir janji dan sanggup mati sebagai pengkhianat bangsa dan negara. Iaitu setelah menjanjikan reformasi dan menang, beliau khianat dan kembali berpakat dengan Umno dan cara-cara lama beliau. Ini andaian. Mungkin berlaku dan mungkin tidak.

Turut diandaikan adalah sekiranya Tun Mahathir khianat, maka PH akan berdiam diri dan membenarkan pengkhianatan tersebut atau sekiranya berusaha menghalangnya sekalipun, akan gagal menghalangnya. Ini andaian atas andaian.

Kalau ingin dibuat keputusan berdasarkan andaian semata-mata, maka akhirnya berbagai-bagai boleh diandaikan. Bukan sekadar Tun Mahathir yang mungkin khianat, mungkin juga DSAI, Mat Sabu, Khalid Samad, Azmin Ali dan sebagainya. Mana mungkin dibuat keputusan atas andaian semata-mata?

Oleh itu, setakat ini yang jelas adalah kerosakan yang dilakukan Najib dan Umno/BN. Kita sama-sama menolaknya. Undi PH dan kita sama-sama tentukan Tun Mahathir, setelah menjadi PM, memenuhi janji-janjinya. Paling kurang ada kemungkinan, ada harapan bahawa dengan peranan semakimbang oleh PH, ianya boleh berlaku.

Maka kepada Saudara Hafidz dan rakan-rakannya, tuan-tuan telah meletakkan keyakinan terhadap PR dulu. Kami harap untuk kali ini tuan-tuan akan sanggup meletakkan kepercayaan yang sama terhadap PH pula. Kami tidak berubah dari sudut pegangan kami dan komitmen kami untuk memerangi rasuah dan salahguna kuasa serta membela nasib rakyat. Kami tetap sama.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH dan ahli parlimen Shah Alam.



Dr Mujahid dan Abdul Yunus merakam kenangan bersama penduduk.

Jelajah Harapan PH Parit Buntar disambut rakyat

KUALA KURAU: Program 'Jelajah Harapan' Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Kurau Abdul Yunus Jamhari di kawasan Kuala Kurau baru-baru ini mendapat sambutan baik penduduk tempatan.

Program jelajah secara konvoi ini melibatkan aktiviti 'walk about', ziarah pengundi di samping menyemak nama pengundi dalam daftar pemilih.

"Kami juga mengingatkan pengundi agar melaksanakan tanggung jawab untuk mengundi dalam pilihan raya umum (PRU) yang semakin hampir.

"Program jelajah ini juga memberi peluang kepada kami untuk memperkenalkan Pakatan Harapan (PH) dan janji 100 hari PH jika menerajui Putrajaya," ujar Dr Mujahid.

Menurut beliau, Abdul Yunus selaku tuan rumah telah membawa konvoi jelajah ke sepuluh Pusat Daerah Mengundi (PDM) dalam kawasan Dun Kuala Kurau bagi membawa mesej PH kepada pengundi.

"Program ini adalah peluang terbaik untuk kami mendekati pengundi dan pada waktu sama mendengar aduan-aduan mereka," katanya ketika ditemui di pekan Kuala Kurau.

Sementara itu, Penyelaras Jelajah Harapan Hairul Nizam



Ishak memberitahu, konvoi jelajah turut menziarahi beberapa rumah penduduk untuk diberi bantuan.

Peserta konvoi, katanya menyerahkan bantuan zink untuk memperbaiki bumbung rumah di Parit Sungai Melan dan Parit Tok Kip.

"Bantuan adalah hasil aduan penduduk ketika petugas pusat khidmat meninjau keadaan sebelum program berlangsung," katanya.

Hairul Nizam berkata, rata-rata penduduk yang ditemui semasa konvoi Jelajah Harapan menerima baik kehadiran dua wakil rakyat dan rombongan.

"Kami turut menyantuni orang ramai dalam satu majlis kenduri sebagai tetamu di Kampung Nelayan.

"Konvoi singgah berehat dan solat zohor di Surau Parit Tok Kip dan sempat beramah mesra di rumah penduduk kampung yang menyediakan makanan," katanya.

Hairul Nizam memberitahu konvoi Jelajah Harapan akan diteruskan di Dun Titi Serong pada minggu seterusnya.



Menziarahi warga emas yang terlantar uzur.



Menjelaskan tawaran PH kepada seorang pengundi.



Mengacau bubur lambuk bagi diagihkan di bulan Ramadan.



Bertemu penduduk di pasar hari.



Menziarahi dan bertanya khabar seorang warga emas.



Ceria bersama penduduk di pasar hari.



Menemui para peniaga pasar Kuala Kurau.



Menyantuni ayah dan anak.

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.



UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

 **01132334322 (EN HAKIM)**

6 Iksim cuba jadikan Malaysia 'negara mullah'

10 Lebuhraya Rakyat jadi kawasan pembalakan tanpa lesen

13 Azmin tak wajar diaibkan



ms 16&17
Calon TPM PH serasi dengan ikon Cik Siti Wan Kembang

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 88 | 4 - 10 FEBRUARI 2018

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.



SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
04.02.2018	6:00	6:10	7:27	1:30	4:51	7:28	8:39
05.02.2018	6:00	6:10	7:27	1:30	4:51	7:28	8:40
06.02.2018	6:00	6:10	7:27	1:30	4:51	7:28	8:40
07.02.2018	6:00	6:10	7:27	1:30	4:51	7:28	8:40
08.02.2018	6:00	6:10	7:27	1:30	4:50	7:29	8:40
09.02.2018	6:00	6:10	7:27	1:30	4:50	7:29	8:40
10.02.2018	6:00	6:10	7:26	1:30	4:50	7:29	8:40

KERAJAAN SALAH URUS BOIKOT MINYAK SAWIT

KERAJAAN didakwa salah urus tindakan Kesatuan Negara Eropah (EU) yang dikatakan mahu menyekat kemasukan minyak sawit ke sana mulai 2021.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir berkata, perbincangan beliau dengan para duta negara EU yang menemui beliau tidak menunjukkan perkara itu.

"Kerajaan telah tersalah uruskan isu ini. Mereka patut dapatkan maklumat sebenar apa yang berlaku dan mengambil tindakan yang sesuai," katanya.



Kunjungan hormat oleh 14 duta negara Eropah ke pejabat Tun Dr Mahathir baru-baru ini turut membincangkan dakwaan boikot minyak sawit itu.

➔ **Laporan penuh muka 2**

Gambar Tun Dr Siti Hasmah ketika disiasat oleh polis ekoran penyertaan beliau dalam himpunan toksid tahun lalu. Gambar ini menjadi rujukan Rafidah dan Rais.



BN hilang moral tadbir negara

DUA bekas menteri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Datuk Seri Rais Rais Yatim mengecam tindakan pihak berkuasa menyiasat Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali ekoran perhimpunan Toksid tahun lalu.

"Jelas sekali, ada yang kehilangan kuasa moral dan etika untuk mentadbir," kata Rafidah dalam *facebooknya*.

Rais pula berkata, kenapa polis tidak

menyiasat kehilangan wang negara yang kini kecoh serata dunia.

"Yang sedang joli belanja berbilion RM di 3 benua kenapa tak disiasat?" soal beliau yang dipercayai ditujukan kepada kes 1MDB.

➔ **Laporan penuh muka 2**

Natural Safe Effective

SABUN MANJAKANI KAPSUL MANJAKANI

HANDMADE
 NO HARMFUL CHEMICALS
 PARABEN FREE
 HALAL

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

OTHER PRODUCTS:
SOAPS
BODYSKRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA SUPPLEMENTS